KEMBARA AGUNG

SIFAT HAJI NABI SAW SEOLAH-OLAH KAMU BERSAMANYA

Terjemahan daripada kitab:

كَأَنَّكَ مَعَهُ

صِفَةُ حَجَّةِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

NUKILAN

DR. ABDUL WAHHAB BIN NASIR AL-TURAIRI

PELINDUNG ALAM
sdn bhd

KEMBARA AGUNG

SIFAT HAJI NABI SAW SEOLAH-OLAH KAMU BERSAMANYA

Diterbitkan oleh:
Pelindung Alam Sdn Bhd (1507096-D)
No. 6A Jalan 4/12b Seksyen 4 Tambahan Bandar Baru Bangi,
43650 Bandar Baru Bangi, Selangor.
Email: *pelindungalam@gmail.com*
Tel: 017-3763457
© Pelindung Alam 2023

Cetakan Pertama 2023

Hak Cipta Terpelihara
Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pelindung Alam Sdn Bhd.

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati dari Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-629-98395-0-7

Terbitan pertama:
ISBN: 978-629-98395-0-7

Penerbit berusaha sedaya upaya memastikan buku yang diterbit ini mengandungi maklumat yang tepat dan berautoriti daripada segi subjek yang dibincangkan. Penerbit dan penulis tidak boleh dianggap memberikan khidmat perundangan, perakaunan atau khidmat professional yang lain kepada pembaca. Sekiranya nasihat atau bantuan pakar diperlukan, sila dapatkan khidmat dan nasihat daripada pakar berkelayakan.

Penulis Asal:
Dr. Abdul Wahhab bin Nasir Al-Turairi

Diterjemah oleh:
Muhamad Ismail bin Abdullah

Dibantu oleh:
Kumpulan Penterjemah Bayana (Global Perfection Sdn Bhd)
Ahmad Muneeb Musaddaq Mohd Nazeli

Dicetak oleh:
Firdaus Press Sdn Bhd.
No. 26 & 28, Jalan PBS 14/4, Taman Perindustrian Bukit Serdang, 43300 Seri Kembangan, Selangor.

Ahli Jawatankuasa Projek:

Penasihat
Hajjah Karimah Hanim binti Abd Aziz
Haji Mior Mohd Hasif bin Ahmad Zahawir
Haji Shahrul Azham bin Sukaiman

Pengarah Projek
Haji Hasmanizam bin Abdul Majid

Editor Bahasa dan Pruf
Haszrul Azrie bin Zakaria Nor

Unit Operasi
Tengku Nurhusni binti Tengku Ab Razak

Reka Letak dan Susun Atur Huruf
NJA Visual Studio

Isi Kandungan

Pengantar			vi
Prakata			viii
Penghargaan Penulis			xi
Muqaddimah			
Bahagian 1	:	Menuju ke Mekah	1
Bahagian 2	:	Di Mekah	37
Bahagian 3	:	Di Al-Abtoh	53
Bahagian 4	:	Di Atas Puncak Arafah	62
Bahagian 5	:	Hari Haji Akbar	87
Bahagian 6	:	Hari-hari di Mina	110
Bahagian 7	:	Emosi Perpisahan	131
Bahagian 8	:	Di Al-Ghadir	139
Bahagian 9	:	Saki-baki Perjalanan	148
Bahagian 10	:	Pagi Ketibaan	159
Bahagian 11	:	Sebelum Penulisan	165
Bahagian 12	:	Selepas Penulisan	171
Bahagian 13	:	Rakaman Penghargaan	176
Rujukan			177



Pengantar

Segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas baginda Rasulullah ﷺ serta keluarga dan para sahabat baginda sekalian. Firman Allah Ta'ala dalam Surah Ali Imran, ayat 97:

> وَلِلَّهِ عَلَى ٱلنَّاسِ حِجُّ ٱلْبَيْتِ مَنِ ٱسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا ۚ وَمَن كَفَرَ فَإِنَّ ٱللَّهَ غَنِىٌّ عَنِ ٱلْعَٰلَمِينَ
>
> Dan Allah mewajibkan manusia mengerjakan ibadah haji dengan mengunjungi Baitullah iaitu sesiapa yang mampu sampai kepadanya. Dan sesiapa yang kufur (ingkarkan kewajipan ibadah haji itu), maka sesungguhnya Allah Maha Kaya (tidak berhajatkan sesuatu pun) dari sekalian makhluk. – Surah Ali Imran (3): 97

Ayat di atas diturunkan pada tahun kesembilan selepas hijrah, namun Nabi ﷺ tidak menunaikan haji pada tahun tersebut. Baginda mengutuskan Sayidina Abu Bakar dan Sayidina Ali Radhiyallahu 'Anhuma untuk menunaikan haji. Tahun berikutnya iaitu tahun kesepuluh selepas hijrah, Nabi telah menyeru orang ramai untuk menunaikan haji dan memberitahu mereka bahawa baginda akan menunaikan haji pada tahun tersebut. Maka ramai dari kalangan kaum Muslimin datang ke Madinah untuk menyertai rombongan haji Nabi ﷺ.

Haji adalah ibadah perbuatan yang bersumberkan ajaran baginda Nabi ﷺ yang amat kita cintai. Bermula dari pengisytiharan baginda untuk

menunaikan haji, para sahabat mula bertanya tentang perkara-perkara berkaitan haji dan baginda menjawabnya sebagai panduan jelas buat kita semua. Sebagaimana sabda Nabi ﷺ:

> خُذُوا عَنِّي مَنَاسِكَكُمْ فَإِنِّي لَا أَدْرِي لَعَلِّي لَا أَحُجُّ بَعْدَ حَجَّتِي هَذِهِ
>
> Ambillah daripadaku tentang manasik (amalan haji) kamu kerana sesungguhnya aku tidak mengetahui, mungkin aku tidak lagi menunaikan haji setelah hajiku ini. – Sahih Muslim

Peristiwa-peristiwa yang berlaku serta perlakuan-perlakuan Nabi dan para sahabat telah menjadi panduan kepada kita semua dalam memahami seterusnya menghayati manasik haji seperti yang dilakukan oleh baginda dan para sahabatnya. Amat penting bagi kita mempersiapkan diri dengan ilmu yang secukupnya dan yang sahih sebelum kita pergi menunaikan haji. Maka tingkatkanlah pengetahuan kita semua dengan ilmu-ilmu berkaitan haji ini melalui pembacaan serta lazimkan diri menghadiri kuliah-kuliah ataupun kursus-kursus haji bagi memantapkan lagi kefahaman.

Alhamdulillah saya merasakan bahawa usaha penterjemahan buku ini ke dalam bahasa Melayu, sangatlah baik. Tidak semua daripada kita boleh memahami bahasa Arab dengan baik, apatah lagi membaca istilah-istilah yang berkaitan dengan ibadah haji, yang sudah tentunya tidak lari daripada pemahaman hukum-hakam berkaitan ibadah haji itu sendiri.

Maka dengan adanya buku terjemahan ini yang bertajuk “Kembara Agung: Sifat Haji Nabi SAW Seolah-olah Kamu Bersamanya” diharap dapat memberikan manfaat kepada semua pembaca terutamanya dalam memberikan kesedaran dan gambaran yang jelas berkaitan sirah dan manasik haji sepertimana yang telah ditunjukkan oleh baginda Nabi ﷺ dan para sahabat Radhiyallahu ‘Anhum Ajma’in.

Dr. Abdul Basit Abdul Rahman
- (Abu Anas Madani) -



Prakata

Alhamdulillah, selawat dan salam kepada Rasulullah SAW. Juga, ke atas keluarga baginda dan para sahabat Radhiyallahu 'Anhum Ajma'in.

Pada tahun 2018 sekembali dari mengerjakan umrah, saya dan isteri telah bertekad untuk kembali lagi ke tanah suci tetapi kali ini untuk menunaikan haji. Kami berazam untuk bersungguh-sungguh membuat persediaan menunaikan haji serta berusaha mempersiapkan diri mempelajari manasik haji dan hukum-hakam yang berkaitan. Kami turut menghadiri kursus haji walaupun giliran haji di Tabung Haji masih jauh lagi. Di samping itu, kami juga sentiasa melayari video-video kursus haji di internet, terutamanya kursus haji yang dikendalikan oleh Dr. Abu Anas Madani.

Alhamdulillah, akhirnya pada tahun 2022 kami berdua telah terpilih untuk menunaikan haji melalui Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, majikan kami berdua.

Dalam salah satu video kursus haji kendalian Dr. Abu Anas yang kami tonton, antara perkara yang menarik perhatian kami ialah berkenaan saranan beliau supaya para jemaah mendapatkan buku berkaitan haji baginda Nabi SAW. Membaca buku ini terasa seolah-seolah kita berada bersama-sama baginda dalam rombongan Nabi SAW mengerjakan haji bersama para sahabat. Beliau mengesyorkan kepada para jemaah untuk membeli buku tersebut dan ianya boleh didapati di sebuah toko buku bernama Daawah Corner yang bertempat di Menara Al-Safwah, Mekah.

Setelah selesai mengerjakan haji, kami memulakan misi mencari buku tersebut dan akhirnya kami berjaya mendapatkannya (versi bahasa Arab). Kami dapati ianya sangat baik dan sekiranya diterjemahkan ke

dalam bahasa Melayu, tentu boleh memberi banyak manfaat kepada bakal-bakal haji terutamanya dari Malaysia, Indonesia, Singapura dan Brunei. Justeru, kami bertekad untuk memulakan usaha menterjemahkan buku tersebut dari bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu.

Setelah melalui satu fasa yang agak mencabar; tertangguh disebabkan faktor kewangan dan cabaran-cabaran lain, maka akhirnya buku terjemahan yang diberi nama "Kembara Agung: Sifat Haji Nabi SAW Seolah-olah Kamu Bersamanya" telah berjaya dihasilkan.

Di ruangan ini saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada penulis asal buku ini iaitu Dr. Abdul Wahhab bin Nasir Al-Turairi yang telah memberikan keizinannya untuk kami menterjemah dan menerbitkan naskhah agung ini. Alhamdulillah, urusan permohonan keizinan menterjemah dan penerbitan semula buku ini berjalan lancar dan dimudahkan oleh Allah Ta'ala.

Segala usaha dan kejayaan projek penterjemahanan dan penerbitan ini adalah hasil kerjasama yang diberikan oleh sahabat saya Saudara Fuad Ikhwan kerana menghubungkan saya dengan Puan Tengku Nurhusni dari Alim Rabbani Media Sdn Bhd yang membantu dalam proses penterjemahan dan penerbitan buku ini. Seribu penghargaan saya berikan dan jasa-jasa mereka tidak akan saya lupakan.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada isteri tercinta, Hajjah Karimah Hanim bt Abd Aziz atas sokongan yang tidak berbelah bagi ketika keputusan dibuat untuk menterjemah buku ini. Tidak lupa juga kepada Haji Ahmad Faizi dan Hajjah Aniza kerana menjadi antara orang terawal yang memberikan sokongan untuk saya meneruskan projek terjemahan ini.

Jutaan terima kasih dan penghargaan tidak terhingga juga diucapkan kepada dua orang sahabat saya yang sanggup bersama-sama menggembleng usaha dalam merealisasikan usaha ini iaitu Haji Mior Mohd Hasif dan Haji Shahrul Azham. Kehadiran kalian berdua memberikan impak yang sangat besar dalam usaha merealisasikan projek terjemahan ini.

Juga kepada ibu bapa kami (Haji Ismail & Hajjah Habsah, Haji Abd Aziz & Hajjah Hazizah), semua ahli keluarga, sahabat-sahabat haji tahun 2022 (Haji Hijaz & Hajjah Nadiah, Haji Yusof & Hajjah Fadilah, Haji Hazim & Hajjah Azizah, Haji Aznan & Hajjah Elis, Haji Fakhrullah & Hajjah

Asma') dan sahabat istimewa yang banyak membantu urusan haji kami iaitu Tuan Shahrul Ariffin dan Puan Norlidahwati.

Turut tidak dilupakan mutawwif kami iaitu Ustaz Haji Muhammad James Baven, Haji Am, Haji Abdul Aziz, Ustaz Haji Amal dan Haji Hafiz (As-Shams Travel). Serta kepada rakan taulan dan semua yang terlibat dalam penerbitan buku ini sama ada secara langsung mahupun tidak langsung, yang tentunya turut menyumbang dalam usaha ini.

Allah jua yang mampu membalas jasa baik kalian semua. Wassalam...

Hasmanizam bin Abdul Majid,
Pelindung Alam
Zulhijah 1444 H



Penghargaan Penulis

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani.

Penghargaan ini ditujukan kepada yang dimuliakan guru saya Syeikh Abdullah bin Sulaiman bin Mani' yang sudi memberikan ulasan-ulasan penting berserta tambahan berharga yang semuanya telah saya masukkan dalam buku ini. Juga kepada yang dimuliakan Syeikh Dr. Abdul Malik bin Abdullah bin Dahish yang sedang sakit, namun beliau sudi menemani saya menjelajahi tempat-tempat bersejarah kota Mekah kerana beliaulah yang mengetahui selok-beloknya secara terperinci.

Kepada saudara saya, Syeikh Hamad bin Muhammad Al-Ghammas yang menjadi keluarga dan tuan rumah di Tanah Suci; seorang yang peramah, pemurah dan memenuhi segala keperluan kami.

Kepada saudara saya, Dr. Mi'raj bin Nawab Mirza yang bermurah hati memberikan saya koleksi gambar yang jarang ditemui dan peta-peta lama tentang tempat-tempat bersejarah Mekah Al-Mukarramah.

Kepada saudara saya, Tariq bin Abdullah Al-Musfir yang menjadi teman saya dalam perjalanan haji dan umrah.

Kepada saudara saya; Dr. Abdullah bin Hamad Al-Sakakir, Dr. Ibrahim bin Abdul Aziz Al-Zaid, Dr. Abdullah bin Nasir Al-Sabih, Nasir bin Abdullah Al-Mahmud, Dr. Sami bin Abdul Aziz Al-Majid dan Dr. Khalid bin Fahd Al-Bahlal yang sudi memberikan ulasan terhadap kitab ini sebelum ianya dicetak.

Kepada saudaraku Jamaan bin Abdullah Al-Usairi di Madinah serta saudaraku Abdul Aziz bin Ali Al-Qurashi dan saudaraku Ali bin Ulyan Al-Fahmi di Mekah Al-Mukarramah; yang telah menggembleng usaha urusan mobilisasi di sepanjang tempat-tempat bersejarah dan fotografi pemandangan.

Saya juga ingin merakamkan penghargaan buat dua orang saudara saya yang merupakah pakar sejarah iaitu Sheikh Ahmad Al-Nu'mani dan Abdul Hafiz Al-Quraiquri. Mereka berdua telah menggembleng usaha yang terpuji bersama-sama saya menanggung beban dan jerih perih perjalanan menemani saya meneroka laluan antara Mekah dan Madinah. Kami bersama-sama menyusuri jalan, lorong, puncak dan rabung sehingga saya dapat mengambil faedah daripada ilmu dan pengalaman mereka berdua.

Semoga mereka akan mendapat ganjaran yang berlipat ganda dan pahala yang banyak dari Allah, ucapan terima kasih saya kepada mereka berserta doa yang tulus dan ikhlas.

Dr. Abdul Wahhab bin Nasir Al-Turairi
Riyadh
Email: altriri@hotmail.com



Muqaddimah

Pengembaraan bersama Rasulullah SAW

Assalamualaikum Warahmatullahi wa Barakatuh, ucapan yang penuh berkat dan suci dari sisi Allah.

Ini ialah suatu pengembaraan dengan hati dan nurani di mana kami menembus tabir masa dan menelusuri lipatan sejarah. Kami meneliti perjalanan yang paling agung bersama-sama seorang musafir yang sangat mulia iaitu Rasulullah SAW di dalam kembara baginda. Ketika umur telah hampir ke penghujung; baginda telah menyampaikan dakwah dan risalahnya, lantas Allah memenuhi janji-Nya kepada baginda dan terpapar kegembiraan di mata baginda dengan munculnya agama dan petunjuk bagi manusia.

Ini ialah pengembaraan bersama Rasulullah SAW. Anda berada dalam perjalanan ini bersama baginda, seolah-olah anda melihatnya. Khayalannya tidak hilang dari pandangan anda dan tiada apa-apa keadaan yang tersembunyi daripada anda. Tidak ada sesuatu perkara pun kecuali ia telah dijaga dengan baik dan disampaikan kepada kita seolah-olah kita melihatnya dengan mata sendiri.

Inilah perjalanan sebaik-baik ciptaan Allah ke tempat yang terbaik dan yang paling dicintai Allah. Tempat di mana baginda dilahirkan, dibesarkan dan beribadah, diturunkan wahyu yang pertama, menyampaikan risalah dan menzahirkan apa yang diperintahkan. Jalan-jalan dan tanah-tanah lapang di Mekah menjadi tempat terbitnya cahaya kenabian dan permulaan dakwah baginda. Berapa banyak lembah yang menyaksikan usaha dan jihad serta kesabaran dan kesusahan baginda kerana pada setiap lorong ada sejarah dan pada setiap gunung ada kisah.

Inilah dia Muhammad SAW; kembali setelah sempurnanya nikmat, besarnya pemberian, disempurnakan agama dan bersatunya Semenanjung Arab di bawah naungannya. Baginda kembali untuk melihat umatnya yang telah membenarkan kenabiannya serta mengikuti sunnahnya dan untuk mengajarkan mereka rukun terakhir dalam Islam. Baginda bersabda; *"Ambillah daripadaku tentang manasik (haji) kamu."*[1] Sepertimana sabda baginda sebelumnya; *"Solatlah sebagaimana kamu melihat aku solat."*[2]

Ini adalah satu pengembaraan yang kita mengembara di dalamnya dengan jiwa dan perasaan kita di jalan yang paling agung dan perjalanan yang paling suci. Itulah Rasulullah SAW, itulah negeri Allah dan ini adalah haji ke Baitullah.

Wahai setiap orang yang beriman kepada risalah Rasulullah SAW, wahai setiap pencinta Muhammad bin Abdullah, wahai orang yang menyahut seruan Tuhan; melangkahlah di bumi atau terbanglah di langit menuju ke rumah Allah. Hadirkanlah hati dan perasaan kamu mengiringi nurani untuk ikut serta bersama baginda SAW, maka kamu akan menyaksikan peristiwa-peristiwa yang menyentuh hati, sirah yang indah lagi meruntun jiwa dan perasaan. Kamu akan terus-menerus meneliti setiap peristiwa pengembaraan ini sehingga ia akan mencetuskan kepada kamu makna-makna yang hebat melalui pengajaran yang indah lagi agung.

Sesungguhnya ini adalah bicara seorang kekasih tentang pengembaraan kekasihnya yang memimpin umat Islam untuk menunjukkan kepada mereka tatacara melaksanakan ibadah mereka dan mengajarkan mereka bagaimana menunaikan haji di rumah Tuhan mereka.

Sesungguhnya bekalan kita dalam pengembaraan bersama Rasulullah SAW adalah keimanan kita yang penuh keyakinan terhadap baginda, kecintaan kita yang meluap-luap terhadap baginda, kerinduan kita yang begitu menyeksakan terhadap baginda dan perasaan kita yang merasakan begitu agungnya anugerah Allah ke atas kita dengan perutusan baginda sebagai rasul kepada kita.

لَقَدْ مَنَّ ٱللَّهُ عَلَى ٱلْمُؤْمِنِينَ إِذْ بَعَثَ فِيهِمْ رَسُولًا مِّنْ أَنفُسِهِمْ
يَتْلُوا۟ عَلَيْهِمْ ءَايَـٰتِهِۦ وَيُزَكِّيهِمْ وَيُعَلِّمُهُمُ ٱلْكِتَـٰبَ
وَٱلْحِكْمَةَ وَإِن كَانُوا۟ مِن قَبْلُ لَفِى ضَلَـٰلٍ مُّبِينٍ ﴿١٦٤﴾

Sesungguhnya Allah telah mengurniakan (rahmatNya) kepada orang-orang yang beriman, setelah la mengutuskan dalam kalangan mereka seorang Rasul dari bangsa mereka sendiri, yang membacakan kepada mereka ayat-ayat Allah (kandungan Al-Quran yang membuktikan keesaan Allah dan kekuasaanNya), dan membersihkan mereka (dari iktiqad yang sesat), serta mengajar mereka Kitab Allah (Al-Quran) dan Hikmah (pengetahuan yang mendalam mengenai hukum-hukum Syariat). Dan sesungguhnya mereka sebelum (kedatangan Nabi Muhammad) itu adalah dalam kesesatan yang nyata. – Ali Imran (3): 164

Selawat dan salam ke atas junjungan kita Nabi Muhammad SAW, nabi yang benar lagi amanah, serta ke atas ahli keluarganya yang baik dan suci, para sahabatnya dan orang-orang yang mengikuti mereka dengan kebaikan hingga hari kiamat. Segala puji bagi Allah, Tuhan sekalian alam.



Gambar lama suasana Kaabah.

Bahagian 1

Menuju ke Mekah

Gambar lama Masjid Nabawi dan suasana kebun kurma di belakangnya.

Gambar lama Madinah.

Pengenalan

Telah datang pertolongan Allah dan pembukaan kota Mekah, lalu manusia masuk ke dalam agama Allah berbondong-bondong. Berduyun-duyun kabilah Arab dari seluruh penjuru Tanah Arab datang menemui Rasulullah SAW. Keperibadian dan kebaikan baginda telah menambat hati mereka, lantas nur dan hidayah baginda telah meliputi mereka semua. Baginda banyak menghabiskan masa bersama-sama mereka dan memberikan perhatian kepada mereka.

Berlalulah masa hingga ke tahun kesembilan Hijrah. Rasulullah SAW menerima kedatangan kabilah dan suku Arab yang saling berkunjungan sehinggakan tahun itu dinamakan sebagai Tahun Wufud. Pada tahun kesembilan Hijrah ini diturunkan ayat yang mewajibkan haji ke atas umat Nabi Muhammad SAW.

وَلِلَّهِ عَلَى ٱلنَّاسِ حِجُّ ٱلْبَيْتِ مَنِ ٱسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا ۚ وَمَن كَفَرَ فَإِنَّ ٱللَّهَ غَنِىٌّ عَنِ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٩٧﴾

Dan Allah mewajibkan manusia mengerjakan ibadah haji dengan mengunjungi Baitullah iaitu sesiapa yang mampu sampai kepadanya. Dan sesiapa yang kufur (ingkarkan kewajipan ibadah haji itu), maka sesungguhnya Allah Maha Kaya (tidak berhajatkan sesuatu pun) dari sekalian makhluk. – Surah Ali Imran (3): 97[3]

Namun baginda belum berkesempatan mengerjakan haji kerana sibuk menerima kedatangan delegasi yang mengisytiharkan keislaman. Lalu baginda mengutuskan Abu Bakar untuk menunaikan haji bersama dengan rombongan orang-orang Islam dan diikuti oleh Ali yang membawa bersama beliau Surah Baroah (Al-Taubah) untuk dibacakan di hadapan orang ramai.

بَرَآءَةٌ مِّنَ ٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦٓ إِلَى ٱلَّذِينَ عَٰهَدتُّم مِّنَ ٱلْمُشْرِكِينَ ﴿١﴾
فَسِيحُوا۟ فِى ٱلْأَرْضِ أَرْبَعَةَ أَشْهُرٍ وَٱعْلَمُوٓا۟ أَنَّكُمْ غَيْرُ مُعْجِزِى
ٱللَّهِ وَأَنَّ ٱللَّهَ مُخْزِى ٱلْكَٰفِرِينَ ﴿٢﴾ وَأَذَٰنٌ مِّنَ ٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦٓ إِلَى
ٱلنَّاسِ يَوْمَ ٱلْحَجِّ ٱلْأَكْبَرِ أَنَّ ٱللَّهَ بَرِىٓءٌ مِّنَ ٱلْمُشْرِكِينَ وَرَسُولُهُۥ ۚ
فَإِن تُبْتُمْ فَهُوَ خَيْرٌ لَّكُمْ ۖ وَإِن تَوَلَّيْتُمْ فَٱعْلَمُوٓا۟ أَنَّكُمْ غَيْرُ
مُعْجِزِى ٱللَّهِ ۗ وَبَشِّرِ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ بِعَذَابٍ أَلِيمٍ ﴿٣﴾

(Ini adalah) pemutusan tanggungjawab (pembatalan perjanjian) dari Allah dan RasulNya terhadap kaum kafir musyrik yang kamu mengikat perjanjian setia (dengan mereka). Oleh itu hendaklah kamu (hai kaum musyrik) bergerak di muka bumi (dengan bebasnya) selama empat bulan, dan ketahuilah bahawa kamu tidak terlepas dari (azab seksa) Allah. Dan (ingatlah) sesungguhnya Allah akan menghina orang-orang yang kafir (dengan bala bencana di dunia dan azab seksa di akhirat). Dan inilah perisytiharan dari Allah dan RasulNya kepada umat manusia, (diisytiharkan) pada Hari Raya Haji yang terbesar, bahawa sesungguhnya Allah dan RasulNya memutuskan tanggungjawab terhadap orang-orang musyrik; oleh itu jika kamu (wahai kaum musyrik) bertaubat (dari kufur) maka yang demikian adalah baik bagi kamu; dan jika kamu berpaling (ingkar), maka ketahuilah sesungguhnya kamu tidak akan dapat melepaskan diri dari (azab seksa) Allah. Dan khabarkanlah (wahai Muhammad) kepada orang-orang kafir (bahawa mereka akan ditimpakan) dengan azab yang tidak terperi sakitnya. – Surah al-Taubah (9): 1-3

Pada musim ini, diperintahkan supaya Baitullah dibersihkan daripada kekotoran jahiliah. Maka selepas tahun itu, orang musyrik tidak boleh lagi menunaikan haji dan tidak boleh lagi melaksanakan tawaf secara bertelanjang.[4]



Ilustrasi Masjid Nabawi.



Gambar lama Masjid Nabawi.

Masa beredar sepertimana hari Allah menciptakan langit dan bumi, Mekah kembali bersih suci sebagaimana sepeninggalan Ibrahim dan Ismail ‘Alayhimassalam. Seolah-olah haji yang dilakukan oleh Abu Bakar dan Ali adalah sebagai persiapan dan persediaan untuk haji Rasulullah SAW iaitu Haji Wada’ (Perpisahan).

Apabila masuk tahun kesepuluh, Rasulullah SAW menyeru orang ramai untuk menunaikan haji dan memberitahu mereka bahawa baginda akan menunaikan haji pada tahun tersebut. Tidak ada seorang pun yang ketinggalan sama ada menunggang mahupun berjalan kaki; kesemuanya datang. Ramai orang datang ke Madinah, semuanya ingin dipimpin oleh Rasulullah SAW dan menemani baginda menunaikan haji.[5]

Pada hari Jumaat, tanggal 24 Zulkaedah; Nabi SAW menyampaikan khutbah Jumaat. Di keliling baginda adalah gerombolan manusia yang telah memenuhi sudut-sudut Madinah untuk menunaikan ibadah haji bersama baginda. Sudah tentu wajar untuk baginda mengingatkan mereka terlebih dahulu berkenaan tujuan kedatangan mereka. Sabda baginda, "Wahai sekalian manusia, sesungguhnya Allah 'Azza Wajalla telah mewajibkan ke atas kamu haji, maka tunaikanlah haji." Al-Aqra' bin Habis bertanya, "Adakah setiap tahun, wahai Rasulullah?" Baginda diam sehingga Al-Aqra' mengulangi soalan sebanyak tiga kali.

Kemudian baginda bersabda, "Tidak! Seandainya aku mengatakan ya, nescaya haji wajib dilakukan setiap tahun dan kamu tidak mampu untuk melakukannya. Biarkanlah apa yang aku tinggalkan kepada kamu kerana sesungguhnya kehancuran umat-umat sebelum kamu disebabkan terlalu banyak pertanyaan dan perselisihan mereka dengan para nabi mereka. Oleh itu, apabila aku memerintahkan kamu sesuatu perkara maka laksanakanlah mengikut kemampuan kamu dan jika aku melarang kamu sesuatu perkara, maka tinggalkanlah. Ibadah haji hanya sekali dan apa yang (dilaksanakan) lebih daripada itu maka ia dikira *tatawwu'* (sunat)."[6]

Gambar lama perhimpunan para jemaah haji di Madinah.

Madinah Al-Munawwarah – Pasar Al-Manakhah pada waktu dahulu.

Ketika baginda masih di atas mimbar, mereka mula bertanya tentang tempat untuk berniat haji. Baginda bersabda, “Bagi penduduk Madinah bertalbiah (berniat memulakan haji) di Zu Al-Hulaifah, bagi penduduk Syam bertalbiah di Al-Juhfah, bagi penduduk Najd di Qarnu Al-Manazil dan penduduk Yaman di Yalamlam.”[7]

Seorang lelaki memanggil Nabi Muhammad SAW ketika baginda sedang berkhutbah. Dia berkata, “Wahai Rasulullah, apakah yang engkau perintahkan kepada kami untuk dipakai ketika berihram?” Jawab baginda, “Janganlah kamu memakai baju, seluar, serban, kopiah, pakaian yang terkena saffron atau *wars* (wangian) dan khuf. Kecuali orang yang tidak ada selipar, maka dibolehkan baginya memakai khuf dan hendaklah dia memotong bahagian bawah pergelangan buku lali khuf tersebut. Manakala para wanita yang berihram, tidak boleh memakai niqab dan sarung tangan.”[8] Baginda menjawab persoalan mereka dan mengajar mereka hukum-hakam ibadah haji ketika baginda masih di atas mimbar.

Bergerak ke Mekah

Pada hari Sabtu, tanggal 25 Zulkaedah; Rasulullah SAW menunaikan solat zohor sebanyak empat rakaat di Madinah. Selepas merapikan diri dan berwangi-wangian, baginda meninggalkan Madinah dan menuju ke Mekah melalui jalan Al-Syajarah[9] iaitu sebatang jalan yang pada hari ini

laluannya berhampiran dengan perhentian Al-'Anbariyah dan Thaniyyah Al-Mudarraj; sehingga tiba di Zu Al-Hulaifah.

Bersama-sama baginda jemaah orang-orang beriman yang berjalan kaki dan menunggang kuda, muda dan tua serta bersama-sama mereka para isteri dan anak-anak.[10] Hinggakan Asma' binti Umais Radhiyallahu 'Anha, isteri Abu Bakar Al-Siddiq yang dalam keadaan hampir bersalin dan ibu saudara Nabi, Dhuba'ah binti Zubair bin Abdul Mutalib yang sedang sakit tenat pun turut serta keluar menyertai Nabi. Beliau bimbang kalau-kalau dirinya tidak dapat menyempurnakan haji jika sudah memulakannya.

Perhentian Al-'Anbariyah menuju ke Zu Al-Hulaifah.

Thaniyyah (laluan berbukit) Al-Mudarraj iaitu jalan menuju ke Zu Al-Hulaifah.

Dhuba'ah berkata, "Wahai Rasulullah, aku hendak mengerjakan haji namun aku sedang sakit." Rasulullah SAW bersabda kepadanya, "Berniatlah untuk mengerjakan haji dan letakkanlah syarat. Dan ucaplah: اللَّهُمَّ مَحِلِّي حَيْثُ حَبَسْتَنِي - *Ya Allah, tahallulku berdasarkan halangan-Mu terhadapku*. Maka bagi kamu kepada Allah apa yang telah kamu kecualikan niatnya (haid atau sakit)."[11]

Berangkatlah Rasulullah SAW dari Madinah dengan mewakilkan Abu Dujanah[12] sebagai pengganti sementara baginda. Baginda bergerak keluar dalam keadaan tenang tenteram. Kota Madinah sudah tidak lagi dikepung oleh kabilah-kabilah Arab seperti lima tahun yang lalu sehinggakan orang-orang mukmin ditimpa kesusahan dan ujian yang amat dahsyat.

إِذْ جَآءُوكُم مِّن فَوْقِكُمْ وَمِنْ أَسْفَلَ مِنكُمْ وَإِذْ زَاغَتِ
ٱلْأَبْصَٰرُ وَبَلَغَتِ ٱلْقُلُوبُ ٱلْحَنَاجِرَ وَتَظُنُّونَ بِٱللَّهِ ٱلظُّنُونَا۠ ﴿١٠﴾

Masa itu ialah masa tentera musuh datang melanggar kamu dari sebelah hulu dan dari sebelah hilir (tempat pertahanan) kamu; dan masa itu ialah masa pemandangan mata kamu tidak berketentuan arah (kerana gempar dan bingung) serta hati pun resah gelisah (kerana cemas takut), dan kamu masing-masing pula menyangka terhadap Allah dengan berbagai-bagai sangkaan. – Surah al-Ahzab (33): 10

Tempoh lima tahun berlalu dengan sekelip mata, Kota Madinah yang dahulunya ditimpa kesusahan dan ketakutan kini menjadi sebuah kota yang tenang mendamaikan serta menjadi tumpuan pelbagai kabilah. Banyak delegasi yang datang termasuk para jemaah haji dari setiap pelosok Semenanjung Arab berkumpul di Madinah bagi mengikuti jejak langkah Rasul yang mulia ini. Ketahuilah betapa besarnya kemuliaan baginda di sisi Allah pada hari yang Dia menenteramkan baginda dengan kebenaran janji-Nya.

هُوَ ٱلَّذِىٓ أَرۡسَلَ رَسُولَهُۥ بِٱلۡهُدَىٰ وَدِينِ ٱلۡحَقِّ لِيُظۡهِرَهُۥ عَلَى ٱلدِّينِ كُلِّهِۦ وَلَوۡ كَرِهَ ٱلۡمُشۡرِكُونَ ٣٣

Dia lah yang telah mengutus RasulNya (Muhammad) dengan membawa petunjuk dan agama yang benar (agama Islam), untuk dimenangkan dan ditinggikannya atas segala agama yang lain, walaupun orang-orang musyrik tidak menyukainya. – Surah al-Taubah (9): 33

Masjid Al-Fath.



Masjid Al-Fath yang didirikan di pinggir parit sebelah barat Gunung Sila' iaitu tempat perkhemahan Muslim dalam peperangan Al-Ahzab.

Tiba di Zu Al-Hulaifah

Tunggangan Rasulullah SAW melangkah keluar dari Madinah menuju ke Mekah Al-Mukarramah pada waktu tengah hari. Maka, bermulalah perjalanan haji terakhir baginda. Baginda tiba di Zu Al-Hulaifah, yang hari ini dinamakan sebagai Abyar Ali[13] yang menjadi tempat miqat bagi penduduk Madinah. Ia terletak di kawasan lapang di Wadi Al-'Aqiq di tengah-tengah lembah dan di antara jalan menuju ke Mekah. Zu Al-Hulaifah merupakan tempat miqat (berniat) penduduk Madinah. Baginda tiba sebelum waktu solat asar dan tempat perhentian baginda betul-betul di tengah di antara masjid yang terletak di tengah-tengah lembah dan jalan menuju ke Mekah.[14]

Secara jelasnya, tempat perhentian dan tempat solat baginda kini telah termasuk dalam kawasan perluasan Masjid Miqat pada hari ini. Orang ramai bertebaran memenuhi kawasan Wadi Al-'Aqiq dan Rasulullah SAW menunaikan solat asar dua rakaat[15] secara qasar kerana baginda telah memulakan musafir. Baginda berada di situ selama sehari semalaman untuk menunggu orang ramai ikut serta terutamanya mereka yang datang dari jauh. Kawasan Wadi Al-'Aqiq yang luas amat sesuai untuk orang ramai bertebaran bergerak di sana sini dan lebih mudah untuk mereka berkumpul berbanding bersesak-sesak di Madinah.

Pada malam itu, baginda SAW mengunjungi para isterinya.[16] Para isteri baginda juga turut sama menyertai dalam perjalanan haji ini. Tindakan ini menyenangkan hati mereka kerana selepas ini; sebagai

seorang ketua dan pemimpin, baginda akan sibuk dengan urusan musafir dan menguruskan hal ehwal orang ramai. Di bawah jagaan Allah Ta'ala, Rasulullah SAW bermalam di situ. Para malaikat turun silih berganti dan disusuli dengan penurunan wahyu dengan diperlihatkan kepada baginda di dalam mimpi tempat yang baginda berhenti dan diberitahu kepadanya, "Sesungguhnya engkau berada di tanah lapang yang berkat."

Keesokan paginya baginda bersabda, "Telah datang kepadaku pada malam tadi seorang utusan daripada Tuhanku lalu dia berkata: Solatlah di lembah yang berkat ini dan ucapkanlah; Umrah di dalam haji." Sabda baginda lagi, "Sesiapa yang ingin bertalbiah (berniat) untuk haji bersama umrah, maka bertalbiahlah. Sesiapa yang bertalbiah (berniat) untuk haji, maka bertalbiahlah. Sesiapa yang ingin bertalbiah (berniat) untuk umrah, maka bertalbiahlah."[17]

Wadi Al-'Aqiq lembah yang berkat.

Wadi Al-'Aqiq dan oasisnya.

Pada malam itu Asma' binti Umais melahirkan anaknya, Muhammad bin Abu Bakar. Dia mengutuskan suaminya, Abu Bakar untuk bertanya kepada Rasulullah SAW perkara yang perlu dilakukannya. Abu Bakar bertemu baginda dan memberitahu hal tersebut. Baginda memerintahkan kepada Abu Bakar supaya beliau mengarahkan Asma' agar mandi (untuk berihram) dan menutup kemaluannya dengan perca kain bagi menghalang darah (nifas) mengalir. Kemudian dia berniat ihram haji dan melakukan apa yang dilakukan oleh orang yang mengerjakan haji, kecuali dia tidak boleh tawaf di Baitullah.[18]

Rasulullah SAW mempersiapkan diri baginda berihram dengan persiapan yang amat rapi. Sehinggakan kamu akan merasakan kebesaran ibadah yang akan dimulakan oleh baginda. Baginda merayakan ibadah ini dan menyambutnya dengan penuh sambutan. Baginda membawa binatang korban dan meminta unta betina daripada binatang korbannya, lalu baginda menghiris tanda di bonggol kanan unta tersebut hingga mengalir darah dan memakaikan kalungan dari sepasang selipar[19] sebagai tanda korban dan membesarkan syiar Allah.[20]

وَٱلْبُدْنَ جَعَلْنَٰهَا لَكُم مِّن شَعَآئِرِ ٱللَّهِ

Dan Kami jadikan unta (yang dihadiahkan kepada fakir miskin Mekah itu) sebahagian dari syiar agama Allah. – Surah al-Haj (22): 36

Baginda mengirimkan untanya ke Mekah bersama Najiyah Al-Khuza'i Radhiyallahu 'Anhu.[21] Najiyah bertanya, "Apa yang mesti aku lakukan terhadap unta yang tercedera?" (Iaitu terluka semasa dalam perjalanan disebabkan patah dan sebagainya). Baginda menjawab, "Sembelihlah ia dan celupkan selipar ke dalam darahnya (sebagai tanda). Kemudian tekapkan selipar tersebut pada kulitnya. Kemudian biarkan, supaya orang ramai memakannya. Dan janganlah kamu dan seorang pun daripada rakan-rakanmu memakannya."[22]



Gambar lama Masjid Al-Syajarah di Zu Al-Hulaifah.



Gambar terkini Zu Al-Hulaifah.

Rasulullah SAW mandi untuk berihram. Baginda membasuh rambutnya dengan wangian bunga,[23] meletakkan sedikit minyak rambut serta melumurkan kepalanya dengan madu supaya rambutnya menjadi rapi dan tidak kusut. Nabi turut mengenakan wangian yang harum dari sapuan kedua telapak tangan Aisyah sehinggakan baginda kelihatan berlumuran dengan wangian. Sesungguhnya baginda merupakan seorang yang harum mewangi yang tersebar harumannya. Terlihat pada diri baginda kilauan minyak di belahan rambut dan janggutnya.[24]

Baginda memakai pakaian ihram dan menunaikan solat zohor. Kemudian baginda menunggang untanya yang bernama Al-Qaswa' dengan penuh rasa khusyuk, rendah diri dan membesarkan Tuhan sekalian alam di samping tunduk patuh kepada Allah serta mengagungkan syariat-Nya.[25]

Sekiranya kamu bertanya tentang pelana dan tempat duduk baginda SAW; jawabnya, Nabi kamu menaiki untanya dengan berlapikkan karung pelana dan sehelai kain baldu yang berharga tidak sampai empat dirham. Ketika tunggangan baginda bergerak menghadap ke arah kiblat, baginda berkata, "Ya Allah, jadikanlah haji ini suci tiada riyak dan bukan untuk mencari kemasyhuran. Hambamu menyahut seruan haji dan umrah."[26]

Sekiranya kamu bertanya tentang barangan dan bekalan baginda SAW, ia adalah apa yang dipikul oleh unta[27] Abu Bakar. Unta yang membawa barangan baginda dan barangan Abu Bakar adalah unta yang sama.[28] Kamu mungkin terfikir; jika semua yang dibawa di belakang unta

milik Abu Bakar adalah barangan yang dikongsi bersama, jadi apakah harta dan perhiasan dunia yang dimiliki oleh Nabi?



Haiwan tunggangan dan pelananya.

Sekiranya kamu bertanya tentang sahabat Rasulullah SAW dalam perjalanan tersebut; di kalangan ramai orang yang melakukan perjalanan bersama baginda, sesungguhnya dia (Abu Bakar) adalah temannya dari Mekah ke Madinah iaitu pada hari baginda berhijrah sepuluh tahun yang lalu. Tatkala baginda keluar berhijrah, kabilah-kabilah Arab telah bernazar ingin membunuhnya. Ketika itu baginda berkata kepada temannya;[29]

لَا تَحۡزَنۡ إِنَّ ٱللَّهَ مَعَنَا

"Janganlah engkau berdukacita, sesungguhnya Allah bersama kita." – Surah al-Taubah (9): 40

Hari ini, baginda dan sahabatnya melakukan perjalanan lain iaitu dari Madinah ke Mekah. Tanah telah dihamparkan untuknya dan kabilah-kabilah yang mencarinya dahulu telah beriman kepadanya, bahkan mereka berjuang bersama-sama baginda. Temannya dalam perjalanan kali ini adalah temannya juga dalam perjalanan hijrah ke Madinah iaitu Abu Bakar Al-Siddiq Radhiyallahu 'Anhu.

Apakah yang akan dikatakan oleh bumi yang mereka pijak, jurang yang mereka redahi dan gunung yang mereka lalui? Apa yang akan tanah ini ucapkan jika ia bercakap sambil menceritakan perbezaan besar antara perjalanan kali ini dan yang lepas? Sesungguhnya ia adalah perintah Allah yang utama dan kelembutan-Nya yang tersembunyi;

إِنَّ رَبِّي لَطِيفٞ لِّمَا يَشَآءُۚ إِنَّهُۥ هُوَ ٱلۡعَلِيمُ ٱلۡحَكِيمُ ١٠٠

Sesungguhnya Tuhanku lemah-lembut tadbirNya bagi apa yang dikehendakiNya; sesungguhnya Dia lah yang Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana. – Surah Yusuf (12): 100

Bertolak dari Zu Al-Hulaifah

Nabi Muhammad SAW pun bertolak dari Zu Al-Hulaifah. Tatkala untanya berhenti di atas bukit Baida'[30] baginda meninggikan suaranya berzikir dan bertalbiah;

> الْحَمْدُ لِلَّهِ ، وَسُبْحَانَ اللَّهِ، وَلَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَاللَّهُ أَكْبَرُ، لَبَّيْكَ عُمْرَةً وَحَجًّا، لَبَّيْكَ اللَّهُمَّ لَبَّيْكَ، لَبَّيْكَ لَا شَرِيكَ لَكَ لَبَّيْكَ، إِنَّ الْحَمْدَ وَالنِّعْمَةَ لَكَ وَالْمُلْكَ، لَا شَرِيكَ لَكَ، لَبَّيْكَ إِلَهَ الْحَقِّ لَبَّيْكَ.
>
> Segala puji bagi Allah, Maha Suci Allah, tiada Tuhan selain Allah dan Allah Maha Besar. Kami menyahut seruan umrah dan haji. Hamba-Mu datang menyahut panggilan-Mu. Ya Allah, hamba-Mu datang menyahut panggilan-Mu. Hamba-Mu datang menyahut panggilan-Mu, Tuhan yang tiada sekutu bagi-Mu. Hamba-Mu datang menyahut panggilan-Mu. Sesungguhnya segala puji, nikmat dan kerajaan adalah kepunyaan-Mu; tiada sekutu bagi-Mu. Hamba-Mu datang menyahut panggilan-Mu, Tuhan yang benar. Hamba-Mu datang menyahut panggilan-Mu.[31]

Haji yang dilaksanakan oleh Nabi SAW ialah haji qiran.[32] Begitu juga yang membawa binatang korban dari kalangan sahabat baginda yang berkemampuan seperti Abu Bakar, Umar, Talhah, Al-Zubair dan Abdul Rahman bin Auf.[33] Manakala isteri-isteri baginda melaksanakan haji tamatuk iaitu melaksanakan umrah sebelum haji. Adapun kebanyakan sahabat, mereka menunaikan haji ifrad. Tidak ada niat lain yang mereka sebut kecuali haji.[34]



Gambar lama Abar (telaga) Ali di Zu Al-Hulaifah.

Baginda berjalan sepenuh hati, dengan pandangan yang fokus dan berkorban jiwa raga bersama mereka sebagai salah seorang daripada mereka. Tidak ada layanan istimewa ataupun pengiring yang mengiringinya mahupun hamparan permaidani merah. Bahkan baginda berjalan di kalangan manusia tanpa sebarang keistimewaan sebagai tanda perbezaan antara baginda dan orang lain, kecuali keagungan kenabian dan ketinggian risalah. Baginda sentiasa bersama mereka di kala susah dan senang. Anas Radhiyallahu 'Anhu berkata, "Aku pernah membonceng Abu Talhah di atas untanya. Lututnya hampir berlaga dengan lutut Rasulullah SAW dan baginda mengucapkan: Hamba-Mu datang menyahut panggilan-Mu untuk menunaikan umrah dan haji."[35]

Keadaan orang ramai di sekeliling baginda sepertimana kata Jabir Radhiyallahu 'Anhu; "Aku melihat pemandangan sekeliling; di hadapan Rasulullah SAW ada di kalangan mereka yang menunggang dan berjalan kaki. Begitu juga di kanan, kiri dan belakang baginda. Baginda berada bersama kami. Kepadanya diturunkan Al-Quran dan bagindalah yang paling mengetahui tentang takwil (tafsiran) ayatnya. Setiap apa yang dilakukannya, kami turut melaksanakan perbuatan tersebut."[36]

Nabi Muhammad SAW berjalan di dalam rombongan yang penuh sesak di tengah-tengah orang yang menunggang dan berjalan. Mereka melingkari baginda seolah-olah seperti lingkaran cahaya mengelilingi bulan. Ketika itu Jibril 'Alayhissalam datang kepada baginda dan berkata, "Wahai Muhammad, perintahkan para sahabatmu untuk menyaringkan suara mereka dengan bertalbiah. Itu merupakan syiar ibadah haji."[37] Lantas padang pasir bergegar serta gunung-gunung bersahutan dengan gemaan suara orang yang bertalbiah dan memuji keesaan Tuhan semesta alam;

لَبَّيْكَ اللَّهُمَّ لَبَّيْكَ، لَبَّيْكَ لَا شَرِيكَ لَكَ لَبَّيْكَ، إِنَّ الْحَمْدَ وَالنِّعْمَةَ لَكَ وَالْمُلْكَ، لَا شَرِيكَ لَكَ، لَبَّيْكَ إِلَهَ الْحَقِّ لَبَّيْكَ.

Hamba-Mu datang menyahut panggilan-Mu. Ya Allah, hamba-Mu datang menyahut panggilan-Mu. Hamba-Mu datang menyahut panggilan-Mu, Tuhan yang tiada sekutu bagi-Mu. Hamba-Mu datang menyahut panggilan-Mu. Sesungguhnya segala puji, nikmat dan kerajaan adalah kepunyaan-Mu; tiada sekutu bagi-Mu. Hamba-Mu datang menyahut panggilan-Mu, Tuhan yang benar. Hamba-Mu datang menyahut panggilan-Mu.

Para sahabat Radhiyallahu ‘Anhum menambah dalam talbiah mereka;

لَبَّيْكَ ذَا المَعَارِجِ، لَبَّيْكَ ذَا الفَوَاضِلِ، لَبَّيْكَ وَسَعْدَيْكَ، وَالْخَيْرُ فِي يَدَيْكَ، وَالرَّغْبَاءُ إِلَيْكَ وَالْعَمَلُ، لَبَّيْكَ ذَا الْنَعْمَاءِ وَالْفَضْلِ الْحَسَنِ، لَبَّيْكَ مَرْهُوبًا مِنْكَ وَمَرْغُوبًا إِلَيْكَ، لَبَّيْكَ حَقًّا حَقًّا، تَعَبُّدًا وَرِقًّا.

Hamba-Mu datang menyahut panggilan-Mu yang memiliki langit. Hamba-Mu datang menyahut panggilan-Mu yang memiliki kelebihan-kelebihan. Hamba-Mu datang menyahut panggilan-Mu dan kebahagiaan pada-Mu serta kebaikan ada pada kekuasaan-Mu. Dan kepada-Mu kami berharap dan beramal. Hamba-Mu datang menyahut panggilan-Mu pemilik nikmat-nikmat dan kurnia yang baik. Hamba-Mu datang menyahut panggilan-Mu untukmu hanya takut kepada-Mu dan hanya mengharapkan-Mu. Hamba-Mu datang menyahut panggilan-Mu dengan bersungguh-sungguh untuk beribadah dan berbakti.[38]



Syarfu Al-Baida’.

Faj Al-Rauha'.

Rasulullah SAW tidak membantah apa yang mereka ucapkan. Baginda hanya meneruskan talbiahnya.[39] Mereka sibuk dengan urusan masing-masing; tenggelam dalam talbiah dan berzikir serta menzahirkan syiar ibadah haji. Mereka sampai di Al-Rawha' dan masih kedengaran suara mereka membaca talbiah.[40]

Paparan Sinaran Cahaya Para Nabi

Adapun Rasulullah SAW merentasi padang pasir yang luas ini, seolah-olah gunung, dataran, busut dan lembah meriwayatkan kepada baginda beritanya dan memberitahu baginda siapa yang melaluinya. Diperlihatkan kepada baginda sinaran cahaya para nabi yang telah berjalan menuju ke Baitullah sebelumnya, seolah-olah baginda melihat mereka di hadapannya menemani sepanjang perjalanan.

Apabila Nabi Muhammad SAW melewati Faj Al-Rawha' baginda berkata, "Tujuh puluh nabi telah melalui Faj Al-Rawha' untuk menunaikan haji dan mereka memakai pakaian yang dibuat daripada bulu."[41] Tatkala melewati thaniyyah (laluan berbukit), baginda bertanya para sahabat; "Thaniyyah yang manakah ini?" Mereka menjawab, "Thaniyyah Harsya." Kata baginda, "Seolah-olah aku melihat Yunus bin Matta 'Alayhissalam di atas unta betina merah yang gempal.[42] Dia memakai jubah yang dibuat daripada bulu, tali kekangnya diperbuat daripada rumput kering[43] dan dia sedang bertalbiah."[44]

Semasa melalui Wadi Al-Azraq, baginda bertanya, “Lembah apakah ini?” Para sahabat menjawab, “Wadi Al-Azraq.” Baginda memberitahu, “Seolah-olah aku melihat Musa di atas unta merah diikat dengan tali kekang. Dia sedang meletakkan dua jari pada kedua-dua telinganya, dengan suaranya yang ditinggikan[45] bertalbiah kepada Allah ketika melalui lembah ini.”[46]



Thaniyyah (laluan berbukit) Harsya.

Apabila melalui Wadi Usfan baginda bertanya, “Wahai Abu Bakar, lembah apakah ini?” Abu Bakar memberitahu, “Wadi Usfan.” Lalu baginda berkata, “Sesungguhnya Hud dan Soleh melaluinya dengan menunggang sekumpulan unta muda[47] merah yang mulutnya diikat dengan tali kekang dan mereka memakai *Al-Nimar.*[48] Mereka sedang bertalbiah dan akan menunaikan haji di Baitullah.”[49]

Sesungguhnya ia adalah syiar yang berlarutan zaman-berzaman dan diikuti oleh para nabi dan rasul-Nya. Wahai orang yang beriman, adakah kamu tahu bahawa semasa kamu mengerjakan haji di Baitullah, sebenarnya kamu sedang melalui jejak langkah kafilah para nabi dan rasul-Nya yang agung ini? Di jalan yang telah dilalui oleh Hud, Soleh, Ibrahim, Musa, Yunus dan Muhammad SAW. Begitu juga Isa putera Maryam ‘Alayhissalam akan mengikuti mereka, sebagaimana sabda baginda; “Putera Maryam berniat memulakan haji di Faj Al-Rawha’ bagi mengerjakan haji atau umrah, atau kedua-duanya.”[50]

Semasa anda berjalan di jalan ini, anda merasakan bahawa anda merupakan leluhur daripada sinaran hidayah yang gemerlapan. Sesungguhnya ia adalah jalan yang dilalui oleh nabi-nabi dan rasul-rasul Allah, maka berdoalah kepada Tuhanmu yang telah memberi petunjuk kepadamu untuk berjalan di atas jalan yang telah mereka lalui, supaya mengumpulkan kamu bersama mereka di tempat tinggal mereka di akhirat kelak;

وَمَن يُطِعِ ٱللَّهَ وَٱلرَّسُولَ فَأُوْلَٰٓئِكَ مَعَ ٱلَّذِينَ أَنۡعَمَ ٱللَّهُ عَلَيۡهِم مِّنَ ٱلنَّبِيِّـۧنَ وَٱلصِّدِّيقِينَ وَٱلشُّهَدَآءِ وَٱلصَّٰلِحِينَۚ وَحَسُنَ أُوْلَٰٓئِكَ رَفِيقٗا ٦٩

Dan sesiapa yang taat kepada Allah dan RasulNya, maka mereka akan (ditempatkan di syurga) bersama-sama orang-orang yang telah dikurniakan nikmat oleh Allah kepada mereka, iaitu Nabi-nabi, dan orang-orang Siddiqiin, dan orang-orang yang Syahid, serta orang-orang yang soleh. Dan amatlah eloknya mereka itu menjadi teman rakan (kepada orang-orang yang taat). – Surah al-Nisa (4): 69

Dalam Perjalanan: Sebagai Seorang Guru

Rasulullah SAW berjalan di laluannya sendiri sebagai seorang guru dan pembimbing, mengajar ramai orang berkenaan manasik haji mereka, menerangkan mereka tentang urusan-urusan haji serta menjawab pertanyaan mereka. Baginda mendengar seorang lelaki membaca talbiah dengan menyebut, لَبَّيْكَ عَنْ شُبْرُمَةَ - "Aku datang menyahut panggilan-Mu bagi pihak Shubrumah." Nabi SAW memanggilnya dan bertanya, "Siapakah Shubrumah itu?" Lelaki itu menjawab, "Dia adalah saudara lelakiku atau saudara dekatku." Baginda bertanya lagi, "Sudahkah kamu mengerjakan haji untuk diri kamu sendiri?" Dia berkata, "Tidak." Lalu baginda bersabda, "Lakukan haji ini bagi pihak kamu sendiri, kemudian tunaikan haji bagi pihak Shubrumah."[51]



Wadi Al-Azraq.

Rasulullah SAW juga melihat seorang lelaki yang kelihatan letih berjalan dengan berkaki ayam sambil menarik unta korban yang ditanda pada kakinya. Lalu baginda berkata, “Tungganglah unta tersebut.” Lelaki itu menjawab, “Ia adalah unta korban.” Baginda berkata lagi, “Tungganglah unta tersebut.” Lelaki itu menjawab, “Ia adalah unta korban!” Baginda berkata lagi, “Tungganglah unta tersebut.” Lelaki itu menjawab, “Ia adalah unta korban!”

Baginda berkata lagi buat kali yang keempat, “Celakalah kamu, tungganglah unta tersebut! Celakalah kamu, tungganglah unta tersebut!” Abu Hurairah Radhiyallahu ‘Anhu berkata, “Aku melihat dia menunggangnya dan bergerak seiring bersama Nabi SAW dan selipar dikalungkan di lehernya (unta).”[52]

Nabi Muhammad SAW berjalan melintasi mereka yang berjalan dan memerintahkan mereka supaya menunggang haiwan korban yang dibawa bersama.[53] Perintah baginda itu membatalkan sama sekali amalan pada waktu jahiliah yang memuliakan unta korban dengan tidak menunggangnya seperti Al-Bahirah (unta betina yang air susunya tidak boleh diperah kerana dikhususkan hanya untuk berhala), Al-Sa’ibah (unta yang dibiarkan bebas kerana berhala), Al-Wasilah (unta yang dibebaskan untuk berhala kerana telah melahirkan unta betina pada kelahiran pertama dan kedua) dan Al-Ham (unta jantan yang dibebaskan setelah membuntingkan unta betina dalam jumlah yang tertentu).[54]

Abu Toliq Radhiyallahu ‘Anhu berjumpa Nabi SAW lalu dia berkata, “Wahai Rasulullah, isteriku Ummu Toliq menyampaikan salam kepadamu.” Abu Toliq menyambung lagi, “Aku ada seekor unta jantan dan seekor unta betina. Isteriku berkata kepadaku, “Beri kepadaku unta jantanmu untuk aku jadikan sebagai tunggangan haji.” Aku berkata kepadanya, “Ia diwakafkan di jalan Allah.” Isteriku berkata, “Tunggangan haji juga suatu bentuk wakaf di jalan Allah, maka berikanlah pula kepadaku unta betina itu.” Aku membalas, “Aku tidak mengutamakan sesiapa daripada diriku sendiri.”

Isteriku berkata lagi, “Jadi berikanku sebahagian daripada wangmu.” Aku berkata kepadanya, “Aku tidak mempunyai harta yang lebih daripada apa yang aku keluarkan dan berikannya kepada kamu semua. Jikalau ada sesuatu padaku, aku akan memberikannya kepadamu.” Kemudian isteriku memberitahuku, “Sampaikan salam kepada Rasulullah SAW apabila kamu bertemu dengannya dan sampaikan kepadanya apa yang aku ucapkan kepada kamu.”

Lalu baginda berkata kepada Abu Toliq, “Ummu Toliq telah berkata benar. Jika kamu memberinya unta kamu, ia berada di jalan Allah dan jika kamu memberinya wang dari perbelanjaan kamu, Allah akan menggantikannya untuk kamu.” Abu Toliq bertanya, “Apakah pahala yang sama seperti haji bersamamu wahai Rasulullah?” Baginda menjawab, “Umrah di bulan Ramadan.”[55] (Maksudnya, umrah di bulan Ramadan pahalanya sama seperti haji bersama Nabi sebagaimana disebut dalam hadis)

Wadi Usfan.

Tatkala Nabi Muhammad SAW melewati bukit Jumdan, baginda berkata, “Di manakah orang-orang yang terdahulu?” Para sahabat menjawab, “Wahai Rasulullah, manusia telah berlalu dan manusia telah

pun silih berganti." Baginda berkata lagi, "Berjalanlah, ini adalah Jumdan. Al-Mufarridun (orang-orang yang menyendiri untuk beribadah) telah mendahului, Al-Mufarridun telah mendahului." Mereka bertanya, "Apakah itu Al-Mufarridun, wahai Rasulullah?" Baginda menjawab, "laitu orang-orang yang sangat suka berzikir kepada Allah. Zikir tersebut akan melenyapkan dosa-dosa mereka hingga mereka datang pada hari kiamat dalam keadaan ringan (tanpa dosa)."[56]

Jumdan merupakan sebuah bukit yang terletak di antara laluan dari Madinah ke Mekah. Ia lebih dekat dengan Mekah dan bukit itu menjadi tanda bahawa destinasi perjalanan ke Mekah semakin hampir. Orang yang mendahuluinya telah mendahului perjalanannya dan Mufarrid adalah orang yang tidak mempunyai apa-apa selain untanya.[57] Ini menjadikannya ringan dan cepat. Baginda melontarkan sudut pandangan kepada makna yang lebih besar iaitu berlumba-lumba menuju ke akhirat. Orang-orang yang ringan dari bebanan dosa yang mendahului perjalanan ke akhirat ialah orang yang mengingati Allah sama ada dari kalangan lelaki mahupun perempuan, kerana zikir mereka yang banyak itu dapat menghapuskan dosa-dosa mereka.

Lihatlah isyarat yang diberikan, penyampaian baginda yang ringkas tetapi penuh makna serta didatangkan bukti dan contoh yang banyak di dalam penyampaiannya berserta hubung kait yang baik antara ciri-ciri alam dan agama. Lihatlah pula bagaimana Nabi SAW menjadikan perjalanannya penuh dengan pemandangan yang indah dan makna yang mendalam. Baginda mengajar orang yang jahil, membetulkan yang salah dan menunjukkan kebaikan yang utama serta mendorong mereka dengan menggunakan cara yang menarik dan ringkas. Untuk baginda, selawat yang sempurna lagi berkat.

Bukit Jumdan.

Perjalanan yang Melelahkan

Nabi Muhammad SAW bergerak menerusi perjalanan antara Mekah dan Madinah sebagai seorang musafir yang menghadapi kesusahan dan keletihan dalam perjalanan sepertimana yang dihadapi oleh seorang musafir. Baginda telah jatuh sakit dan mengalami sakit kepala yang kuat. Maka ketika sampai di sebuah tempat yang bernama Lahyu Jamal, baginda pun berbekam di bahagian tengah kepalanya.[58] Baginda juga berbekam pada bahagian bawah tapak kakinya kerana merasa sakit di bahagian itu.[59]

Para isteri baginda turut berada bersama baginda dalam perjalanan ini. Pada suatu ketika, datanglah kepada Nabi SAW seorang ghulam (budak suruhan). Dikatakan bahawa dia adalah Anjasyah (orang yang berperanan untuk mempercepatkan rombongan) yang memiliki suara yang elok. Dia mengumpulkan unta-unta lalu menariknya, maka unta-unta pun berkumpul dengan segera. Rasulullah SAW berkata kepadanya, "Janganlah begitu, wahai Anjasyah! Perlahankan perjalanan kamu dan berbuat baik kepada Qawarir[60] iaitu wanita." Maksudnya; "Bersikap lemah lembutlah terhadap wanita (isteri Nabi) kerana kamu telah mempercepatkan unta-unta tersebut."

Ketika mereka bergerak dengan pantas, unta isteri Rasulullah SAW iaitu Ummu Al-Mukminin Safiyyah binti Huyay telah melutut dan tidak

bergerak, sedangkan rombongan telah pun pergi meninggalkannya menyebabkan beliau mula menangis. Baginda pergi kepada isterinya itu selepas diberitahu tentang perkara itu. Baginda mengesat air mata isterinya dengan kedua-dua belah tangan baginda yang mulia dan menenangkannya tetapi makin bertambahlah kesedihan dan tangisan isteri baginda. Baginda melarangnya bersedih namun semakin bertambah pula deraian air matanya. Apabila Safiyyah makin menangis, baginda terus menegahnya lagi. Lalu Nabi SAW memerintahkan orang ramai supaya berhenti, tetapi mereka tidak berhenti. Hari itu merupakan giliran Safiyyah dan setelah mereka berhenti, maka didirikan khemah Rasulullah SAW lantas baginda masuk ke dalamnya.

Safiyyah tidak mengetahui reaksi Nabi jika beliau masuk ke dalam khemah berjumpa dengan baginda. Beliau bimbang jika baginda berasa kurang senang dengan dirinya. Maka beliau pun pergi menemui Aisyah dan berkata kepadanya, “Ketahuilah bahawa aku tidak pernah menjual hariku bersama Rasulullah SAW untuk apa-apa dan aku menghadiahkan giliranku bersama Rasulullah SAW kepadamu. Moga-moga Rasulullah SAW akan meredaiku.” Jawab Aisyah, “Baiklah.”

Aisyah memakai pakaiannya, lalu pergi ke khemah Rasulullah SAW dan menyelak pintu khemah. Rasulullah SAW berkata kepadanya, “Ada apa dengan kamu, wahai Aisyah? Ini bukan harimu.” Aisyah berkata, “Itulah kurniaan Allah yang diberikan-Nya kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya.” Maka baginda pun berqailulah (berehat sebentar) bersama Aisyah.

Lahyu Jamal; antara tempat perhentian di laluan antara Mekah ke Madinah. Di kawasan inilah Nabi Muhammmad SAW berbekam ketika dalam perjalanan ke Mekah.

Ketika menjelang petang, baginda berkata kepada isterinya, Zainab binti Jahsy; “Wahai Zainab, pinjamkan kepada saudara perempuanmu, Safiyyah seekor unta.” Dalam kalangan isteri baginda, Zainab adalah salah seorang yang paling cantik tetapi sikap cemburu menguasai dirinya. Zainab berkata, “Aku akan pinjamkan untaku kepada Yahudimu?” (Iaitu isteri Yahudi kamu). Rasulullah SAW marah tatkala mendengar hal itu, lalu baginda meninggalkannya. Baginda tidak bercakap, tidak mendatangi dan tidak membahagi hari dengannya sehingga kembali ke Madinah.[61]

Di salah satu tempat perhentian Nabi, ada suatu tempat yang bernama Al-’Arj. Rasulullah SAW duduk dan di samping baginda ialah isterinya Aisyah manakala sahabatnya Abu Bakar duduk bersebelahan anak perempuannya iaitu Asma’. Abu Bakar sedang menunggu ghulamnya (budak suruhan) datang dengan unta yang membawa barangannya dan barangan baginda. Namun ghulam itu datang tanpa unta bersamanya. Abu Bakar bertanya, “Di manakah untamu?” Dia berkata, “Aku terlepas unta tersebut semalam.”

Abu Bakar pun menepuk ghulam tersebut sambil berkata, “Unta seekor pun boleh terlepas?” Nabi SAW memandang, sambil tersenyum baginda berkata; “Lihatlah apa yang dilakukan oleh orang yang berihram ini!”[62] Perkara itu berlaku dalam suasana yang penuh dengan kasih sayang dan belas kasihan kepada ghulam itu di samping untuk merasakan kemuliaan dan kehebatan ibadah haji. Abu Bakar turut bertindak secara lembut terhadap ghulam tersebut.

Gambar rombongan haji suatu masa dahulu.

Apabila keluarga Nadhlah Al-Aslami dimaklumkan bahawa unta yang membawa barangan Rasulullah SAW telah hilang, maka mereka membawa kepada baginda sebekas *hais*.[63] Mereka meletakkannya di tangan Rasulullah SAW lalu baginda berkata, “Marilah Abu Bakar, Tuhan mendatangkan makan tengah hari yang enak.” Abu Bakar masih menahan kemarahan terhadap ghulamnya. Nabi SAW berkata kepadanya, “Bertenanglah wahai Abu Bakar. Perkara itu bukan kemahuanmu atau kemahuan kita dan ghulam itu bersungguh-sungguh tidak ingin kehilangan unta tersebut. Hal ini adalah hikmah yang ada bersamanya.” Maka Rasulullah SAW, Abu Bakar dan setiap orang yang bersama mereka makan sehingga kenyang.[64]

Kemudian Safwan bin Al-Mu’attal yang ketika itu berada di dalam perkumpulan orang ramai datang mendekati khemah Nabi Muhammad SAW. Bersamanya ada seekor unta yang membawa barangan di atasnya dan unta tersebut berlutut di pintu khemah Nabi. Baginda berkata kepada Abu Bakar, “Lihat, adakah kamu kehilangan sesuatu daripada harta benda kamu?” Abu Bakar bangun untuk melihat. Beliau berkata, “Aku hanya kehilangan satu cawan yang biasa kita guna untuk minum.” Ghulam Abu Bakar memberitahu, “Cawan ini ada denganku.” Kata Abu Bakar kepada Safwan, “Semoga Allah menunaikan amanah bagi pihak kamu.”[65]

Datang pula Saad bin Ubadah dan anaknya Qais bersama seekor unta yang membawa barangan. Mereka menuju ke khemah Rasulullah SAW dan mereka mendapati bahawa baginda sedang berdiri di pintu khemahnya sedang Allah telah mengembalikan kepada baginda unta barangan yang hilang. Saad berkata, “Wahai Rasulullah, kami telah diberitahu bahawa untamu telah sesat pagi ini dan ini unta lain sebagai ganti.” Rasulullah SAW berkata, “Tuhan telah mendatangkan unta kami, maka kembalilah bersama unta kamu ini. Semoga Allah memberkati kamu.”

Baginda berkata lagi, “Tidak cukupkah lagi bagimu wahai Abu Thabit, apa yang kamu lakukan terhadap kami dengan keramahanmu sejak kami datang ke Madinah?” Balas Saad, “Pemberian ini untuk Allah dan Rasul-Nya. Demi Allah, ya Rasulullah. Apa yang diambil daripada harta kami lebih kami cintai daripada harta yang ada pada kami.”

Al-Abwa’

Kawasan Al-Abwa’ dan Wadi Waddan.

Nabi Muhammad SAW membalas, “Engkau benar, wahai Abu Thabit. Bergembiralah, kamu telah berjaya kerana akhlak berada di tangan Allah Yang Maha Agung. Sesiapa yang ingin diberikan kepadanya akhlak yang baik, nescaya Allah akan memberikan kepadanya akhlak yang baik. Sesungguhnya Allah telah memberikan kepadamu akhlak yang baik.” Balas Saad, “Segala puji bagi Allah, Dia telah melakukannya.”[66]

Ketika Nabi Muhammad SAW tiba di Al-Abwa’, Al-Sa’b bin Jaththamah telah menghadiahkan baginda daging binatang buruan berupa tulang punggung keldai liar yang darahnya masih menitis namun baginda menolaknya. Baginda melihat ada riak kekecewaan pada wajahnya kerana pemberiannya ditolak maka baginda beralasan dengan berkata, “Kami menolaknya bukan kerana tidak menyukaimu tetapi kita sedang berihram dan dilarang memakan binatang buruan. Sekiranya kami tidak berada dalam keadaan ihram, tentulah kami akan menerimanya daripada kamu.”[67]

Sesungguhnya ia adalah suatu kejadian yang penuh dengan kesopanan. Apabila baginda membaca psikologi para sahabatnya, baginda bersegera menjelaskan sebab yang menyebabkan baginda menolak pemberian tersebut. Baginda tidak membiarkan perasaan sahabatnya itu dirobek yang berkemungkinan amat menyakitkan. Baginda mengubat hati sahabatnya dengan memberitahu bahawa baginda akan menerima pemberian ini jika baginda tidak dalam keadaan berihram.

عَزِيزٌ عَلَيْهِ مَا عَنِتُّمْ حَرِيصٌ عَلَيْكُم بِٱلْمُؤْمِنِينَ رَءُوفٌ رَّحِيمٌ ﴿١٢٨﴾

Yang menjadi sangat berat kepadanya sebarang kesusahan yang ditanggung oleh kamu, yang sangat tamak (inginkan) kebaikan bagi kamu, (dan) ia pula menumpahkan perasaan belas serta kasih sayangnya kepada orang-orang yang beriman. – Surah al-Taubah (9): 128

Ketika Rasulullah SAW menghampiri Mekah, baginda berhenti di sebuah tempat yang bernama Sarif. Baginda mencadangkan kepada para sahabatnya yang tidak membawa binatang korban supaya mengerjakan umrah. Baginda berkata, “Sesiapa yang tidak membawa haiwan korban lalu dia ingin mengerjakan umrah, maka dia boleh melakukannya. Manakala sesiapa yang membawa haiwan korban, tidak boleh buat sedemikian. Baginda tidak membuat ketetapan untuk mereka. Di kalangan para sahabat, ada yang melakukannya (menggantikan niat haji dengan umrah) dan ada yang tidak.

Kemudian Nabi Muhammad SAW mendatangi Aisyah yang sedang menangis. Baginda bertanya kepadanya, “Apa yang menyebabkanmu menangis?” Aisyah berkata, “Kalaulah aku tidak berangkat keluar pada tahun ini.” Baginda berkata, “Jadi apa yang berlaku kepadamu?” Aisyah memberitahu, “Aku mendengar apa yang kamu ucapkan kepada sahabat kamu. Aku tidak boleh membuat umrah.” Baginda berkata, “Mungkin kamu telah haid?” Aisyah menjawab, “Ya.”

Sarif.

Baginda menenangkan, menghiburkan dan menyantuni perasaan Aisyah dengan berkata, “Ini adalah sesuatu yang telah ditetapkan oleh Allah untuk anak-anak perempuan Adam. Kamu adalah seorang wanita daripada anak-anak perempuan Adam. Allah telah menetapkan bagimu apa yang telah ditetapkan-Nya untuk mereka, maka ia tidak mendatangkan mudarat untukmu. Lakukanlah apa yang dikerjakan oleh orang yang mengerjakan haji, kecuali kamu tidak tawaf di Baitullah melainkan setelah kamu sudah suci daripada haid. Kerjakanlah haji kamu, mudah-mudahan Allah memberikan kesempatan untuk kamu melakukan umrah.”[68]

Begitulah peribadi mulia Nabi Muhammad SAW terhadap isteri-isterinya. Baginda berbuat baik serta mengambil berat tentang keadaan dan perasaan mereka, meraikan dan bersama-sama menanggung keresahan. Begitu juga ibu kita Aisyah Radhiyallahu ‘Anha yang diberkati semua perihal keadaannya. Apa yang ditimpa ke atas beliau, menjadi garis panduan pensyariatan bagi wanita-wanita Muslimah yang lainnya jika mereka didatangi haid. Selawat dan keberkatan dari Allah ke atas kalian, wahai ahli bait.

Sesungguhnya perjalanan Rasulullah SAW merupakan perjalanan hidayah, pensyariatan dan pengajaran bagi ibadah haji serta sebagai panduan ke arah kebaikan.

Peta Haji Wada'.

Bahagian 2

Di Mekah



Gambar lama tapak perkhemahan para jemaah haji di Zi Tuwa. Pada sudut kanan gambar kelihatan bumbung bangunan yang didirikan di atas telaga Zi Tuwa.

Pengenalan

Perjalanan Rasulullah SAW dari Madinah ke Mekah telah mengambil masa selama lapan hari. Sepanjang perjalanan tersebut, baginda telah mengharungi pelbagai cabaran dan kepenatan sebagai seorang musafir. Oleh sebab itu; tatkala menghampiri Mekah, baginda bermalam di pinggir Mekah untuk berehat dan membuat persediaan untuk masuk pada keesokan hari dalam keadaan yang lebih kuat dan segar.

Tindakan ini juga bertujuan supaya para sahabat yang bersama baginda dapat membuat persiapan yang lebih baik dan memberi peluang kepada mereka mengikuti Nabi dalam melaksanakan tanggungjawab

yang sangat besar ini. Baginda bermalam di telaga Zi Tuwa[69] yang kini dikenali dengan nama Jarwal atau Abar Al-Zahir.

Apabila fajar menyinsing, Rasulullah SAW menunaikan solat subuh di atas bukit bersebelahan telaga. Usai solat, baginda mencadangkan kepada para sahabatnya untuk membuat haji tamatuk seraya berkata, "Sesiapa yang mahu menjadikan perjalanan ini sebagai umrah, maka jadikanlah ia umrah."[70] Kemudian, Rasulullah SAW mandi untuk memasuki Mekah dan menghilangkan lelah perjalanannya supaya baginda memasukinya dalam keadaan tenang dan penuh cergas.

Baginda bergerak menghala ke arah bukit tinggi yang bertentangan dengan Kaabah yang dikenali dengan nama bukit Azakhir untuk menuju ke arah Mekah menerusi Thaniyyah (laluan berbukit) Kada'. Laluan tersebut pada hari ini terletak di jambatan Al-Hajun.[71] Selepas itu, baginda bergerak ke arah kanan menuruni cerun lembah menuju ke arah Masjid Al-Haram. Perjalanan tersebut diiringi dengan ucapan talbiah yang tidak berhenti-henti. Baginda sendiri tidak berhenti bertalbiah sehingga memasuki kawasan perumahan di Mekah. Kanak-kanak dari Bani Abdul Mutalib menyambut kedatangan Nabi, seorang mengiringi di depan dan seorang lagi di belakang baginda.[72]

Telaga Tuwa suatu masa dahulu.

Telaga Tuwa sekarang.

Nabi Muhammad SAW memasuki Mekah pada hari Ahad bersamaan 4 Zulhijah. Ketika itu, matahari telah pun meninggi pada waktu duha serta keadaan sudah semakin jelas dan terang. Tujuannya supaya orang ramai dapat melihat Nabi dan mengikut baginda. Unta tunggangan baginda berhenti duduk di pintu masjid, lalu baginda berwuduk untuk solat. Kemudian baginda memasuki masjid melalui pintu yang selalu baginda guna semasa tinggal di Mekah iaitu pintu Bani Syaibah.[73]

Di Dataran Kaabah

Ketika Nabi Muhammad SAW memasuki Masjid Al-Haram, baginda benar-benar menjunjung ajaran Nabi Ibrahim ‘Alayhissalam; tiada lagi berhala di sekeliling Kaabah, tiada lagi orang-orang yang bertawaf sambil bertelanjang dan tidak ada lagi orang musyrik yang melaksanakan haji. Demi Allah, apakah yang timbul dalam hati sanubari baginda ketika itu? Kini, Masjid Al-Haram terbentang luas di hadapan mata baginda. Dataran ini menyaksikan jerih perih dakwah, penyampaian risalah dan cabaran yang dilalui serta kesabaran baginda atas iri hati dan penganiayaan kaumnya terhadap diri baginda.

Sepuluh tahun yang lalu, sedang baginda memasuki Masjid Al-Haram untuk melaksanakan solat, kaumnya mencampakkan najis unta di belakang baginda ketika sedang sujud.[74] Pada waktu yang lain, semasa Nabi Muhammad SAW memasuki Masjid Al-Haram, para pemimpin

Quraisy berdiri di hadapan baginda. Mereka mengambil selendang Nabi dan menjerutnya di leher baginda. Sehinggalah Abu Bakar datang dan melepaskan baginda dari cengkaman mereka. Lalu Abu Bakar berkata, “Adakah kamu mahu membunuh seorang lelaki hanya kerana dia mengatakan; Tuhanku adalah Allah?”[75]



Thaniyyah (laluan berbukit) Kada’ suatu masa dahulu.

Thaniyyah (laluan berbukit) Kada’ sekarang.

Adakah Nabi Muhammad SAW masih ingat lagi keadaannya ketika itu semasa di Mekah? Baginda memasuki Masjid Al-Haram dalam keadaaan tiada sesiapa di dalamnya melainkan semuanya adalah orang yang beriman kepadanya dan mengikuti ajarannya. Sungguh, Allah Ta'ala benar-benar mengotakan janji-Nya kepada baginda dan telah meninggikan agama-Nya di antara agama-agama yang lain.

Sesungguhnya kita semua tidak dapat membayangkan, apa sebenarnya yang berada di dalam sanubari dan jiwa baginda. Namun, kita dapat merasai perasaaan yang hampir sama ketika kenangan-kenangan silam itu melintas di hadapan baginda. Dalam keadaan yang sangat sayu, baginda berjalan perlahan-lahan ke arah Kaabah yang mulia. Apabila tiba di tempat Hajar Al-Aswad, baginda menyentuhnya dan bertakbir. Mata baginda dibasahi air mata. Kemudian, baginda meletakkan kedua-dua bibirnya ke atas Hajar Al-Aswad, mengucupnya dan bersujud di situ.[76] Ternyata baginda sangat bahagia di saat itu dan ia adalah situasi yang menuntut untuk diambil pelajaran.[77]

Selepas itu, Rasulullah SAW melaksanakan tawaf di Kaabah sebanyak tujuh kali pusingan dengan memakai selendang secara *mudhtabi'* (iaitu bahagian tengah kain dikepit di bawah ketiak kanan manakala hujung kain diletakkan di atas bahu sebelah kiri). Selendang baginda kain buatan Hadhrami yang berwarna hijau. Baginda berlari-lari anak pada tiga pusingan yang pertama dan berjalan dengan tenang pada empat pusingan tawaf yang seterusnya. Doa baginda di antara dua rukun (iaitu Rukun Yamani dan Rukun Hajar Al-Aswad);

رَبَّنَآ ءَاتِنَا فِى ٱلدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِى ٱلْءَاخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ ٱلنَّارِ ﴿٢٠١﴾

"Wahai Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, dan peliharalah kami dari azab neraka". – Surah al-Baqarah (2): 201[78]

Ketika tawaf, baginda melihat seorang lelaki mengikat tangannya dengan seorang lelaki yang lain menggunakan tali atau kain untuk mengikuti lelaki tersebut. Maka Nabi Muhammad SAW memutuskan ikatan tersebut dengan tangan baginda lalu bersabda, "Pimpinlah dia dengan tangannya." Lelaki tersebut berkata, "Wahai Rasulullah, dia telah bernazar. Sesungguhnya kami telah bernazar bahawa kami akan saling

berikatan antara satu sama lain sampai kami tiba di Kaabah." Perkara ini merupakan sebahagian daripada adat Arab jahiliah iaitu mengikat diri antara satu sama lain ketika melakukan haji. Baginda bersabda, "Lepaskan diri kamu berdua dan lakukanlah haji dengan benar. Perkara yang engkau lakukan ini bukannya nazar. Bernazar itu adalah dengan mengharapkan keredaan Allah sedangkan apa yang kamu lakukan ini adalah amalan syaitan."[79]

Pintu Bani Syaibah.

Ketika melakukan tawaf, Nabi Muhammad SAW sebenarnya sedang menyucikan syiar-syiar haji daripada segala apa yang bersangkutan dengan amalan jahiliah. Baginda mengembalikan ibadah haji ini kepada kesuciannya dengan jalan yang paling benar dan jelas sepertimana ia didatangkan dan ditinggalkan kepada kita. Usai melakukan tawaf, baginda berjalan ke arah makam Ibrahim 'Alayhissalam lalu membaca ayat;

وَٱتَّخِذُواْ مِن مَّقَامِ إِبۡرَٰهِـۧمَ مُصَلًّى

Dan jadikanlah oleh Kamu Makam Ibrahim itu tempat sembahyang. – Surah al-Baqarah (2): 125

Nabi Muhammad SAW meninggikan suaranya sehingga didengari oleh orang ramai. Baginda berdiri di tengah-tengah antara makam dan Kaabah. Makam pada waktu itu melekat dengan dinding Kaabah di bahagian Timur.[80] Baginda melaksanakan solat dua rakaat di situ; rakaat pertama baginda membaca Surah al-Fatihah dan al-Kafirun manakala rakaat kedua Surah al-Ikhlas.[81] Selesai memberi salam, Rasulullah SAW pergi ke tempat telaga Zamzam lalu meminum airnya dan menuangkan air ke atas kepalanya. Selepas itu, baginda kembali semula ke tempat Hajar Al-Aswad lalu menciumnya, menyapu dengan kedua-dua tangannya dan diusapkan kedua-dua tangannya ke wajah.[82]

Antara Safa dan Marwah

Kemudian, baginda keluar menerusi pintu Safa. Tatkala menghampiri Safa, baginda membaca ayat;

إِنَّ ٱلصَّفَا وَٱلۡمَرۡوَةَ مِن شَعَآئِرِ ٱللَّهِۖ فَمَنۡ حَجَّ ٱلۡبَيۡتَ أَوِ ٱعۡتَمَرَ فَلَا جُنَاحَ عَلَيۡهِ أَن يَطَّوَّفَ بِهِمَاۚ وَمَن تَطَوَّعَ خَيۡرًا فَإِنَّ ٱللَّهَ شَاكِرٌ عَلِيمٌ ١٥٨

Sesungguhnya "Safa" dan "Marwah" itu ialah sebahagian daripada Syiar (lambang) agama Allah; maka sesiapa yang menunaikan ibadah haji ke Baitullah atau mengerjakan Umrah, maka tiadalah menjadi salah ia bersaie (berjalan dengan berulang-alik) di antara keduanya. Dan sesiapa yang bersukarela mengerjakan perkara kebajikan, maka sesungguhnya Allah memberi balasan pahala, lagi Maha Mengetahui. – Surah al-Baqarah (2): 158

Nabi Muhammad SAW menyebut, “Aku mulakan dengan apa yang Allah Ta’ala mulakan dengannya.” Baginda pun mula bergerak dari bukit Safa dan naik ke tempat yang lebih tinggi sehingga nampak Baitullah. Kemudian baginda menghadap ke arah Baitullah dan mengangkat kedua-dua tangannya yang mulia lalu membaca dengan kuat;

لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ، وَاللهُ أَكْبَرُ، وَسُبْحَانَ اللهِ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ، وَلَهُ الْحَمْدُ، يُحْيِي وَيُمِيتُ، وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ. لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ وَحْدَهُ، أَنْجَزَ وَعْدَهُ، وَنَصَرَ عَبْدَهُ، وَهَزَمَ الْأَحْزَابَ وَحْدَهُ.

Tiada Tuhan melainkan Allah; Allah Yang Maha Besar, Maha Suci Allah dan segala puji bagi Allah. Tida Tuhan melainkan Allah sahaja; tidak sekutu bagi Allah, bagi-Nya seluruh kekuasaan dan pujian. Dia yang menghidup dan mematikan dan Dia amat berkuasa atas segala sesuatu. Tiada Tuhan melainkan Allah sahaja; Dia menunaikan janji-Nya, membantu hamba-Nya dan mangalahkan pakatan tentera Ahzab secara bersendirian.[83]

Baginda mengulang bacaan tersebut sebanyak tiga kali dan berdoa di tempat baginda berdiri dengan apa yang Allah kehendaki untuk baginda doakan. Selepas itu, Rasulullah SAW berjalan turun. Sebaik sahaja menjejakkan kaki di tengah lembah antara Safa dan Marwah, baginda mempercepatkan langkah dan bergerak lebih laju ketika sa’ie. Baginda berkata, “Tidaklah seseorang melalui *Al-Abtoh*[1] melainkan dengan berlari-lari anak, maka bersegeralah. Sesungguhnya Allah Ta’ala mewajibkan ke atas kamu amalan sa’ie.”

Langkahan Nabi Muhammad SAW menjadi lebih laju sehingga tangan baginda berayun. Kain sarung baginda juga turut terlilit pada kedua lutut kerana cepatnya gerakan baginda ketika sa’ie. Pada masa itu baginda berumur enam puluh tiga tahun. Setelah melepasi kawasan tengah lembah, baginda pun berjalan menuju ke Marwah dan mendakinya hingga terlihat Baitullah. Kemudian baginda menghadap ke arah Baitullah

[1] Iaitu bahagian tempat sa’ie yang ditandai dengan lampu berwarna hijau. (Tambahan penyunting)

lalu bertakbir, bertahlil dan mengangkat kedua-dua tangannya berdoa. Apa yang dilakukan di Marwah sama seperti apa yang baginda lakukan di Safa.[84]



Hajar Al-Aswad suatu masa dahulu.



Hajar Al-Aswad sekarang.

Ketika ini, berita tentang keberadaan Nabi Muhammad SAW telah tersebar ke seluruh pelosok kota Mekah dan orang ramai menyebut-nyebut, “Rasulullah di Masjid Al-Haram! Rasulullah di atas Safa! Rasulullah di atas Marwah.” Hampir di setiap rumah berbicara tentang Nabi. Hati-hati dan mata-mata yang kerinduan kesemuanya datang untuk melihat sendiri susuk tubuh baginda sehinggakan orang-orang yang baru dibebaskan dan para hamba juga menyebut, “Ini Rasulullah! Ini Rasulullah!”

Orang ramai bersesak-sesak datang untuk melihat wajah baginda yang bercahaya. Walaupun ramai yang mengelilinginya, baginda tetap berkelakuan mulia dan mesra. Tidak ada sesiapa pun yang dipukul di hadapan baginda. Baginda juga tidak berkata, "Ke sana, ke sana!" atau "Ke tepi, ke tepi!" Baginda hanya memanggil tunggangannya lalu menaikinya. Baginda melakukan sedemikian untuk menyantuni kesemuanya agar mereka boleh bertanya dan dapat melihat baginda. Layanan baginda kepada orang ramai begitu lembut, penuh belas ihsan dan kasih sayang. Kemudian baginda menyelesaikan sa'ie dengan menaiki tunggangan.[85]

Tatkala selesai melakukan sa'ie iaitu pada pusingan akhir di Marwah, baginda mengarahkan sesiapa yang tidak membawa haiwan korban dari kalangan sahabatnya supaya bertahallul untuk menanggalkan ihram mereka dan menjadikannya umrah. Baginda bersabda, "Sesiapa di kalangan kamu yang ingin menyembelih, dia tidak boleh melakukan sesuatu yang diharamkan sehingga dia selesai melakukan hajinya. Dan sesiapa yang tidak menyembelih, dia perlu melakukan tawaf di Baitullah serta sa'ie di Safa dan Marwah. Kemudian, hendaklah dia memendekkan rambutnya[86] dan bertahallul."

"Kemudian, bolehlah kamu melakukan perkara yang dihalalkan sehingga apabila tiba hari Tarwiyah (8 Zulhijah), maka berniatlah untuk haji. Jadikanlah apa yang sudah kamu lakukan sebelum ini sebagai kesenangan buatmu dan sembelihlah haiwan kamu. Manakala sesiapa yang tiada haiwan untuk disembelih, maka dia perlu berpuasa tiga hari dalam masa mengerjakan haji dan tujuh hari apabila dia kembali ke pangkuan keluarganya."[87]

Makam Ibrahim.

Rasulullah SAW turut mengarahkan para isterinya untuk bertahallul. Semua isteri baginda bertahallul kecuali Aisyah kerana dia sedang dalam keadaan haid. Hafsah berkata kepada Nabi, “Apa yang menghalangi kamu untuk bertahallul?” Baginda menjawab, “Aku telah memanjangkan rambutku dan memakaikan kalungan pada haiwan korbanku. Aku tidak akan bertahallul sehingga haiwan korbanku disembelih.”[88]

Hal itu membuatkan para sahabat berasa berat dan menyulitkan mereka. Sehinggakan Jabir berkata, “Perkara itu besar bagi kami dan dada kami menjadi sempit kerana terbeban dengannya.”[89] Mereka berasa berat dengan perkara tersebut kerana mereka bergerak keluar dari Madinah sambil bertalbiah dan berniat dengan niat haji ifrad. Mereka tidak berniat melainkan haji. Mereka melaungkan talbiah tersebut dengan suara yang kuat. Bagaimana mereka ingin menukar niat tersebut kepada umrah?

Sebab itulah para sahabat berkata, “Bagaimana kami mahu jadikan umrah perkara yang menyenangkan kerana kami telah berniat haji?” Mereka berasa berat untuk menunaikan umrah pada bulan-bulan haji dan hari-harinya kerana ketika zaman jahiliah, mereka menganggap umrah pada bulan-bulan haji merupakan perbuatan yang paling keji.[90]

Jadi, bagaimana mereka mahu bertahallul dan bersenang-senang sepertimana orang yang sudah bertahallul sedangkan tidak ada lagi baki hari untuk mereka sehingga hari Arafah melainkan empat hari sahaja?

Sehinggakan mereka bertanya kepada Rasulullah SAW, “Tahallul yang mana?” Baginda menjawab, “Tahallul kesemuanya.” Mereka pun berbincang sesama mereka tentang perkara tersebut. Mereka berkata, “Kami keluar untuk melaksanakan haji. Kami tidak mahu melainkan haji, sedangkan tiada waktu berbaki antara hari ini hingga hari Arafah kecuali empat malam sahaja. Kami diperintahkan untuk pergi kepada isteri kami dan kami perlu datang ke Arafah dalam keadaan kami telah bersama dengan isteri kami?”[91]



Safa suatu masa dahulu.

Pada waktu yang sama, keadaan Nabi Muhammad SAW juga mengelirukan mereka untuk menerima arahan kerana mereka melihat baginda tidak bertahallul dan masih lagi berihram. Mereka ini adalah sahabat yang hatinya lebih mencintai Nabi dan mengikuti apa sahaja yang diperintah dan dilarang oleh baginda. Oleh itu, para sahabat lambat bertindak untuk menerima arahan Nabi kerana mereka sangat mengharapkan agar dapat mengikuti perbuatan baginda ketika itu yang masih belum bertahallul.

Apabila Nabi Muhammad SAW melihat para sahabat melambat-lambatkan untuk mengikuti arahan dan masih ragu-ragu mengenainya, menyebabkan Nabi berasa marah lalu baginda bertemu dengan Aisyah. Melihat sahaja Rasulullah SAW, Aisyah tahu bahawa baginda sedang marah sehingga Aisyah menyangka bahawa ada orang yang menyakiti atau memarahi baginda. Lalu Aisyah bertanya, “Siapakah yang membuatkan kamu marah, wahai Rasulullah? Semoga Allah akan memasukkannya ke dalam api neraka.” Kata baginda, “Apa perasaanmu apabila aku mengarahkan orang ramai agar melakukan sesuatu lalu mereka ragu-ragu untuk melaksanakannya?”

Apa yang dibicarakan oleh orang ramai dan apa yang mereka mahukan telah sampai ke pengetahuan Nabi. Adakah baginda mengetahuinya melalui perkhabaran dari langit (wahyu) atau disampaikan kepada baginda oleh seseorang?

Lantas baginda berdiri di tengah-tengah mereka dan menyampaikan ucapan yang dimulai dengan puji-pujian dan sanjungan kepada Allah Ta’ala. Sabda baginda, “Demi Allah, adakah kalian mengajarku? Kalian tahu bahawa aku yang paling bertakwa kepada Allah, paling jujur dan paling baik di antara kalian. Maka lakukanlah apa yang aku perintahkan kepada kalian! Sesungguhnya kalaulah aku tidak mempunyai haiwan korban, nescaya aku sudah bertahallul seperti kalian. Jika aku tahu masa depan sepertimana aku tahu masa lampau, nescaya aku tidak akan menyembelih haiwan korban, maka kalian bertahallullah.”[92]

Hati para sahabat terus menjadi tenang dan sejuk dengan kata-kata Rasulullah SAW lantas mereka bercukur, bertahallul, memakai pakaian mereka, memakai wangi-wangian dan bersegera kembali kepada isteri mereka. Mereka dengar dan patuh dengan apa yang diarahkan sepertimana keadaan mereka selalunya apabila bersama Rasulullah SAW. Maka Allah meredai mereka dan mereka juga reda.



Marwah suatu masa dahulu.

Kemudian, Suraqah bin Malik bin Ju'syum Radhiyallahu 'Anhu yang berada di kaki bukit Marwah pun berdiri. Beliau bertanya, "Wahai Rasulullah, adakah keputusan engkau untuk haji tamatuk ini adalah bagi tahun kami ini sahaja atau untuk selama-lamanya?" Lalu Rasulullah SAW menyelat jari-jemari tangannya satu dengan yang lain seraya berkata, "Tidak! Bahkan untuk selama-lamanya. Tidak! Bahkan untuk selama-lamanya. Tidak! Bahkan untuk selama-lamanya. Umrah itu termasuk dalam haji sehingga hari kiamat."[93]

Suraqah bertanya lagi, “Wahai Rasulullah, terangkan kepada kami tentang agama kami seolah-olah kami baru diciptakan sekarang, untuk apa amalan hari ini? Apakah amalan tersebut berdasarkan pada apa yang tertulis oleh tinta pena yang telah mengering dan berdasarkan kepada takdir-takdir yang telah ditetapkan atau berdasarkan apa yang akan kami hadapi?” Jawab Rasulullah SAW, “Tidak! Bahkan berdasarkan pada apa yang tertulis oleh tinta pena yang telah mengering dan berdasarkan kepada takdir-takdir yang telah ditetapkan. Soal Suraqah lagi, “Lalu untuk apa amalan itu?” Baginda menjawab, “Beramallah kamu kerana setiap seorang itu akan dipermudahkan untuk apa yang diciptakan baginya.”[94]

Apa yang masih tinggal untuk kita ingati adalah bahawa si Arab Badwi berketurunan Al-Mudlaji yang bertanya Nabi SAW tentang permasalahan-permasalahan ini adalah seorang yang pada sepuluh tahun yang lalu memacu kudanya mengekori Nabi SAW dalam perjalanan hijrah baginda sambil anak panahnya sudah tersedia. Dia mahu mendapatkan Nabi secara hidup mahupun mati supaya diberikan ganjaran oleh pihak Quraisy. Tawaran ini dibuka bagi sesiapa yang berjaya menawan Nabi Muhammad SAW atau membunuhnya.[95] Pada hari ini, dialah yang berdiri di hadapan Nabi dalam keadaan sudah beriman, yang bertanyakan tentang urusan agamanya, amalannya serta tentang akhiratnya. Benarlah firman Allah Ta’ala;

وَكُنتُمْ عَلَىٰ شَفَا حُفْرَةٍ مِّنَ ٱلنَّارِ فَأَنقَذَكُم مِّنْهَا

Dan kamu dahulu telah berada di tepi jurang neraka (disebabkan kekufuran kamu semasa jahiliah), lalu Allah selamatkan kamu dari neraka itu (disebabkan nikmat Islam juga). – Surah Ali Imran (3): 103



Peta masuk ke Mekah.

Bahagian 3

Di Al-Abtoh

Al-Abtoh suatu masa dahulu.

Rasulullah SAW berjalan dengan jemaah yang bersamanya sehingga sampai di Al-Abtoh yang terletak di timur Mekah. Ia adalah tempat yang luas terbentang dan di sini terdapat telaga-telaga air untuk kegunaan orang ramai. Tempat ini lebih sesuai untuk persinggahan rombongan yang ramai. Al-Abtoh pada hari ini merangkumi kawasan yang dinamakan sebagai Al-Ma'abdah, Al-Jummaizah dan Al-Hajun. Tempat persinggahan Nabi terletak di tempat yang kini dikenali sebagai Al-Ja'fariyyah. Ianya berdekatan Al-Abtoh menuju ke Al-Hajun.

Rasulullah SAW berhenti di Al-Abtoh bersama para sahabat yang lain. Asma' binti Abu Bakar menggambarkan, sambil menunjuk ke arah tempat persinggahan mereka, Asma' berkata; "Kami singgah bersama Rasulullah SAW di sini berserta beg-beg kami yang ringan serta barangan dan bekalan kami yang sedikit."[96]

Rasulullah SAW dan jemaah yang lain berada di Al-Abtoh selama empat hari iaitu hari Ahad, Isnin, Selasa dan Rabu. Baginda sangat menyantuni orang ramai. Antara tindakan yang dibuat ialah baginda tidak pergi ke Masjid Al-Haram dan Kaabah di sepanjang tempoh empat hari tersebut.[97] Ini kerana, sekiranya baginda pergi maka para jemaah yang lain akan turut pergi mengikuti baginda. Hal ini akan menyukarkan mereka. Baginda hanya solat bersama mereka di Al-Abtoh dan ini menjadi salah satu dalil daripada beberapa dalil bahawa seluruh Tanah Haram itu adalah tempat untuk solat yang pahalanya berlipat kali ganda yang tidak dikhususkan di Masjid Al-Haram sahaja.

Al-Abtoh sekarang.

Nabi Muhammad SAW sangat rapat dengan para pengikutnya dan mereka juga rapat dengan baginda. Semua orang mengasihi serta suka berdamping dengan baginda. Mereka amat senang dengan akhlak baginda yang hebat yang telah difitrahkan Allah ke atas baginda. Abu Juhaifah meriwayatkan satu peristiwa ketika beliau bersama Nabi SAW. Pada waktu itu umur Juhaifah dalam lingkungan sepuluh tahun. Juhaifah berkata, "Suatu ketika baginda keluar pada waktu tengah hari. Kelihatan baginda memakai sepasang pakaian berwarna merah sambil menyinsing, sehinggakan aku dapat melihat kedua-dua betis baginda yang putih melepak. Lalu baginda mendirikan solat sunat dua rakaat. Setelah selesai solat, orang ramai bangun menuju ke arah baginda. Mereka memegang tangan baginda dan mengusap muka mereka dengan tangan baginda. Aku pun memegang tangan baginda dan meletakkannya di mukaku. Ia lebih sejuk daripada salji dan berbau lebih harum daripada kasturi."

Ketika di Al-Abtoh Nabi Muhammad SAW tinggal di dalam khemah bulat berwarna merah; selepas baginda berwuduk untuk solat, Bilal Radhiyallahu 'Anhu keluar dengan membawa sisa air wuduk Nabi dan merenjiskannya kepada orang ramai. Mereka yang terkena renjisan ini akan menyapunya ke badan. Manakala yang tidak terkena renjisan tersebut, mereka akan menyapu pada renjisan orang lain bagi mendapatkan keberkatan baginda. Kemudian, Bilal keluar membawa tombak yang pendek dan mencacaknya pada tanah supaya menjadi hadangan (*sutrah*) untuk baginda solat bersama-sama orang ramai.[98]

Dalam masa yang sama; mereka yang tidak sempat bermusafir bersama baginda dari Madinah, mereka telah dapat bertemu baginda di Al-Abtoh. Antaranya Ali bin Abi Talib Radhiyallahu 'Anhu yang datang dari Yaman. Baginda mengutusnya sebelum Haji Wada' untuk memungut cukai Al-Khums (cukai harta rampasan perang). Ali datang dalam keadaan berihram sepertimana Rasulullah SAW. Apabila beliau mendatangi isterinya Fatimah iaitu anak perempuan Nabi, didapati bahawa Fatimah telah pun bertahallul daripada umrahnya. Fatimah telah memakai pakaian yang wangi, mengenakan celak dan mewangikan khemahnya.

Al-Ja'fariyyah tempat persinggahan Nabi SAW di Al-Abtoh.

Al-Ja'fariyyah.

Ali hairan melihat keadaan Fatimah yang telah selesai ihram, lalu beliau bertanya tentang perkara tersebut. Jawab Fatimah, "Ayahku menyuruhku berbuat demikian." Maka Ali pun bertemu Rasulullah SAW untuk bertanyakan hal tersebut. Ali berkata, "Fatimah telah bertahallul dan memakai celak serta memakai pakaian yang wangi. Beliau mendakwa bahawa kamu menyuruhnya berbuat demikian, wahai Rasulullah?" Baginda menjawab, "Dia betul, dia betul, dia betul. Aku

perintahkan dia untuk melakukannya." Kemudian baginda bertanya kepada Ali, "Kamu berniat haji apa?" Jawab Ali, "Ya Allah ya tuhan kami, aku berniat sepertimana niat Rasul-Mu." Ali turut membawa binatang korban bersamanya. Lalu Nabi SAW berkata kepadanya, "Jangan kamu bertahallul lagi."[99]

Abu Musa Al-Asy'ari Radhiyallahu 'Anhu datang bertemu Rasulullah SAW, lalu baginda bertanya kepadanya, "Kamu berniat haji apa?" Abu Musa menjawab, "Aku berniat sepertimana niat Nabi SAW." Baginda bertanya lagi, "Adakah kamu membawa binatang korban?" Abu Musa berkata, "Tidak." Baginda berkata lagi, "Pergilah dan tawaf di Kaabah, sa'ie antara Safa dan Marwah, kemudian bertahalullah."[100]

Dalam kesibukan baginda tentang urusan manusia dan fokus baginda kepada hal ehwal mereka, baginda tidak lupa mengambil tahu dan mengambil berat tentang para sahabatnya. Baginda menziarahi Saad bin Abi Waqas yang mengalami sakit yang teruk. Tatkala baginda menemuinya, baginda mendapati bahawa Saad berada dalam keadaan yang tenat. Sebaik sahaja melihat baginda, Saad pun menangis. Nabi Muhammad SAW bertanya, "Kenapa kamu menangis?" Saad menjawab, "Aku takut, aku akan mati di negeri yang aku berhijrah darinya sebagaimana matinya Saad bin Khawlah." Baginda berkata, "Tidak, insya-Allah."

Gambar lama Al-Abtoh yang kini dikenali sebagai Al-Ma'abdah.

Saad berkata, “Wahai Rasulullah, aku telah mengalami kesakitan seperti yang kamu lihat. Aku mempunyai harta tetapi tidak ada yang akan mewarisinya kecuali anak perempuanku, maka patutkah aku menyedekahkan kesemua hartaku?” Baginda berkata, “Tidak perlu.” Saad terus bertanya, “Patutkah aku bersedekah dua pertiga daripada hartaku?” Jawab baginda, “Tidak.” Soal Saad, “Separuh?” Baginda menjawab, “Tidak.” Saad bertanya lagi, “Sepertiga?” Baginda berkata, “Ya, satu pertiga. Satu pertiga itu pun sudah banyak. Sesungguhnya jika kamu meninggalkan warismu dalam keadaan kaya, ianya lebih baik daripada kamu meninggalkan mereka dalam keadaan miskin dan meminta-minta kepada orang lain. Sesungguhnya kamu tidaklah sekali-kali membelanjakan harta kamu untuk mencari keredaan Allah melainkan kamu akan diberi pahala walaupun sesuap makanan ke mulut isterimu.”

Saad berkata lagi, “Wahai Rasulullah, adakah aku akan ditinggalkan (di Mekah) oleh sahabatku?” Baginda bersabda, “Mudah-mudahan Allah Ta’ala meninggikan kamu dan kamu tidak akan ditinggalkan bahkan kamu akan hidup untuk beramal soleh. Darjat dan kemuliaan kamu akan dinaikkan. Kemudian kamu akan dibiarkan (panjang umur) sehingga ramai orang yang mengambil manfaat daripada kamu dan sebahagian yang lain akan mendapat kemudaratan daripada kamu.” Saad berkata, “Ya Rasulullah, berdoalah kepada Allah Ta’ala supaya aku disembuhkan.” Baginda meletakkan tangannya di atas dahi Saad kemudian mengusap muka, dada dan perut Saad lalu berdoa, “Ya Allah, sembuhkanlah Saad. Ya Allah, sembuhkanlah Saad. Ya Allah, sembuhkanlah Saad dan sempurnakanlah hijrahnya.” Saad berkata, “Aku masih merasakan kesejukan tangan baginda.”

Kemudian baginda berdoa lagi, “Ya Allah, sempurnakanlah hijrah sahabatku. Jangan kembalikan mereka seperti dahulu, melainkan Saad bin Khawlah yang sengsara.” Rasulullah SAW turut berdukacita atas kematiannya di Mekah. Baginda menyambung lagi doanya, “Ya Allah, rahmatilah Ibnu Khawlah. Ya Allah, rahmatilah Ibnu Khawlah. Ya Allah, rahmatilah Ibnu Khawlah.”[101]

Selawat dan salam ke atas Nabi yang mulia lagi berlemah lembut dan bersifat pengasih. Bagaimanakah baginda menjaga para sahabatnya hingga ke tahap ini? Baginda menyapukan tangannya yang mulia pada tempat sakit mereka, mendoakan orang yang sakit dan merahmati kematian mereka. Baginda mencurahkan ketenangan dari dirinya kepada mereka, menyebabkan mereka berasa tenang.



Peta Al-Abtoh.

Saya (penulis) berasa pelik bahawa Rasulullah SAW berkata kepada Saad, "Mudah-mudahan kamu akan panjang umur." Saad hidup selepas itu selama hampir separuh kurun manakala Rasulullah SAW wafat tiga bulan selepas peristiwa tersebut. Saad pernah menyebut kepada Rasulullah SAW, "Aku tiada waris melainkan anak-anak perempuanku." Selepas itu, telah dilahirkan bagi Saad seramai tiga puluh empat anak lelaki dan perempuan.[102] Firman Allah Ta'ala;

ذَٰلِكَ تَقۡدِيرُ ٱلۡعَزِيزِ ٱلۡعَلِيمِ ٩٦

Yang demikian itu adalah kuasa penentuan Allah Yang Maha Kuasa, lagi Maha Mengetahui. – Surah al-An'am (6): 96.

Begitulah keadaan Rasulullah SAW semasa berada di Al-Abtoh, baginda dekat dan rapat dengan orang ramai. Baginda menjadi guru dan pembimbing kepada masalah yang mereka hadapi. Apabila sampai pada hari ketujuh Zulhijah selepas solat zohor, Rasulullah SAW menyampaikan khutbahnya. Dalam khutbah tersebut, baginda menerangkan kepada orang ramai tentang manasik haji dan mengajar mereka tentang hukum-hakam berkaitan haji.[103]

Apabila tiba hari Tarwiyah iaitu pada 8 Zulhijah, Rasulullah SAW bertolak ke Mina pada waktu duha. Orang ramai yang telah bertahallul (selepas umrah) berihram semula dengan niat haji bersama baginda dari Al-Abtoh ketika mahu bertolak dengan tunggangan mereka; mereka membelakangkan Mekah, menghala ke arah Mina. Baginda menunaikan solat zohor, asar, maghrib, isyak dan subuh di Mina. Baginda memendekkan solat empat rakaat menjadi dua rakaat dan dilaksanakan pada waktunya.[104]

Perjalanan Nabi Muhammad SAW ke Mina pada hari Tarwiyah ini seolah-olah sebagai persediaan menuju ke Padang Arafah pada hari Arafah nanti dengan tujuan untuk penyempurnaan segala manasik haji dan memimpin umat kepada warisan peninggalan bapa mereka yang terdahulu iaitu Nabi Ibrahim 'Alayhissalam. Baginda bersabda, "Ambillah daripadaku cara pelaksanaan haji kalian."[105] Bagi baginda, pada setiap tempat haji itu terkandung pengajarannya dan pada setiap perkara yang disaksikan itu ada petanda daripada Allah Ta'ala. Selawat dan salam

buat hamba dan Nabi-Nya Muhammad SAW sebagai sebaik-baik guru buat manusia yang mengajarkan kebaikan.

Arafah suatu masa dahulu.

Bahagian 4

Di Atas Puncak Arafah

Peta laluan ke Arafah.

Matahari pagi telah terbit pada sebaik-baik hari iaitu pada hari Jumaat, bersamaan dengan hari Arafah iaitu hari kesembilan Zulhijah tahun 10 Hijrah. Hari tersebut jatuh pada 7 haribulan Mac atau bulan Azar (nama bulan bagi kalender Siryani). Tunggangan baginda mula bergerak dari Mina menuju ke arah Arafah. Para jemaah haji bergerak bersama baginda. Mereka semua menganggap bahawa Nabi Muhammad SAW akan berwukuf bersama mereka di Muzdalifah sepertimana yang dilakukan pada zaman jahiliah dahulu. Ketika zaman jahiliah, ada kumpulan tertentu (Quraisy dan kabilah yang seagama mereka) yang akan berwukuf di Muzdalifah. Mereka tidak menyertai orang lain yang berwukuf di Arafah kerana menganggap bahawa mereka mempunyai tempat dan keistimewaan tersendiri kerana tinggal berjiran dengan Baitullah. Oleh sebab itu, orang Arab Quraisy di zaman jahiliah tidak menyertai orang ramai berwukuf di Arafah.

Akan tetapi, Rasulullah SAW datang membawa ajaran agama untuk seluruh alam. Baginda tidak mengutamakan mana-mana kaum walaupun mereka itu merupakan kaum baginda sendiri atau ahli keluarganya. Rasulullah SAW melintasi kumpulan yang mahu berwukuf di Muzdalifah dan berlalu pergi untuk berwukuf bersama orang ramai di Arafah,[106] bersesuaian dengan firman Allah Ta'ala;

ثُمَّ أَفِيضُواْ مِنۡ حَيۡثُ أَفَاضَ ٱلنَّاسُ

Selain dari itu hendaklah kamu bertolak turun dari (Arafah) tempat bertolaknya orang ramai. – Surah al-Baqarah (2): 199[107]

Rasulullah SAW bertolak ke Arafah melalui jalan Dhob[108] bersama para sahabat yang lain. Sepanjang perjalanan; bergema suara mereka dengan pelbagai kelompok yang berzikir, bertalbiah, bertahlil serta bertakbir. Tiada siapa yang membantah antara satu dengan yang lain[109] sehingga mereka sampai di Namirah. Di situ khemah bulat dari kulit kambing telah didirikan untuk baginda. Baginda duduk di dalamnya sehingga tergelincir matahari. Sejurus selepas gelincirnya matahari, baginda terus menaiki tunggangannya yang bernama Qaswa' iaitu kira-kira menghampiri pukul 12.30 tengah hari waktu Mekah pada bulan Mac atau Azar.



Jalan Dhob.

Kemudian baginda bergerak turun ke tengah lembah ‘Uranah yang lapang dan luas. Lebih mudah untuk orang ramai berkumpul dan duduk di situ. Semua orang berkumpul di lembah tersebut melingkungi baginda. Baginda memandang orang ramai dari tempat yang tinggi sambil meletakkan kedua kakinya pada rakap tunggangannya. Salah satu tangannya berpaut pada bahagian depan tunggangannya, manakala tangan lagi satu memegang belakang tunggangannya. Baginda memanjangkan leher memandang dan menyeru, “Wahai manusia, dengarlah baik-baik apa yang hendak aku ucapkan. Aku tidak mengetahui apakah aku dapat bertemu lagi dengan kalian atau tidak selepas tahun ini.”

Semua orang memasang telinga mendengar pesanan Nabi. Semua leher mendongak memandang ke arah baginda, bergetar hati penuh kecintaan terhadap baginda dan semua mata tertumpu kepada susuk tubuh baginda yang masih hidup. Mereka bersedia untuk mendengar dengan teliti pesanan baginda yang akan disampaikan menerusi sebuah khutbah agung. Khutbah yang menghimpunkan teras-teras agama, keutuhan millah (syariat) dan sensitiviti pada pantang larangnya. Bergemalah suara baginda di tengah-tengah manusia yang berkumpul di tempat tersebut sambil memuji dan memuja Allah Ta'ala.

Kemudian baginda meneruskan khutbahnya, "Sesungguhnya darah kamu, harta benda kamu dan kekayaan kamu adalah kemuliaan bagi kamu (haram diambil oleh orang lain) sebagaimana kemuliaan hari ini, di bulan ini dan di tempat ini. Ketahuilah sesungguhnya segala sesuatu tradisi jahiliah diletakkan di bawah kedua kakiku ini (sebagai tanda bahawa perkara tersebut telah dihapuskan) dan semua tuntutan darah semasa jahiliah, tidak dibenarkan lagi. Sesungguhnya, pembatalan pembunuhan balas pertama yang aku hapuskan adalah darah daripada ahli keluarga kami iaitu Ibnu Rabi'ah bin Al-Haris bin Abdul Mutalib."

"Transaksi riba jahiliah (bunga pada pinjaman) tidak dibenarkan lagi dan riba pertama yang aku hapuskan adalah riba keluarga kami iaitu riba yang diperkenalkan oleh Abbas bin Abdul Mutalib. Sesungguhnya semua yang berkaitan dengan riba itu haram dan tidak dibenarkan lagi. Tetapi kamu berhak mendapat modal masing-masing. Janganlah kamu menzalimi orang lain dan menjadi orang yang dizalimi. Allah Ta'ala telah menetapkan bahawa tiada lagi riba."



Masjid Namirah suatu masa dahulu.



Masjid Namirah sekarang.

"Wahai manusia, takutlah kepada Allah dalam berurusan dengan isteri kamu kerana kamu telah mengambil mereka (menjadi isteri) dengan amanah Allah dan kehormatan mereka telah dihalalkan bagi kamu dengan nama Allah. Berwasiatlah terhadap para wanita dengan kebaikan dan ehsan kerana mereka itu hanya berada dalam kepungan kamu.[110] Mereka tidak berhak apapun pada diri mereka dan kamu juga tidak berhak ke atas diri mereka melainkan berlaku baik dan ehsan terhadap mereka, kecuali jika mereka melakukan perbuatan keji (dosa) yang nyata."

"Sebagaimana kamu mempunyai hak ke atas mereka dan mereka juga mempunyai hak ke atas kamu. Adapun hak kamu ke atas isterimu adalah; mereka tidak boleh menghamparkan hamparan kamu (tidak mengajak masuk ke dalam rumah) bagi sesiapa pun yang kamu tidak sukai dan mereka juga tidak boleh mengizinkan orang yang kamu tidak sukai masuk ke dalam rumah kamu. Manakala hak mereka ke atas kamu adalah kamu perlu berbuat baik kepada mereka dari sudut pakaian dan makanan mereka. Jika kamu bimbang mereka melakukan perbuatan derhaka (nusyuz) hendaklah kamu menasihati mereka dan (jika mereka berdegil) pulaukanlah mereka di tempat tidur dan (jika mereka masih berdegil) pukullah mereka dengan pukulan yang tidak menyakitkan. Tetapi jika mereka mentaatimu, maka janganlah kamu mencari-cari jalan untuk menyusahkan mereka."

"Sesungguhnya aku tinggalkan kepada kamu sesuatu yang selagi mana kamu berpegang teguh dengannya, nescaya kamu tidak akan sesat selama-lamanya iaitu Al-Quran. Ingatlah bahawa aku akan menunggu kamu di telaga (di akhirat nanti) dan aku suka jika umatku ramai. Janganlah kamu memalukan aku. Sesungguhnya aku adalah penyelamat bagi manusia dan manusia meminta keselamatan daripadaku. Aku bertanya, "Wahai Tuhanku, ini adalah umatku? Allah Ta'ala menjawab, "Sesungguhnya kamu tidak tahu apa yang berlaku selepas ketiadaanmu." Oleh itu, fikirkan dan dengarlah baik-baik akan kata-kataku ini. Sesungguhnya aku telah menyampaikannya."[111]

Selepas itu, baginda berdiri berhadapan dengan himpunan yang besar ini meminta penyaksian yang agung daripada orang ramai iaitu sebuah penyaksian tentang penyampaian dan pelaksanaan tugas baginda sebagai rasul. Baginda memohon jawapan daripada orang ramai bagi soalan yang akan ditanya di akhirat kelak. Firman Allah Ta'ala;

فَلَنَسْـَٔلَنَّ ٱلَّذِينَ أُرْسِلَ إِلَيْهِمْ وَلَنَسْـَٔلَنَّ ٱلْمُرْسَلِينَ ٦

Maka sesungguhnya Kami (Allah) akan menyoal umat-umat yang telah diutuskan (rasul-rasul) kepada mereka, dan sesungguhnya Kami akan menyoal juga rasul-rasul itu. – Surah al-A'raf (7): 6

Baginda bersabda, "Kelak kamu akan ditanya tentangku di akhirat maka apakah yang akan kamu jawab?" Lihatlah, betapa besarnya persoalan tersebut! Betapa tingginya nilai soalan itu! Baginda menghabiskan masa dua puluh tiga tahun menyampaikan risalah dan berdakwah. Baginda menyampaikan dakwah dengan sabar dan terus konsisten dengan kesabaran tersebut. Baginda bersungguh-sungguh dan telah berjuang di medan ini sehingga dihalau dari negerinya sendiri demi menyampaikan risalah Islam, sedangkan Mekah itulah negeri yang paling dicintainya.

Baginda diperangi di Badar, mendapat luka teruk di Uhud serta dikepung di Khandak. Baginda pernah mengikat dua ketul batu pada perutnya untuk manahan rasa lapar. Selain itu, baginda juga dihalang untuk ke Baitullah. Ahli keluarganya dan orang yang paling rapat dengan baginda juga pernah dibunuh di depan mata baginda sendiri. Semua

perkara tersebut dihadapi demi tersebarnya agama serta tertegaknya risalah Islam. Walaupun begitu, baginda meminta dan memohon penyaksian umat atas usaha baginda menyampaikan risalah.

Orang ramai menjawab dengan jawapan yang tidak ada jawapan selainnya. Penyaksian itu juga adalah sebuah penyaksian yang tiada penyaksian yang dapat menandinginya. Mereka menyebut secara sebulat suara, “Kami bersaksi bahawa engkau telah menyampaikan semua risalah Tuhanmu serta memberi nasihat kepada umatmu. Dan engkau juga telah melaksanakan segala tanggungjawabmu.” Rasulullah SAW mengangkat jarinya yang mulia ke arah langit sambil menunjuk ke arah mereka yang hadir dan mengulang-ulang berkata kepada mereka, “Ya Allah, ya Tuhanku. Persaksikanlah! Ya Allah, ya Tuhanku. Persaksikanlah! Ya Allah, ya Tuhanku. Persaksikanlah!”[112]



Arafah suatu masa dahulu.

Kita pada hari ini, setelah seribu empat ratus tahun berlalu, turut bersaksi apa yang disaksikan oleh para sahabat tentang Rasulullah SAW. Kita menyaksikan bahawa baginda telah menyampaikan risalah dakwahnya, menunaikan amanah, menasihatkan umatnya dan kita ditinggalkan di atas petunjuk yang lurus. Tiada yang menyimpang dari jalannya melainkan orang-orang yang binasa. Maka, selayaknya selawat dan salam serta keberkatan ke atas junjungan Nabi SAW.

Antara keajaiban dalam peristiwa ini ialah Rabi’ah bin Umayyah bin Khalaf. Beliaulah yang menyampaikan khutbah Rasulullah SAW ini kepada orang ramai. Beliau telah meninggikan suaranya menyampaikan

khutbah Nabi. Rabi'ah memang terkenal dengan suaranya yang lantang. Sabda Rasulullah kepadanya, "Laungkan sekian perkara, laungkan sekian perkara." Maka, Rabi'ah melaungkan perkara tersebut sehingga dapat didengari oleh orang yang jauh.

Rabi'ah adalah anak Umayyah bin Khalaf. Bapanya telah mati dibunuh dengan pedang dalam Perang Badar. Bapa beliau sentiasa memerangi Rasulullah SAW. Apabila anaknya, Rabi'ah sendiri yang menyampaikan apa yang Rasulullah SAW sebut dengan cara meninggikan suaranya, hal ini menunjukkan bahawa betapa agungnya sinar kenabian dan petunjuk risalah Allah Ta'ala. Ia telah memadamkan permusuhan jahiliah di dalam hati yang mewariskan sifat kesumat dan menyalakan api dendam. Perkara buruk yang diwarisi tadi telah diganti dengan akhlak apabila disirami rahmat kenabian. Firman Allah Ta'ala;

اهْتَزَّتْ وَرَبَتْ وَأَنبَتَتْ مِن كُلِّ زَوْجٍ بَهِيجٍ ۝٥

Bergeraklah tanahnya (dengan tumbuh-tumbuhan yang merecup tumbuh), dan gembur membusutlah ia, serta ia pula menumbuhkan berjenis-jenis tanaman yang indah permai. – Surah al-Haj (22): 5



Wadi ‘Uranah.

Demikianlah susuk Rasulullah SAW itu lebih mereka cintai berbanding bapa-bapa mereka, ibu-ibu mereka dan nyawa mereka yang berada di antara dua tulang rusuk mereka. Firman Allah Ta’ala;

ذَٰلِكَ هُدَى ٱللَّهِ يَهۡدِي بِهِۦ مَن يَشَآءُ

Yang demikian itu ialah petunjuk Allah, yang dengannya la memimpin sesiapa yang dihendaki-Nya. – Surah al-An’am (6): 88

Usai Rasulullah SAW menyampaikan khutbahnya, maka Bilal pun melaungkan azan sebanyak satu kali. Baginda bangun melaksanakan solat zohor. Kemudian, berdiri sekali lagi bagi menunaikan solat asar. Baginda tidak mendirikan solat lain di antara dua solat tadi. Rasulullah SAW menyempurnakan solat zohor dan asar secara qasar dan jamak menerusi jamak takdim.[113] Kelihatan baginda menyegerakan solat pada waktu siang itu, memendekkan khutbah dan menjamakkan solat seolah-olah bagi memberi peluang kepada diri baginda sendiri dan orang lain untuk menghidupkan hari mereka yang penuh berkat itu dengan berzikir, berdoa dan mengadukan masalah kepada Allah Ta’ala.

Ketika di Jabal Rahmah

Kemudian, Nabi Muhammad SAW menaiki tunggangannya dan bergerak ke tengah Arafah di bukit Ilal yang sekarang dikenali dengan nama Jabal Rahmah. Baginda berhenti di kaki bukit dan mendudukkan untanya Qaswa' pada batuan yang keras dan bukit tersebut berada di hadapan baginda. Lalu baginda menghadap ke arah kiblat dan mengangkat kedua tangannya seraya berdoa dan bertalbiah.[114]

Ketika berwukuf di tempat itu, baginda turut menguruskan hal ehwal orang ramai. Baginda mengajar, melindungi, membimbing dan menunjuk cara. Sekumpulan orang dari Najd telah mendatangi baginda bertanyakan tentang haji. Jawab baginda kepada mereka, "Haji itu ialah wukuf di Arafah."[115] Sambung baginda lagi, "Aku berwukuf di sini dan seluruh Arafah adalah tempat untuk berwukuf."[116]

Bukit Arafah suatu masa dahulu.

Bukit Arafah suatu masa dahulu. Dalam gambar terdapat masjid yang didirikan di atas tempat Nabi berwukuf di sisi bukit.

Ketika orang ramai berada di jalan-jalan Arafah, Rasulullah SAW mengutuskan Ibnu Mirba' Al-Ansari Radhiyallahu 'Anhu (bercakap bagi pihak baginda) memberitahu kepada orang ramai; "Sesungguhnya aku adalah utusan Rasulullah kepada kamu semua, baginda menyampaikan kepada kamu; "Tetaplah pada tempat kalian berwukuf. Sesungguhnya kalian sedang melaksanakan apa yang diwariskan oleh bapa kalian iaitu Nabi Ibrahim.[117] Sesiapa yang tidak memiliki kain sarung, pakailah seluar dan sesiapa yang tidak memiliki selipar, pakailah khuf (sepatu kulit)."[118]

Ketika itu, seorang lelaki yang sedang berwukuf telah terjatuh dari tunggangannya di padang Arafah yang luas itu. Lelaki tersebut mati ketika itu kerana lehernya telah patah. Dia merupakan antara ahli rombongan haji yang sedang berwukuf namun tidak diketahui asal usulnya. Tiada siapa yang mengetahui namanya, kabilahnya dan negeri asalnya. Akan tetapi sudah pasti Tuhan yang menciptanya lebih mengetahui keadaannya dan kepadaNyalah dia kembali. Rasulullah SAW lalu bersabda, "Mandikanlah dia dengan air yang dicampur daun bidara dan kafanilah dia dengan dua helai kain. Jangan pula kamu memakaikannya minyak wangi dan jangan ditutup kepalanya. Sesungguhnya dia akan dibangkitkan pada hari kiamat kelak dalam keadaan sedang bertalbiah kepada Allah Ta'ala." [119]

Rasulullah SAW masih berada di tempatnya dan dapat dilihat orang ramai sambil baginda mengawasi mereka. Seorang lelaki Badwi dari

Qais datang kepada baginda. Lelaki itu bernama Ibnu Al-Muntafiq. Dia telah lama mendengar cerita tentang Rasulullah SAW. Oleh itu, dia sangat teringin untuk berjumpa dengan baginda dan akhirnya dia dapat bertemu Nabi SAW di Arafah. Dia berkata, "Aku bersesak-sesak untuk bertemu dengan Nabi SAW, lalu ada seseorang berkata kepadaku: Jauhlah engkau daripada baginda."

Lantas Rasulullah SAW bersabda, "Biarkan lelaki itu, dia berusaha mendapatkan apa yang dia inginkan." Ibnu Al-Muntafiq berkata lagi, "Maka aku mengharungi kesesakan orang ramai sehingga melepasinya dan sampai kepada Rasulullah SAW. Aku memegang tali kekang unta Nabi SAW sehingga leher untanya dan leher untaku berselisih. Baginda tidak membetulkan aku. Maka aku berkata kepada Nabi SAW: Ada dua perkara yang ingin aku tanyakan kepadamu. Apakah yang menyelamatkan aku daripada neraka? Apakah pula yang memasukkan aku ke dalam syurga?"

Sambung Ibnu Al-Muntafiq lagi, "Baginda memandang ke arah langit kemudian memandang ke arahku dengan wajahnya yang mulia lalu bersabda: Sesungguhnya engkau telah meringkaskan sebuah permintaan. Engkau seorang yang hebat dan berpandangan jauh, maka ingatlah pesanku; sembahlah Allah Ta'ala, jangan mensyirikkan Dia dengan sesuatu dan dirikanlah solat fardu. Tunaikanlah zakat serta berpuasalah di bulan Ramadan. Apa sahaja yang kamu suka orang lakukan kepadamu, maka buatlah begitu kepada orang lain. Apa yang kamu tidak suka dari kejahatan orang lain kepadamu, maka janganlah kamu buat pada mereka begitu. Lepaskanlah tali kekang tungganganku."[120]

Bukit Arafah suatu masa dahulu.

Selepas itu, datang pula sekumpulan orang-orang Badwi yang memenuhi Padang Arafah mengelilingi Nabi SAW. Mereka mendekati Rasulullah SAW untuk melihat batang tubuh baginda sendiri. Apabila nur wajah baginda terpancar di hadapan mereka, mereka berkata, "Ini adalah wajah yang diberkati."[121]

Kemudian, malaikat Jibril menurunkan wahyu daripada Allah Ta'ala ke dalam hati Nabi Muhammad SAW di tempat wukuf yang mulia ini dengan ayat yang begitu luar biasa;

ٱلْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتْمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِى وَرَضِيتُ لَكُمُ ٱلْإِسْلَٰمَ دِينًا

Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu, dan Aku telah cukupkan nikmatKu kepada kamu, dan Aku telah reda Islam itu menjadi agama untuk kamu. – Surah al-Maidah (5): 3

Maka gembiralah baginda dan disampaikannya kepada sekalian yang hadir. Ayat ini menerangkan tentang kesempurnaan agama dan kesempurnaan nikmat. Selain itu, ayat ini juga menegaskan bahawa hanya pengabdian manusia kepada Islam sahaja yang diredai Allah buat mereka dan tidak pernah Allah Ta'ala reda bagi mereka selain daripadanya.

Apabila Umar mendengar ayat tersebut, dia memahaminya dan merasakan bahawa ayat tersebut memberi makna bahawa peranan Nabi SAW telah selesai dengan penyempurnaan agama. Beliau mengagak bahawa baginda Nabi akan pulang bertemu Tuhan yang telah mengutuskannya. Umar mula menangis lalu Rasulullah SAW bertanya, "Kenapa engkau menangis wahai Umar?" Umar berkata, "Wahai Rasulullah, yang membuatkan aku menangis adalah kerana ada tambahan pada agama kami pada hari ini. Apabila agama ini telah sempurna pasti akan ada yang berkurang." Rasulullah SAW bersabda, "Engkau benar."[122]

Adapun Rasulullah SAW, baginda memenuhkan sepanjang siang hari tersebut dengan penuh rasa kekhusyukan dan melazimi doa. Keadaan tersebut menyebabkan para sahabat menyangka bahawa Nabi berpuasa pada hari itu. Baginda mengasingkan diri untuk beribadah dan berdoa. Ummu Al-Fadhl iaitu ibu kepada Al-Fadhl bin Abbas Radhiyallahu 'Anhu telah menghantar kepada Nabi semangkuk susu dalam keadaan baginda sedang berwukuf di atas untanya. Lalu, Nabi SAW meminum susu tersebut sambil orang ramai memandang baginda.[123]



Bukit Ilal lebih dikenali dengan nama Jabal Rahmah. Tempat Nabi SAW berwukuf di situ adalah lebih kurang di kawasan antara dua papan tanda tersebut.



Tempat Nabi SAW berwukuf adalah lebih kurang di kawasan dua papan tanda tersebut.

Ketika berdoa, baginda mengangkat kedua-dua tangannya ke paras dada sehingga terlihat kedua-dua ketiak baginda yang putih. Tapak tangannya ditadahkan seperti orang miskin yang meminta makanan;[124] penuh kerendahan hati, tunduk, khusyuk dan rendah diri di hadapan Tuhannya. Baginda tenggelam dalam munajat kepada Tuhannya, seolah-olah baginda mengejar masa hari itu agar tidak terlepas tanpa baginda fokus berzikir atau bersungguh-sungguh berdoa. Apabila tunggangannya bergerak dan tali kekangnya jatuh, baginda mencapai tali kekangnya yang jatuh dengan menggunakan sebelah tangan sahaja. Manakala, tangan yang satu lagi tetap menadah untuk terus berdoa kepada Allah Ta'ala.[125]

Nabi SAW tekun meneruskan ibadahnya dengan memuji Allah Ta'ala, bertahlil, bertahmid dan bertalbiah dengan menyebut;

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ، وَلَهُ الْحَمْدُ، وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ، لَبَّيْكَ اللَّهُمَّ لَبَّيْكَ، لَبَّيْكَ لَا شَرِيكَ لَكَ لَبَّيْكَ، إِنَّ الْحَمْدَ لَكَ وَالنِّعْمَةَ لَكَ وَالْمُلْكَ، لَا شَرِيكَ لَكَ، لَبَّيْكَ إِلَهَ الْحَقِّ لَبَّيْكَ.

Nabi SAW melaungkan zikir-zikir tadi seumpama sedang melempiaskan rindunya serta merasa dekatnya dengan ajal. Kedengaran sepanjang siang itu baginda menambah lafaz dalam talbiahnya:

لَبَّيْكَ، لَا عَيْشَ إِلَّا عَيْشَ الأَخِرَة

"Aku memenuhi panggilanmu Ya Allah. Tiada kehidupan melainkan kehidupan akhirat."[126]

Berakhirlah siang hari itu namun baginda masih dalam keadaan penuh khusyuk dan tunduk serta tekun mengalunkan doa-doa serta zikir. Ketika waktu siang hampir di penghujungnya, Nabi SAW memanggil Usamah bin Zaid Radhiyallahu 'Anhu untuk membonceng di belakang baginda. Maka, orang ramai pun memanggil Usamah untuk tujuan tersebut. Masing-masing tercangak-tercangak menunggu siapakah gerangan yang bertuah yang dapat membonceng unta Rasulullah SAW. Semua orang menyangka bahawa lelaki tersebut adalah dalam kalangan sahabat kanan Nabi SAW. Namun alangkah terkejutnya orang ramai apabila mengetahu bahawa lelaki itu adalah seorang pemuda berkulit hitam yang menuntun unta Rasulullah SAW.

Beliau mengikuti Rasulullah SAW dari belakang. Peristiwa ini telah mengangkat darjat Usamah lebih daripada orang lain yang sedang berwukuf di situ dengan kemuliaan berpeluang mengiringi Nabi SAW. Orang ramai yang baru memeluk Islam berasa kagum seraya berkata, "Apakah orang ini yang kami tahan keinginannya?"[127] Pemilihan Usamah sebagai pengiring oleh Rasulullah SAW ini menunjukkan telah terhapusnya amalan perbezaan antara manusia. Derap kaki unta baginda pula seakan-akan telah menghapuskan pergaduhan panjang yang sering berlaku ketika zaman jahiliah serta amalan kasta dalam masyarakat dan isu perkauman. Baginda melakukan semua perkara tersebut dalam bentuk tindakan untuk menunjukkan bahawa tiada keistimewaan bagi bangsa Arab ke atas bangsa lain. Begitu juga tiada kelebihan orang yang berkulit putih ke atas orang yang berkulit hitam melainkan dengan takwa.



Peta laluan untuk ke Muzdalifah.

Kemudian, Nabi SAW melihat ke arah matahari yang menunjukkan waktu untuk terbenam. Bentuk matahari itu seumpama perisai. Baginda bersabda, “Wahai manusia, sesungguhnya tiada yang kekal dari dunia kamu apa yang telah berlalu darinya kecuali seperti apa yang kekal pada hari kamu ini dari apa yang telah berlalu. ”[128]

Apabila matahari hampir tenggelam, Nabi SAW mendekati Bilal lalu bersabda, “Wahai Bilal, tenangkanlah orang ramai untukku.” Maka Bilal pun mengarahkan orang ramai untuk diam dan mendengar amanat daripada Rasulullah SAW. Amanat ini adalah untuk memenuhi hati-hati

manusia dengan berita gembira dan limpahan agung daripada rahmat Allah Ta'ala serta pengampunan daripada-Nya. Lantas Nabi SAW bersabda, "Wahai sekalian manusia, Jibril telah mendatangiku sebentar tadi. Beliau telah menyampaikan salam daripada Tuhanku dan Jibril telah berkata: "Sesungguhnya Allah telah memberi pengampunan kepada seluruh ahli Arafah dan ahli Masy'ar. Allah Ta'ala juga telah menjamin masa depan mereka."

Lalu, Umar Radhiyallahu 'Anhu berdiri dan bertanya, "Wahai Rasulullah, adakah ini keistimewaan bagi kami sahaja?" Maka, Nabi SAW menjawab, "Keistimewaan ini adalah untuk kalian dan sesiapa yang datang selepas kalian sehingga hari kiamat." Umar berkata lagi, "Betapa luasnya rahmat dan kebaikan Allah Ta'ala."





Jalan Makzamin.

Menuju ke Masy'aril Haram

Ketika matahari terbenam dan hilang bentuknya, Rasulullah SAW mengisyaratkan kepada penduduk Mekah dan bersabda, "Bertolaklah dengan nama Allah."[129] Maka, orang ramai bertolak bersama-sama baginda. Perjalanan mereka ketika ini berbeza dengan amalan orang musyrikin dahulu yang memilih untuk bertolak sebelum terbenam matahari sedangkan Rasulullah SAW bertolak selepas terbenam matahari iaitu waktu maghrib.[130]

Rasulullah SAW berhenti di tengah-tengah kesesakan manusia dan kepadatan mereka. Tiada jalan khas untuk baginda dan tiada layanan yang istimewa untuk dirinya. Sesungguhnya baginda bersama dengan orang ramai dan baginda adalah ketua. Tiada yang mendahului baginda dan tiada yang menyekat baginda dari belakang. Lalu, baginda mengangkat tangan kanannya yang mulia, sambil membuka telapak tangan ke arah langit dan mengisyaratkan kepada orang ramai seraya berkata, "Wahai manusia, hendaklah kalian bertenang dan tenteram. Sesungguhnya kebaikan itu bukanlah dengan memecut kuda dan unta."

Apabila baginda mendengar riuh-rendah orang ramai di belakangnya, asakan mereka dan lesut cemeti pada unta mereka ke kanan dan ke kiri; baginda pun menoleh ke arah mereka. Baginda memberi isyarat dengan cemeti baginda sambil berkata, "Wahai manusia, bertenanglah! Kerana kebaikan itu bukan dengan tergopoh-gapah." Baginda berkata sedemikian dan baginda merupakan orang pertama yang melakukannya. Baginda menjerut untanya dan menarik tali kekangnya sehingga kepala unta baginda hampir menyentuh bantal pelana[131] kerana kuatnya baginda menarik tali kekang untanya. Apabila melalui kawasan yang tinggi, baginda mengendurkan tali kekangnya sedikit untuk memudahkannya mendaki.[132]

Baginda menunggang secara sederhana; penuh dengan ketenangan, kehebatan dan kesantunan. Sehinggakan Usamah berkata, "Aku tidak pernah melihat kedua-dua kaki depan unta Nabi SAW terangkat tinggi seperti kebiasaan sehinggalah kami tiba di Muzdalifah." Nabi SAW bergerak melalui jalan Makzamin[133] iaitu tempat pejalan kaki yang ada pada hari ini, sehingga tiba di lembah Izkhar. Lembah ini terletak di sebelah kiri sebelum Muzdalifah. Baginda menuju ke lembah tersebut lalu menurunkan tunggangannya dan pergi ke tempat yang rendah untuk membuang air kecil.

Apabila baginda kembali, Usamah menuangkan air wuduk buat baginda, lalu baginda berwuduk secara ringkas. Lantas Usamah bertanya, “Sekarang kita solatkah wahai Rasulullah?” Baginda menjawab, “Solat di tempat kita sampai nanti.” Kemudian baginda pun menunggang menuju ke Muzdalifah.[134]

Bukankah Allah telah meredai para sahabat Nabi Muhammad SAW. Merekalah orang-orang yang sentiasa memerhatikan perbuatan baginda dan menghafal sabdanya, kemudian memahaminya dan menyampaikan kepada generasi sesudah mereka; seolah-olah kita (sebagai orang yang menerima sunah itu) merasakan hidup sezaman dengan mereka. Kita melihat apa yang mereka lihat dan kita mendengar apa yang mereka dengar sehinggakan perlakuan tabiat fitrah manusia seperti keperluan membuang air pun mereka rekodkannya untuk kita; bilakah ianya berlaku dan di mana? Apatah lagi kalau ia berkaitan dengan perintah dan larangan baginda serta petunjuknya.

Boleh jadi sesuatu dari pesanan Rasulullah SAW yang disampaikan dan wasiat yang telah diwasiatkan disorokkan dari pengetahuan umatnya dan disembunyikan dari mereka. Akan tetapi mereka ini adalah para sahabat baginda, para perawi yang menjaga sunnah baginda dan para pemegang amanah atas warisan (peninggalan) baginda!

Lembah Al-Izkhar.

Nabi Muhammad SAW meneruskan perjalanan manasik hajinya sehingga tiba di Muzdalifah. Baginda tiba di suatu tempat yang merupakan masjid pada hari ini, berdekatan bukit Quzah.[135] Perkara pertama yang dilakukan oleh baginda ialah bersegera melaksanakan solat sebelum mendudukkan unta. Baginda mengambil wuduk dengan sempurna kemudian Bilal melaungkan azan dan iqamat. Lalu Nabi Muhammad SAW menunaikan solat maghrib tiga rakaat.

Apabila baginda telah selesai solat, para sahabat masing-masing menambat unta mereka di tempatnya tetapi mereka masih belum lagi menurunkan barangan dari atas tunggangan. Kemudian iqamat solat isyak diseru, baginda menunaikan solat isyak dua rakaat secara qasar dan menjamakkan solat maghrib dan isyak secara jamak takhir dengan satu azan dan dua iqamat tanpa melaksanakan solat sunat antara kedua-duanya.[136] Apabila baginda telah selesai solat, barulah para sahabat menurunkan barangan mereka dari atas tunggangan.



Masy'aril Haram (Muzdalifah) suatu masa dahulu. Kelihatan bukit Quzah bersebelahan masjid.

Gambar lama keadaan di Muzdalifah.

Ummu Al-Mukminin Saudah binti Zam'ah Radhiyallahu 'Anha meminta izin daripada Nabi pada malam Muzdalifah untuk bergegas ke Mina sebelum orang ramai bergegas dan bersesak-sesak ke sana. Beliau adalah seorang perempuan yang berbadan besar dan berjalan dengan agak perlahan, lalu Nabi mengizinkan beliau untuk bertolak lebih awal. Aisyah berkata, "Jika aku ada kesempatan untuk meminta

izin kepada Rasulullah SAW seperti apa yang dilakukan oleh Saudah, sudah tentu ia sangat menyenangkan diriku."[137]

Kemudian baginda tidur pada malam itu setelah melalui perjalanan panjang yang dipenuhi dengan amalan-amalan yang agung dan penting. Sepanjang siang penuh dengan ibadah, doa, zikir, pengajaran, bimbingan dan petunjuk kebaikan. Pada malam itu Nabi tidak bangun solat malam dan baginda tidur sehingga dini hari, sedangkan baginda tidak pernah meninggalkan solat malam. Badan baginda memerlukan rehat setelah menempuhi kesukaran hari Arafah dan memerlukan kekuatan untuk melaksanakan amalan pada hari Nahar (Hari Raya Korban).

Tatkala tiba waktu dini hari, Nabi SAW telah pun bangun. Baginda mendahulukan ahli keluarganya yang lemah supaya mereka bertolak ke Mina. Antaranya ialah Ummu Habibah, Ummu Salamah dan anak-anak kecil dari bani Abdul Mutalib termasuk Ibnu Abbas.[138] Nabi berpesan kepada pak ciknya Sayidina Abbas Radhiyallahu 'Anhu, "Pergilah ke Mina bersama orang-orang yang lemah dan para wanita. Hendaklah mereka solat subuh di Mina dan melontar jamrah 'Aqabah sebelum mereka dihambat oleh kesesakan orang ramai." Mereka pun bergegas ke Mina dan menunaikan solat subuh di sana.[139]

Apabila menjelang subuh dan kelihatan cahaya fajar pertama (sadik), Nabi SAW bangun dan segera menunaikan solat subuh. Nabi solat seawal waktunya. Sehingga ada yang berkata bahawa fajar telah terbit ketika itu, malah ada juga yang berkata bahawa fajar belum lagi terbit. Perselisihan ini berlaku kerana terlalu awal baginda mendirikan solat. Ini kerana supaya ada banyak masa untuk berzikir selepasnya dan bersiap untuk amalan-amalan haji (manasik) yang menanti.

Setelah selesai melaksanakan solat subuh, baginda pun menaiki unta tunggangannya lalu mendaki bukit Quzah. Ia merupakan puncak bukit yang bertentangan dengan masjid (Masjid Masy'aril Haram) pada hari ini. Baginda naik ke bukit ini supaya dapat mengawasi orang ramai dan mereka semua dapat melihat baginda. Baginda menghadap ke arah kiblat dan mengangkat kedua-dua tangannya yang mulia lalu bertahmid, bertakbir, bertahlil dan bertalbiah berpandukan ayat;

فَٱذۡكُرُواْ ٱللَّهَ عِندَ ٱلۡمَشۡعَرِ ٱلۡحَرَامِ

Maka sebutlah nama Allah (dengan doa, talbiah dan tasbih) di tempat Masy'ar Al-Haram (di Muzdalifah). – Surah al-Baqarah (2): 198



Gambar terkini Muzdalifah, suasana pada waktu malam.



Gambar terkini Muzdalifah, suasana pada waktu siang.

Baginda turut bertalbiah; لَبَّيْكَ اللَّهُمَّ لَبَّيْكَ. Baginda berdoa dan berzikir mengingati Allah Ta'ala dalam keadaan khusyuk dan rendah hati. Dalam masa yang sama baginda mengajar orang ramai dan menerangkan kepada mereka seraya bersabda, "Aku berwukuf di sini dan Muzdalifah secara keseluruhannya merupakan tempat wukuf dan jauhilah Wadi Muhassir."[140]

Urwah bin Mudharris Al-To'i Radhiyallahu 'Anhu datang kepada Rasulullah SAW, dia berkata; "Wahai Rasulullah aku datang kepada engkau dari dua bukit Tayyi (طَيِّئ).[141] Aku telah memenatkan diriku dan tungganganku (kerana panjangnya perjalanan). Demi Allah, tidak ada satu bukit pun aku tinggalkan melainkan aku telah berwukuf di atasnya. Jadi adakah aku beroleh haji?" Nabi SAW menjawab, "Sesiapa yang solat subuh berjemaah bersama kami dan berwukuf bersama kami sehingga selesai dan sebelum itu telah berwukuf di Arafah pada malam hari atau siang, maka telah sempurnalah hajinya dan halallah dirinya (dari pantang larang ihram)."[142]



Gambar lama Masjid Al-Haram yang diambil pada 2/12/1297 H.

Bahagian 5

Hari Haji Akbar



Gambar lama suasana Muzdalifah di pagi hari Nahar.

Nabi SAW terus berada di Muzdalifah sehingga langit berwarna agak terang kekuningan menandakan matahari hampir terbit. Lalu baginda mengarahkan sepupunya Al-Fadhl bin Abbas bin Abdul Mutalib supaya mengutip batu-batu yang akan digunakan untuk melontar. Baginda berkata, “Ayuh, kutipkan untukku.” Al-Fadhl mengumpul tujuh biji anak batu kerikil sebesar kacang kuda atau bersaiz besar sedikit. Dia meletakkan batu-batu tersebut di atas tapak tangan baginda. Baginda menggoncangkan batu-batu itu di tapak tangannya, kemudian baginda mengangkat tangannya dan berkata kepada orang ramai sambil mengisyaratkan dengan tangannya seolah-olah hendak melontar. Sabda baginda, “Melontarlah kamu dengan anak-anak batu sebesar ini dan awaslah kamu dari sikap melampau dalam agama. Sesungguhnya

kebinasaan telah menimpa ke atas mereka sebelum kamu kerana sikap melampau dalam agama."[143]

Kemudian Al-Fadhl membonceng unta baginda. Baginda menggerakkan tunggangannya yang berkat dari Muzdalifah sebelum terbit matahari. Hal ini berbeza dengan amalan orang musyrik. Mereka (orang musyrikin) hanya akan bertolak sehingga matahari betul-betul terlihat di atas puncak bukit, kelihatan bentuknya seperti serban yang dipakai orang lelaki.

Orang-orang musyrik berkata, "Terbitlah dari arah bukit Thabir supaya kami boleh bersegera (bertolak dari Muzdalifah)."[144] Maksudnya, "Memancarlah wahai matahari di atas bukit Thabir, supaya kami boleh bertolak dari Muzdalifah." Thabir adalah sebuah bukit besar yang terletak berhadapan dengan bukit Quzah.[145] Tindakan Nabi Muhammad SAW sebaliknya bertentangan dengan amalan orang musyrik. Baginda bertolak sebelum terbitnya matahari (untuk membezakan amalan umat Islam dengan amalan musyrikin).



Masjid Masy'ar Al-Haram. Di bahagian bawah gambar adalah bukit Quzah dan di atasnya adalah bukit Thabir.

Sekumpulan pemuda yang merupakan pelumba kuda dalam kalangan Quraisy telah bergegas bertolak ke Mina dengan berlumba lari. Mereka memintas orang-orang yang menunggang unta. Salah seorang daripada mereka adalah Usamah bin Zaid.[146]

Rasulullah SAW bertolak dari Muzdalifah dalam keadaan tenang dan tenteram, tidak tergesa-gesa. Seruan baginda kepada orang ramai ketika bertolak bersamanya, "Hendaklah kalian bertenang."[147] Baginda mengendalikan untanya dengan penuh cermat, sama sepertimana dalam semua urusan baginda yang lain. Baginda seorang yang lemah lembut dan sukakan kelembutan. Orang yang membonceng baginda kali ini adalah Al-Fadhl bin Abbas. Dia seorang pemuda yang berkulit cerah, kacak dan elok rambutnya.

Ketika itu, lalu di hadapannya sekumpulan wanita yang berada di atas tunggangan mereka yang sedang berlari (bergerak laju). Maka dengan serta-merta Al-Fadhl pun memandang ke arah mereka, lantas Rasulullah SAW meletakkan tangan baginda pada wajah Al-Fadhl.

Al-Fadhl pun memalingkan wajahnya ke arah lain. Maka Rasulullah SAW mengalihkan tangan baginda dari sisi yang lain dan meletakkannya pada wajah Al-Fadhl. Al-Fadhl sekali lagi memalingkan wajahnya untuk melihat. Lalu Rasulullah SAW berkata kepadanya, "Wahai anak saudaraku, sesungguhnya pada hari ini sesiapa yang memiliki (mampu mengawal) pendengarannya, penglihatannya dan lisannya maka baginya keampunan."[148] Perjalanan mereka diteruskan hingga sampai di satu tempat yang bernama Wadi Muhassir yang terletak di antara Muzdalifah dan Mina. Baginda memecut untanya dengan pantas dengan kadar lemparan batu (maksudnya menunggang dengan laju dengan jarak lemparan batu).[149]

Baginda melalui jalan Al-Wusto iaitu jalan yang menuju ke arah Jamrah Al-Kubra (Jamrah Al-'Aqabah).[150] Di sepanjang perjalanan, baginda bertalbiah dan bertakbir. Tatkala sampai di Jamrah Al-'Aqabah, baginda menghadap ke arahnya; menjadikan Mina berada di sebelah kanan dan Mekah di sebelah kiri baginda. Ketika itu Bilal dan Usamah ada bersama-sama baginda, seorang daripada mereka memegang tali unta baginda manakala seorang lagi memegang kain untuk memayungkan baginda (dari sinaran cahaya matahari). Di situ baginda melontar Jamrah Al-'Aqabah menggunakan tujuh biji anak batu sambil bertakbir pada setiap lontaran. Baginda tidak berhenti bertalbiah sehinggalah selesai melontar.[151]

Baginda sangat tawaduk kepada Allah dan mengagungkan syiar-Nya ketika melaksanakan amalan haji tersebut. Qudamah bin Abdullah Al-Kilabi Radhiyallahu 'Anhu berkata, "Aku melihat Rasulullah SAW melontar Jamrah Al-'Aqabah pada hari Nahar di atas unta yang berwarna *sohba'* (kuning kemerahan yang bercampur) tanpa baginda memberi amaran, tanpa mengusir dan tanpa berkata kepada orang ramai: Menjauhlah, menjauhlah."[152]



Di kedudukan jalan inilah asalnya terletak Wadi Muhassir.

Orang ramai bersesak-sesak dan berasak-asak di sekitar baginda, maka Rasulullah SAW pun bersabda, "Wahai sekalian manusia, janganlah kamu saling berbunuhan di antara kamu dan janganlah kamu berbalah sesama kamu. Apabila kamu melontar jamrah, maka lontarlah dengan cara memegang anak batu di antara jari telunjuk dan ibu jari atau di antara jari hantu dan ibu jari.[2] Wahai manusia, ambillah (cara melaksana) manasik (ibadah haji) kalian (dariku) kerana sesungguhnya aku tidak mengetahui, barangkali aku tidak akan melaksanakan haji lagi setelah hajiku ini."[153]

Sesiapa sahaja di kalangan orang ramai yang berada di sekitar baginda, boleh bertemu dengan baginda. Baik lelaki atau perempuan, tua ataupun muda; mereka tidak dihalang mahupun diusir. Datang seorang wanita muda lagi cantik bertanya kepada baginda. Ketika itu Al-Fadhl masih membonceng unta bersama baginda. Seperti yang dimaklumi, Al-Fadhl merupakan seorang pemuda yang berusia dalam

[2] Lihat *Fath al-Bari*: 2/487. (Tambahan penyunting)

lingkungan 20-an, kacak dan segak. Wanita itu memandang Al-Fadhl dan Al-Fadhl juga memandang wanita tersebut. Ternyata kecantikan wanita itu mempesonakannya.

Baginda menoleh ke arah Al-Fadhl dan ternyata Al-Fadhl masih memandang wanita itu. Baginda segera mengunjukkan tangannya ke belakang memegang dagu Al-Fadhl dan memalingkan wajah Al-Fadhl daripada memandang wanita itu. Tetapi Al-Fadhl mengalihkan mukanya dan memandang wanita itu dari sisi yang lain pula. Baginda sekali lagi memalingkan wajah Al-Fadhl ke arah lain sehingga ayah Al-Fadhl iaitu Al-Abbas menegur Nabi SAW, "Wahai Rasulullah, engkau telah membengkokkan leher anak pak cikmu." Lantas baginda menjawab, "Aku melihat seorang pemuda dan seorang pemudi (saling memandang), mereka berdua tidak aman daripada godaan syaitan."

Wanita yang datang bertemu Nabi SAW tadi bertanya, "Wahai Rasulullah, sesungguhnya Allah telah memfardukan ke atas hambanya untuk melaksanakan haji. Aku tahu bahawa ayahku seorang lelaki yang sudah sangat tua dan dia tidak mampu untuk duduk di atas tunggangan dalam tempoh yang lama (kerana perjalanan haji yang panjang). Adakah aku boleh melaksanakan haji baginya?" Baginda menjawab, "Ya, boleh."[154]

Anda sendiri tidak tahu, apa yang membuatkan diri anda rasa sangat teruja pada situasi ini. Adakah disebabkan tawaduknya Nabi SAW, kemesraan dan rendah diri baginda terhadap orang ramai sehinggakan seorang gadis boleh tampil dengan berani dalam suasana yang sesak bertanyakan soalan dalam keadaan begitu? Atau baginda memang memahami gejolak perasaan pemuda dan tabiat jiwa pemudi? Sebab itulah baginda segera memberikan didikan dengan penuh kelembutan yang menghimpunkan kesantunan dan kasih sayang. Kejadian yang berulang-ulang ini tidak sekalipun menjadikan baginda seorang yang kasar mahupun keras.

Boleh jadi juga anda teruja terhadap keberanian baginda menegur sepupu dan saudaranya berbanding wanita tersebut? Ini kerana Al-Fadhl mampu untuk menerima teguran Rasulullah SAW berbanding gadis asing (yang bukan dari keluarga rapat). Anda akan dapat memerhatikan suasana ini sehingga terkumpul pada diri anda kehebatan segala makna dari segi seni adab tarbiah, pendidikan yang baik dan kelembutan dalam menyampaikan nasihat melalui sebaik-baik guru yang mengajarkan kebaikan kepada manusia iaitu baginda Rasulullah SAW. Selawat dan salam serta keberkatan diucapkan ke atas baginda.



Jamrah Al-'Aqabah suatu masa dahulu. Perhatikan jamrah yang melekat pada bukit, sebab itu ia dinamakan Jamrah Al-'Aqabah.

Perpisahan dengan Ahli Rombongan

Kemudian baginda berhenti di hadapan orang ramai di atas untanya yang bernama, Al-Adhba'. Baginda berada di antara ketiga-tiga jamrah ketika waktu duha mula masuk. Baginda dikelilingi oleh para sahabat baginda, ada di antara mereka yang duduk dan ada yang berdiri. Baginda berkata kepada Jarir bin Abdullah Al- Bajali Radhiyallahu 'Anhu. Beliau

merupakan seorang lelaki yang tinggi dan kuat suaranya. Kata baginda, "Bantu aku untuk minta semua orang diam." Maka Jarir pun melaksanakan arahan Nabi. Beliau meminta semua untuk diam. Lalu mereka semua diam seolah-olah di atas kepala mereka ada burung (berdiri kaku tidak bergerak-gerak).

Baginda menyampaikan sebuah khutbah yang agung kepada mereka dengan isi kandungan yang sangat penting. Allah telah membuka pendengaran mereka sehingga mereka boleh mendengar dengan baik di tempat duduk masing-masing. Baginda memulakan khutbahnya dengan pujian kepada Allah kemudian berkata, "Wahai sekalian manusia, sesungguhnya masa berputar seperti hari Allah menciptakan langit dan bumi. Setahun mempunyai 12 bulan dan di dalamnya terdapat empat bulan haram. Tiga daripadanya adalah bulan yang berturut-turut iaitu Zulkaedah, Zulhijah dan Muharam. Manakala Rejab *Mudhar*[3] adalah bulan di antara dua Jamadil dan Sya'ban."

Kemudian baginda membaca ayat;

إِنَّ عِدَّةَ ٱلشُّهُورِ عِندَ ٱللَّهِ ٱثْنَا عَشَرَ شَهْرًا فِى كِتَٰبِ ٱللَّهِ يَوْمَ خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ مِنْهَآ أَرْبَعَةٌ حُرُمٌ ۚ ذَٰلِكَ ٱلدِّينُ ٱلْقَيِّمُ ۚ فَلَا تَظْلِمُوا۟ فِيهِنَّ أَنفُسَكُمْ

Sesungguhnya bilangan bulan-bulan di sisi (hukum) Allah ialah dua belas bulan, (yang telah ditetapkan) dalam Kitab Allah semasa la menciptakan langit dan bumi, di antaranya empat bulan yang dihormati. Ketetapan yang demikian itu ialah agama yang betul lurus, maka janganlah kamu menganiaya diri kamu dalam bulan-bulan yang dihormati itu (dengan melanggar laranganNya). – Surah al-Taubah (9): 36

Baginda menyambung lagi kata-katanya, "Sesungguhnya pengunduran (bulan haram) itu hanya menambah kekafiran. Orang-orang kafir disesatkan dengan (pengunduran) itu. Mereka menghalalkannya suatu tahun dan mengharamkannya pada suatu tahun yang lain agar

[3] Kabilah Mudhar tidak mengalihkan bulan Rejab daripada kedudukannya seperti perbuatan kabilah-kabilah Arab lain yang akan memindahkan bulan-bulan ini mengikut situasi perang mereka. Lihat *Fath al-Bari*: 8/325 (Tambahan penyunting)

mereka dapat sesuaikan dengan bilangan yang diharamkan Allah, sekaligus mereka telah menghalalkan apa yang diharamkan Allah dan mengharamkan apa yang dihalalkan Allah."

Mina suatu masa dahulu.

Kemudian baginda bertanya, "Bulan apakah ini?" Para sahabat menjawab, "Allah dan Rasul-Nya lebih mengetahui." Baginda diam, sehingga mereka menyangka bahawa baginda akan menyebut nama lain selain nama bulan itu. Soal baginda lagi, "Bukankah bulan ini bulan Zulhijah?" Mereka menjawab, "Ya, benar!" Kemudian baginda bertanya, "Tempat apakah ini?" Mereka menjawab, "Allah dan Rasul-Nya lebih mengetahui." Baginda diam, sehingga mereka menyangka bahawa baginda akan menyebut nama lain selain nama tempat itu. Soal baginda, "Bukankah ini Tanah Haram?" Mereka menjawab, "Ya, benar!"

Kemudian baginda bertanya, "Hari apakah ini?" Para sahabat menjawab, "Allah dan Rasul-Nya lebih mengetahui." Baginda diam, sehingga mereka menyangka bahawa baginda akan menyebut nama lain selain nama hari itu. Soal baginda, "Bukankah hari ini hari Nahar?" Mereka menjawab, "Ya, benar!" Baginda berkata lagi, "Sesungguhnya darah kamu, harta benda kamu dan kekayaan kamu adalah kemuliaan bagi kamu (haram diambil oleh orang lain) sebagaimana kemuliaan pada hari ini, di tempat ini dan pada bulan ini. Sesungguhnya orang Islam

itu bersaudara dengan Muslim yang lain, maka tidak halal bagi seorang Muslim mengambil sesuatu daripada saudaranya kecuali apa yang telah dihalalkan baginya. Bahkan bayaran yang dibuat oleh seorang Muslim kepada seorang Muslim yang lain, kemudian dia menghendaki kejahatan atas bayaran itu, maka ianya adalah haram. Adakah aku telah sampaikan? Ya Allah, saksikanlah."

"Aku juga akan memberitahu kamu, siapakah orang Islam? Orang Islam adalah orang yang memelihara lidah dan tangannya daripada menyakiti Muslim yang lain. Orang yang beriman adalah orang yang memelihara manusia, harta dan nyawa mereka. Orang yang berhijrah pula adalah orang yang menghindari kesalahan dan dosa. Manakala orang yang berjihad adalah orang yang bersungguh-sungguh dalam ketaatan kepada Allah. Ketahuilah, tidak boleh seseorang melakukan jenayah kecuali terhadap dirinya sendiri. Tidak boleh seorang bapa melakukan jenayah kepada anaknya dan tidak boleh anak melakukan jenayah ke atas bapanya. Janganlah kamu kembali kepada kekufuran selepas ketiadaanku iaitu kamu saling memenggal leher antara kamu. Sesungguhnya kamu akan bertemu dengan Tuhan kamu dan Dia akan menyoal segala amalan kamu. Adakah aku telah sampaikan? Ya, Allah saksikanlah."

"Wahai sekalian manusia, sesungguhnya syaitan telah berputus asa untuk disembah di tempat kamu ini selama-lamanya. Tetapi syaitan, jika dia ditaati dalam perkara selain itu (menyembahnya) pastinya dia suka dalam perkara-perkara yang kamu anggap remeh dalam amalan kamu, maka berwaspadalah pada pegangan agama kamu."

"Wahai manusia, dengar dan taatlah. Sekalipun yang dilantik untuk memerintah kamu itu adalah hamba Habsyi yang berkulit hitam lagi kudung. Selagi dia memerintah berpandukan Al-Quran, maka dengar dan taatlah. Ada tiga perkara yang tidak akan menimbulkan dengki[155] dalam hati seorang Muslim iaitu ikhlas beramal kerana Allah, menasihati ulil amri (pemimpin) dan melazimi jemaah Islam. Sesungguhnya doa-doa mereka akan mengekori dari belakang mereka."



Masjid Al-Khayf suatu masa dahulu.

Kemudian baginda menyebut tentang Al-Masih Al-Dajjal dan baginda menyebutnya dengan terperinci. Sabda baginda, "Allah tidak mengutuskan seorang nabi pun, melainkan dia memberikan peringatan kepada umatnya. Nabi Nuh dan nabi-nabi selepasnya telah pun memberikan peringatan. Sesungguhnya Dajjal akan muncul dari kalangan kamu, maka tidaklah tersembunyi bagi kamu suatu apa pun tentang dia (Dajjal). Bukanlah sesuatu yang tersembunyi bagi kamu bahawa Tuhan kamu tidaklah buta. Akan tetapi dia (Dajjal) bermata buta di sebelah kanan, matanya seolah-olah seperti anggur yang membonjol."

"Wahai sekalian manusia, sesungguhnya demi Allah aku tidak mengetahui apakah aku dapat bertemu lagi dengan kamu semua selepas hari ini. Semoga Allah merahmati sesiapa yang mendengar kata-kataku ini dan memahaminya serta menyampaikannya. Betapa ramai orang yang berilmu, tetapi hanya segelintir sahaja yang memahami dan betapa ramai orang yang berilmu boleh menyampaikan kepada orang yang lebih memahami daripadanya. Wahai manusia, sampaikanlah kepada mereka yang tidak ada pada hari ini. Boleh jadi orang yang disampaikan kepadanya itu lebih memahami berbanding orang yang hanya mendengar."

Kemudian baginda mendongakkan kepalanya ke arah langit lalu berkata, "Ya Allah, adakah aku telah sampaikan? Ya Allah, adakah aku telah sampaikan?" Semua yang mendengar menjawab, "Ya, Rasulullah

telah menyampaikannya." Kemudian baginda mengangkat kedua-dua tangannya ke arah langit dan berkata, "Ya Allah, saksikanlah. Ya Allah, saksikanlah. Ya Allah, saksikanlah."[156]

Baginda meninggikan dirinya agar semua orang dapat mendengar. Baginda menyoal, "Adakah kamu dengar?" Baginda turut menguatkan suaranya[157] dan menyeru, "Wahai sekalian umat, adakah aku telah sampaikan kepada kamu?" Sehingga berkata seorang budak yang berada di dalam perhimpunan itu kepada ibunya, "Wahai ibu, kenapakah dia menyeru ibunya?" Si ibu itu menjawab, "Wahai anakku, sesungguhnya baginda tidak menyeru ibunya, bahkan yang dimaksudkannya ialah umatnya."[158] Baginda kemudian berpisah dengan ahli rombongan. Oleh yang demikian, ia dinamakan sebagai Haji Wada' iaitu Haji Perpisahan.[159]

Mereka yang mendengar khutbah itu dapat merasakan bahawa ianya adalah peringatan perpisahan. Berkata seorang lelaki dari kelompok rombongan itu, "Wahai Rasulullah, apakah janji engkau kepada kami?" Baginda menjawab, "Sembahlah Tuhan kamu, solatlah lima waktu, berpuasalah di bulan Ramadan, tunaikan zakat harta-harta kamu kerana ianya menyucikan jiwa-jiwa kamu dan taatilah pemimpin kamu. Nescaya, kamu akan masuk ke dalam syurga yang disediakan oleh Tuhan kamu."[160]

Bahagian timur Mina suatu masa dahulu.

Bahagian barat Mina suatu masa dahulu.

Berkerumun orang ramai ke arah Rasulullah SAW, mereka bertanya kepada baginda tentang hukum-hakam manasik haji. Datang seorang lelaki memberitahu, “Aku telah bercukur sebelum melontar.” Balas baginda kepadanya, “Melontarlah dan tiada dosa bagimu.” Datang lelaki yang lain memberitahu, “Aku telah bercukur sebelum menyembelih binatang korban.” Balas baginda kepadanya, “Sembelihlah binatang korban dan tiada dosa bagimu.” Datang lelaki yang lain memberitahu, “Aku tidak tahu, aku telah menyembelih binatang korban sebelum aku melontar.” Balas baginda kepadanya, “Melontarlah, tiada halangan bagimu.”

Datang pula lelaki yang lain memberitahu baginda, “Aku telah tawaf sebelum melontar.” Balas baginda kepadanya, “Tiada halangan bagimu.” Berkata seseorang kepada baginda, “Aku telah sa’ie sebelum tawaf.” Balas baginda kepadanya, “Tiada halangan bagimu.” Semua persoalan tentang manasik sama ada mereka mendahulukan suatu manasik atas yang lain atau mengakhirkan suatu manasik atas yang lain, semuanya baginda jawab, “Lakukan dan tiada dosa bagimu.” Setiap apa yang ditanya kepada baginda tentang sesuatu perkara, pasti dijawab kepadanya, “Tiada dosa, tiada dosa.”[161] Iaitu bermaksud, ianya tidak salah dan sah.

Datang pula sekumpulan orang Arab Badwi dari pelbagai tempat, mereka berkata; “Wahai Rasulullah, beri kepada kami fatwa tentang

hal ini dan juga hal ini." Balas baginda, "Wahai sekalian manusia, sesungguhnya Allah telah mengangkat daripada kamu dosa dan kesalahan kecuali lelaki yang melakukan sesuatu yang buruk terhadap maruah seorang lelaki Muslim yang lain. Maka, dia telah berbuat zalim! Itu adalah dosa dan ia membinasakan."

Mereka bertanya lagi, "Wahai Rasulullah, adakah dibolehkan untuk kami berubat?" Baginda menjawab, "Ya, berubatlah. Sesungguhnya Allah tidak menciptakan sesuatu penyakit melainkan diciptakan juga ubatnya, kecuali satu penyakit." Mereka bertanya, "Apakah dia wahai Rasulullah?" Baginda menjawab, "Sakit tua." Mereka bertanya lagi, "Apakah sebaik-baik perkara yang diberikan kepada manusia, wahai Rasulullah?" Baginda menjawab, "Akhlak yang baik."[162]

Kemudian Nabi SAW berhenti di tempat yang baginda akan menetap di Mina iaitu di kawasan Masjid Al-Khayf sekarang. Turut bersama baginda; sahabat Muhajirin di sebelah kanan baginda dan sahabat Ansar di sebelah kiri baginda dan disusuli oleh orang ramai di sekeliling mereka (sahabat).[163] Para sahabat meminta izin untuk membina sebuah binaan di Mina yang dapat memayungi baginda. Namun baginda enggan mempunyai tempat yang membezakannya dengan orang lain di tempat pelaksanaan ibadah. Baginda berkata, "Tidak, Mina adalah tempat menambat unta bagi mereka yang sampai dahulu."[164]

Allah Ta'ala berfirman;

وَٱلْبُدْنَ جَعَلْنَٰهَا لَكُم مِّن شَعَٰٓئِرِ ٱللَّهِ لَكُمْ فِيهَا خَيْرٌ

Dan Kami jadikan unta (yang dihadiahkan kepada fakir miskin Mekah itu) sebahagian dari syiar agama Allah untuk kamu; pada menyembelih unta yang tersebut ada kebaikan bagi kamu. – Surah al-Haj (22): 36

Unta korban.

Haiwan sembelihan korban di Mina pada tahun 1372 H.

Di Tempat Penyembelihan Haiwan Korban

Kemudian baginda berpindah ke tempat penyembelihan untuk menyembelih binatang korbannya. Lokasi tempat tersebut terletak di antara masjid dan Jamrah Al-Sughra. Baginda berkata, "Panggilkan Abu Hasan (Sayidina Ali)." Lalu Sayidina Ali Radhiyallahu 'Anhu pun dipanggil. Kata baginda kepada Ali, "Peganglah di bahagian hujung tombak." Manakala Rasulullah SAW memegang di bahagian pangkalnya. Kemudian didekatkan haiwan korban itu kepada baginda seekor demi seekor dalam keadaan diikat sebelah kaki kiri depan dan dibiarkan berdiri di atas baki tiga lagi kakinya. Lalu baginda pun menusuk unta-unta tersebut menggunakan tombak pada bahagian pangkal leher."

Ternyata berlaku sesuatu yang sangat ajaib apabila unta-unta itu sendiri mendekati Rasulullah SAW untuk disembelih sebagai korban demi mendekatkan diri kepada tuhannya ‘Azza Wajalla. Unta-unta ini datang menghampiri[165] Rasulullah SAW, menawarkan diri untuk disembelih dahulu!”[166]

Binatang-binatang ini hanyalah haiwan ternakan yang akan diberitahu kepadanya pada hari kiamat, “Jadilah kamu tanah.” Maka ia pun menjadi tanah. Walaupun demikian ia tetap datang menghampiri Rasulullah SAW untuk dipilih sebagai haiwan yang mana satu akan mula-mula disembelih dahulu!

Lalu apa pula yang diucapkan oleh seorang mukmin kepada Rasulullah SAW yang mengikut agama baginda? Bukankah dahulu mata kita buta, telinga kita tuli dan hati kita terkunci? Sehinggalah Allah membukanya dan menghidupkannya dengan perutusan Nabi Muhammad SAW. Justeru, bagaimanakah sepatutnya rasa kecintaan kepada baginda?

Demi Allah, seandainya jantung luluh dalam lipatan dua rusuk dan hati hancur dalam rongganya kerana cinta dan rindu kepada baginda, nescaya Tuhan tidak akan mencela mereka. Semoga Allah melimpahkan selawat dan salam serta keberkatan-Nya kepada baginda.

Baginda menyembelih sendiri binatang korbannya dengan tangannya yang mulia sebanyak 63 ekor unta, bertepatan dengan umur baginda. Kemudian baginda mengarahkan Sayidina Ali untuk menyembelih binatang selebihnya dan baginda turut mengajak orang ramai untuk berkongsi sembelihan tersebut. Baginda berkata kepada orang ramai, “Siapa yang mahu, lapahlah.”[167] Baginda turut mengarahkan agar Sayidina Ali menguruskannya dengan berkata, “Agihkanlah dagingnya, kain penutup bonggolnya dan kulitnya kepada orang ramai. Tetapi jangan diberi upah untuk tukang sembelih dari haiwan korban itu. Akan tetapi untuk upahnya, kami beri daripada wang kami sendiri.”

“Ambillah sepotong (sedikit bahagian) daging daripada setiap unta korban itu, kemudian letakkan daging itu dalam satu periuk (untuk dimasak) sehingga kita dapat makan dagingnya dan menghirup kuahnya.”[168] Baginda berkata lagi, “Aku telah menyembelih binatang korban di sini (iaitu di Mina) dan Mina keseluruhannya adalah tempat menyembelih. Setiap lorong di Mekah juga adalah jalan dan tempat menyembelih, maka sembelihlah di rumah-rumah kamu.”[169]

Unta korban yang diikat kaki kirinya. Terdapat kain hiasan di atas belakangnya dan kalung selipar pada lehernya.

Baginda turut melaksanakan korban lembu bagi pihak isteri-isteri baginda yang menunaikan haji. Berkata Sayidatina Aisyah, “Ada orang menghantar kepada kami daging lembu pada hari Nahar. Aku pun bertanya, “Daging apakah ini?” Mereka menjawab, “Rasulullah SAW telah membuat korban bagi pihak isteri-isterinya[170] dan para sahabat Radhiyallahu ‘Anhum juga membuat korban. Mereka berkongsi unta itu kepada tujuh bahagian dan juga berkongsi lembu kepada tujuh bahagian.”[171]

Baginda mengagihkan biri-biri di tempat sembelihan kepada para sahabat yang tidak memiliki haiwan korban. Saad bin Abi Waqas mendapat seekor kambing jantan lalu disembelihnya kambing itu sendiri.[172]

Para sahabat turut bertanya kepada Rasulullah SAW tentang perbuatan menyimpan daging korban. Baginda telah melarang untuk menyimpan daging korban lebih daripada tiga hari kerana pada tahun sebelumnya banyak delegasi yang datang ke Madinah. Para sahabat bertanya, “Wahai Rasulullah, adakah kita akan lakukan sama seperti apa yang kita lakukan pada tahun lepas?” Rasulullah SAW menjawab, “Aku menghalang kalian memakan daging lebih daripada tiga hari (tahun lalu) kerana pada waktu itu terdapat banyak delegasi yang datang mengunjungi kalian.[173] Pada ketika itu, keadaan mereka susah dan aku ingin membantu. Adapun sekarang, aku halalkan bagi kamu. Maka makanlah mengikut keperluan kamu, berilah makan (orang lain) dan berbekallah (dari daging).” Para sahabat pun makan dan membuat bekal yang cukup sehingga mereka sampai ke Madinah.[174]

Baginda berkata kepada budak pelayannya iaitu Thauban Radhiyallahu ‘Anhu, “Wahai Thauban, perelokkanlah daging ini.” Maksudnya, jemur daging itu dan ratakan garam padanya sehingga ia menjadi kering (tersalai) dan tidak cepat rosak. Thauban berkata, “Aku sudah memperelokkannya dan baginda menggunakannya untuk makan sehinggalah sampai ke Madinah.”[175]

Aktiviti bercukur di Mina suatu masa dahulu.

Baginda telah menghimpunkan petunjuk lisan dan teladan perbuatan menerusi tindakannya ini. Para sahabat dapat melihat jawapan kepada persoalan mereka melalui perbuatan baginda sepertimana mereka mendengar dari sabda baginda. Apabila telah selesai segala urusan di tempat menyembelih, baginda memanggil tukang gunting untuk mencukur kepala baginda yang suci. Kemudian datang Ma’mar bin Abdullah Al-‘Adawi Radhiyallahu ‘Anhu membawa sebilah pisau cukur. Baginda melihat ke arah wajah Ma’mar dan berkata dengan lembut, “Wahai Ma’mar, Rasulullah SAW telah mempersiapkan diri (untuk bercukur) dari bahagian cuping telinganya (kerana rambut yang panjang) dan di tangan engkau ada pencukur.”

Ma’mar berkata, “Demi Allah wahai Rasulullah, sesungguhnya itu adalah salah satu nikmat Allah ke atasku dan pemberian daripada-Nya. Balas baginda, “Benar, jadi aku akur dengan tindakan engkau.” Ma’mar pun mula meratakan rambut baginda dengan tangannya dan menggenggam rambut baginda di bahagian kanan. Baginda berkata kepada tukang gunting (iaitu Ma’mar), “Cukurlah.” Pada waktu itu para

sahabat mengelilingi baginda kerana mereka mahu rambut itu jatuh ke tangan mereka. Mereka akan membahagikan rambut itu sehelai dua sesama mereka. Kemudian Ma'mar melakukan perkara yang sama di bahagian rambut baginda di sebelah kiri. Sambil menunjukkan ke arah rambutnya yang di sebelah kiri, baginda berkata kepada tukang gunting (Ma'mar), "Cukurlah."

Baginda bertanya, "Di mana Abu Talhah?" Lalu Abu Talhah datang dan diserahkan kepadanya keseluruhan rambut baginda yang di sebelah kiri.[176]



Al-Mihjan (tongkat yang bengkok di bahagian atasnya).

Baginda mengimbas kembali tempoh 10 tahun yang dihabiskan di Madinah; berkenaan kediaman Abu Talhah dan isterinya Ummu Sulaim serta anak tirinya Anas bin Malik, seolah-olah kediaman itu adalah salah satu daripada rumah baginda. Mereka memberi khidmat kepada baginda, membantu setiap urusan baginda, akrab dan mesra dengan baginda. Sebab itulah baginda memilih Abu Talhah pada hari tersebut berbanding orang lain dan memberikan kepadanya separuh daripada bahagian rambut baginda. Baginda memberikannya apa yang tidak diberikan kepada orang lain. Abu Talhah bersegera mendapatkan rambut baginda yang suci itu seolah-olah beliau mendapat emas dan perak yang memenuhi bumi di kedua-dua tangannya, Radhiyallahu 'Anhu.

Ibnu Sirin Rahimahullah mengulas hadis tersebut dengan berkata, "Sekiranya aku dapat rambut itu walaupun sehelai, nescaya itu lebih aku sukai daripada dunia dan seisinya." 'Abidah Al-Salmani Rahimahullah yang mendengarkan hadis ini juga ada berkata, "Jika aku dapat rambut itu walaupun sehelai, nescaya ia lebih aku sukai daripada emas dan perak yang berada di atas muka bumi dan di dalam perut bumi."[177]

Rasulullah SAW berdoa untuk orang yang bercukur, “Ya, Allah! Rahmatilah orang-orang yang bercukur.” Para sahabat berkata, “Rahmatilah juga bagi orang yang memendekkan rambutnya, wahai Rasulullah.” Namun baginda tetap mengulangi doa bagi orang yang bercukur, “Ya, Allah! Rahmatilah orang-orang yang bercukur.” Para sahabat mengulangi permintaan agar baginda berdoa untuk orang yang memendekkan rambutnya. Maka baginda pun berdoa, “Ya Allah, rahmatilah orang yang memendekkan rambut.” Malik bin Rabi’ah Radhiyallahu ‘Anhu berkata, “Aku mendengar baginda berkata sedemikian dan aku pada hari itu bercukur rambut. Perkara itu cukup menggembirakan aku (iaitu doa baginda terhadap mereka yang mencukur rambut) seolah-olah mendapat unta merah.”[178] Rasulullah SAW turut memotong kukunya dan membahagi-bahagikannya kepada orang ramai.[179]

Selepas melontar pada hari raya, melaksanakan korban dan bercukur maka baginda pun menanggalkan kain ihramnya. Apa yang pasti, baginda mandi untuk menghilangkan kekotoran[180] serta menghilangkan kepenatan dan kesusahan (ketika berihram). Kemudian baginda memakai pakaiannya, lalu Aisyah memakaikan baginda dengan wangian yang paling wangi yang beliau ada. Aisyah menyapu wangian *misk* (kasturi) pada kepala Rasulullah SAW yang mulia menggunakan kedua-dua tangannya.[181]

Menuju ke Masjid Al-Haram

Rasulullah SAW menunggang untanya ke Baitullah Al-Haram sambil Usamah bin Zaid membonceng di belakang baginda. Tatkala sampai di Kaabah, baginda bertawaf dengan menaiki unta supaya dapat dilihat oleh orang ramai. Tujuannya supaya baginda dapat memantau orang ramai dan mereka boleh bertanya baginda. Orang ramai datang mengerumuni dan mengelilingi baginda. Ketika itu baginda sedang mengucup rukun (Hajar Al-Aswad) sambil memegang tongkat[182] di tangannya, kemudian baginda bertakbir dan mencium hujung tongkatnya.[183]

Selesai sahaja tawaf, baginda menambat untanya dan melaksanakan solat dua rakaat.[184] Para sahabat yang melaksanakan haji tamatuk, mereka melaksanakan sa’ie di antara Safa dan Marwah bagi menyempurnakan haji mereka. Sama sepertimana yang mereka telah lakukan sebelum ini ketika melaksanakan umrah. Namun baginda

dan orang-orang yang tidak bertahallul dalam kalangan sahabat yang membawa haiwan korban, mereka tidak melakukan sa'ie di antara Safa dan Marwah selepas tawaf.[185]

Kemudian Rasulullah SAW pergi ke tempat minum pak ciknya iaitu Al-Abbas Radhiyallahu 'Anhu. Beliau sedang memberi orang ramai minum air nabiz (air rendaman kurma),[186] lalu baginda meminta bekas-bekas minuman yang dijadikan tempat minuman orang ramai. Berkata pak ciknya Al-Abbas, "Wahai Fadhl, pergi kepada ibumu dan beri Rasulullah SAW minuman yang ada pada ibumu." Rasulullah SAW menolak dan berkata, "Aku tidak memerlukannya. Beri sahaja aku minuman daripada apa yang diminum oleh orang ramai tadi."

Abbas berkata, "Wahai Rasulullah, mereka telah mencelup tangan mereka ke dalam air dan ia telah bercampur serta berubah rasa.[187] Mahukah engkau jika kami beri susu atau madu?" Situasi ini bermaksud, tangan orang ramai telah masuk ke dalam bekas air tersebut dan menyebabkan air itu bercampur aduk. Jadi Sayidina Abbas mahu memberikan Nabi SAW minuman yang khusus. Tetapi baginda enggan menerima keistimewaan dalam minuman, tambahan pula keistimewaan itu hanya untuk dirinya seorang dan tidak dikongsikan dengan orang lain. Walaupun itu (susu dan madu) adalah minuman yang lebih disukai oleh pak ciknya, namun baginda tetap mengulang sekali lagi permintaannya, "Berilah aku minuman sepertimana yang diminum oleh orang ramai."



Telaga Zamzam suatu masa dahulu.

Lalu dibawakan kepada baginda sebekas besar air nabiz. Bersama baginda ketika itu adalah para sahabat dari kalangan Muhajirin dan Ansar. Semasa minum; sebelum berasa puas, baginda bergegas-gegas ingin beredar. Baginda mengangkat kepalanya dan berkata, “Bagus kalian! Perbuatan kamu itu baik, maka lakukanlah seperti itu.” Kemudian baginda memberikan lebihan minumannya kepada Usamah bin Zaid. Ibnu Abbas berkata, “Reda Rasulullah SAW terhadap perbuatan itu lebih aku kagumi berbanding lurah-lurah Mekah yang mengalirkan susu dan madu.”[188]



Mata air telaga Zamzam.

Setelah itu, baginda pergi ke telaga Zamzam. Ketika itu Bani Abdul Mutalib sedang bekerja di situ memberi minum kepada orang ramai. Kata baginda kepada mereka, “Bekerjalah kamu, sesungguhnya kamu sedang

melakukan amal soleh." Mereka menghulurkan sebaldi air untuk baginda, lalu baginda minum dari bekas itu dalam keadaan berdiri. Kemudian baginda meludahkan sedikit air yang ada di mulutnya yang mulia ke dalam baldi tersebut. Mereka mengambil air tersebut dan menuangnya ke dalam telaga Zamzam supaya tersebar keberkatan baki minuman dan air ludahan baginda kepada orang yang minum selepasnya.

Rasulullah SAW berkata kepada mereka, "Kalaulah bukan (kerana bimbang) kalian akan menjadikannya sebagai kebiasaan (sunnah), nescaya aku akan turun (dari unta) dan meletakkan tali (pengikat unta) di atas ini." Baginda mengisyaratkan pada bahunya.[189] Jika betul terjadi, nescaya ia akan menjadi sunnah yang akan diikuti oleh manusia. Sudah menjadi kebiasaan bagi Bani Abbas memberi minum kepada orang ramai semenjak sebelum kedatangan Islam. Oleh sebab itu, baginda minum dari bekas sama seperti orang lain. Baginda tidak turut ikut melakukan tugas keturunan pak ciknya (Bani Abbas) supaya tugas mereka ini tidak dirampas oleh orang lain.

Kemudian Rasulullah SAW kembali ke Mina. Baginda mengimami solat zohor bersama orang ramai.[190] Anda mungkin tertanya-tanya; bagaimana kelapangan waktu baginda bagi melaksanakan kesemua amalan haji bermula daripada melontar, berkhutbah wada', memberi fatwa kepada orang ramai, turun ke tempat orang ramai, menyembelih 63 ekor haiwan korban, bercukur, bersiap melaksanakan tawaf dengan pakaian dan wangian, kemudian masuk ke Baitullah Al-Haram dan melakukana tawaf serta kembali semula ke Mina selepas itu?

Bagaimana semua ini boleh dilaksanakan oleh baginda hanya dalam tempoh separuh hari? Sudah pasti ianya adalah keberkatan yang dijadikan Allah Ta'ala ke atas semua waktu dan amal baginda. Lihatlah, bagaimana tempoh 23 tahun daripada usia baginda itu cukup untuk mencapai kejayaan yang agung dalam sejarah kemanusiaan. Baginda menyampaikan risalah Allah kepada seluruh makhluk, menyelamatkan mereka dari jurang api neraka dan mengeluarkan mereka dari kegelapan kepada cahaya.



Gambar lama Baitullah Al-Haram yang diambil pada tahun 1300H.

Bahagian 6

Hari-Hari di Mina



Masjid Al-Khayf suatu masa dahulu.



Masjid Al-Khayf sekarang.

Nabi Muhammad SAW kembali ke Mina. Baginda kekal di situ sepanjang hari dan mendirikan solat pada waktunya. Baginda mengqasarkan solat empat rakaat (kepada dua) sambil mengimami orang ramai di masjid Al-Khayf iaitu sebuah masjid yang disabdakan tentangnya oleh baginda, "Telah solat di masjid Al-Khayf seramai 70 orang Nabi."[191]

Masjid tersebut merupakan tanah lapang yang tidak berdinding. Ibnu Abbas Radhiyallahu 'Anhu menggambarkan pengalamannya solat di dalam masjid tersebut dengan berkata, "Aku telah datang ke situ (tanah lapang) dengan menaiki keldai betina. Pada waktu itu aku telah menghampiri usia baligh. Ketika itu Rasulullah SAW sedang mengimami orang ramai solat di Mina semasa Haji Wada' dalam keadaan masjid yang tidak berdinding. Maka aku pun berjalan-jalan di hadapan beberapa saf, kemudian aku turun dari keldai dan melepaskannya meragut rumput. Aku terus masuk ke dalam saf untuk solat. Tidak ada seorang pun yang menegur perbuatanku itu."[192]

Tatkala Rasulullah SAW solat subuh di masjid Al-Khayf, (selepas solat) baginda duduk menyenget dan menghadapkan wajahnya ke arah orang ramai. Kelihatan ada dua orang lelaki di bahagian belakang tidak solat berjemaah bersama yang lain. Kata baginda, "Panggilkan dua orang lelaki itu." Maka kedua-dua mereka dibawa bertemu dengan Nabi SAW dalam keadaan terketar-ketar ketakutan. Lalu baginda pun bertanya, "Apa yang menghalang kamu berdua daripada solat secara berjemaah?"

Mereka berdua menjawab, "Wahai Rasulullah, sesungguhnya kami berdua telah solat dalam perjalanan." Balas baginda, "Jangan lakukannya lagi. Jika seseorang daripada kamu telah solat dalam perjalanan, kemudian kamu sampai di satu tempat dan terdapat imam yang sedang solat, maka solatlah bersama imam. Sesungguhnya solat itu menjadi pahala sunat baginya." Lantas berkata salah seorang daripada mereka, "Mohonkanlah keampunan bagiku, wahai Rasulullah." Maka baginda pun memohonkan keampunan baginya.

Berkata Yazid bin Al-Aswad Radhiyallahu 'Anhu, "Orang ramai bangun untuk bertemu dengan Rasulullah SAW dan aku juga mengambil peluang bersama-sama mereka untuk bertemu dengan baginda. Aku pada ketika itu masih muda dan gagah." Yazid berkata lagi, "Aku pun terus berasak-asak bersama-sama orang ramai sehingga aku dapat sampai di tempat Nabi SAW berada. Aku memegang tangan baginda dan meletakkannya sama ada di atas wajahku atau dadaku." Katanya

lagi, “Aku tidak pernah mendapati sesuatu pun yang lebih wangi dan lebih sejuk daripada tangan Rasulullah SAW.”[193]





Mina suatu masa dahulu.

Sepanjang masa baginda, dipenuhi dengan zikir dan amalan yang bersesuaian dengan firman Allah Ta'ala;

> وَٱذۡكُرُواْ ٱللَّهَ فِيٓ أَيَّامٖ مَّعۡدُودَٰتٖ
>
> Dan sebutlah kamu akan Allah (dengan takbir semasa mengerjakan Haji) dalam beberapa hari yang tertentu bilangannya. – Surah al-Baqarah (2): 203

Orang yang mengawasi hal ehwal dan keadaan Nabi SAW mendapati bahawa baginda sentiasa bertakbir di dalam khemahnya di Mina. Orang ramai di masjid dan pasar juga bertakbir bersama baginda sehingga bergoncang Mina dengan laungan takbir. Perbuatan ini telah sabit (nyata) dari perbuatan Sayidina Umar Radhiyallahu 'Anhu.[194] Kami berpendapat bahawa beliau melakukannya tidak lain selain daripada mencontohi baginda.

Baginda SAW menghantar sekumpulan sahabatnya antaranya Ali bin Abi Talib, Abu Hurairah, Ibnu Umar, Basyr bin Suhaim, Kaab bin Malik, Aus bin Al-Hadathan, Abdullah bin Huzafah dan Saad Bin Abi Waqas untuk mengelilingi lembah-lembah Mina sambil melaungkan, "Tidak akan masuk syurga melainkan jiwa yang beriman. Hari-hari Mina (tasyrik) adalah hari untuk makan dan minum serta mengingati Allah. Maka janganlah kamu berpuasa pada hari-hari tersebut."[195]

Hari Al-Qarr

Pada hari ke 11 (Zulhijah) yang dinamakan sebagai hari Al-Ru'us atau hari Al-Qarr,[196] baginda berkhutbah di atas keldainya yang berwarna putih sambil meletakkan selendang merah di atas kepala baginda. Sayidina Ali Radhiyallahu 'Anhu menjadi jurucakap, menyampaikan apa yang diucapkan oleh baginda kepada orang ramai. Baginda memulakan khutbahnya dengan mengucapkan puji-pujian kepada Allah. Kemudian baginda bertanya, "Negeri apakah ini?" Mereka menjawab, "Allah dan Rasul-Nya lebih mengetahui." Tanya baginda lagi, "Bukankah ini Masy'ar Al-Haram?" Mereka menjawab: "Ya, benar." Baginda bertanya lagi, "Hari apakah ini?" Mereka menjawab, "Allah dan Rasul-Nya lebih mengetahui."

Soal baginda lagi, “Bukankah hari ini pertengahan hari tasyrik?” Mereka menjawab “Ya, benar.”

Baginda berkata, “Sesungguhnya darah kamu, kekayaan kamu dan harta benda kamu adalah kemuliaan bagi kamu (haram diambil oleh orang lain) sebagaimana kemuliaan pada hari ini, bulan ini dan di tempat ini. Hendaklah orang yang berada paling dekat di kalangan kamu menyampaikan kepada orang yang paling jauh dalam kalangan kamu. Wahai, sekalian manusia! Sesungguhnya orang-orang mukmin itu saling bersaudara, tidak halal bagi seorang Muslim mengambil harta saudaranya yang lain kecuali dengan kerelaannya. Sesiapa yang mempunyai amanah, maka hendaklah dia menunaikannya kepada orang yang memberi amanah kepadanya. Adakah aku telah sampaikan? Ya Allah, saksikanlah.”



Suasana Mina sekarang.

"Wahai sekalian manusia! Sesungguhnya Tuhan kamu itu satu dan sesungguhnya bapa kamu juga satu. Kamu semua berasal daripada Adam dan Adam diciptakan daripada tanah. Tidak ada kelebihan bagi bangsa Arab ke atas bangsa asing dan tidak ada kelebihan bangsa asing ke atas bangsa Arab. Juga tidak ada kelebihan orang berkulit hitam ke atas orang berkulit putih dan tidak ada kelebihan orang berkulit putih ke atas orang berkulit hitam melainkan dengan takwa." Allah telah berfirman;

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ إِنَّا خَلَقۡنَٰكُم مِّن ذَكَرٖ وَأُنثَىٰ وَجَعَلۡنَٰكُمۡ شُعُوبٗا وَقَبَآئِلَ لِتَعَارَفُوٓاْۚ إِنَّ أَكۡرَمَكُمۡ عِندَ ٱللَّهِ أَتۡقَىٰكُمۡ

Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). – Surah al-Hujurat (49): 13

"Wahai sekalian manusia, bagi hamba-hamba kalian; berilah mereka makan dengan apa yang kamu makan dan berilah mereka pakaian dengan apa yang kamu pakai. Sekiranya mereka berbuat kesalahan yang kamu tidak mahu maafkan, maka juallah mereka wahai hamba Allah dan janganlah pula kamu menyeksa mereka. Ketahuilah (nasab) seorang anak itu mengikut katil (suami atau perhambaan) manakala bagi penzina tidak boleh dinasabkan (anak) dan urusan mereka diserahkan kepada Allah. Sesiapa yang menasabkan seorang anak itu bukan kepada bapanya atau berwalikan yang bukan walinya kerana membenci mereka (bapa atau wali asal), maka ke atasnya laknat Allah sehingga hari kiamat dan Allah tidak menerima daripadanya satu amal pun sama ada yang wajib mahupun yang sunat."

Kemudian baginda berkata, "Adakah aku telah sampaikan? Adakah aku telah sampaikan? Adakah aku telah sampaikan?" Mereka menjawab, "Rasulullah SAW telah menyampaikan."

Rafi' bin Amru Al-Mazni Radhiyallahu 'Anhu telah menggambarkan peristiwa ini dengan berkata, "Aku telah sampai bersama bapaku pada Haji Wada' dan ketika itu aku masih lagi seorang budak kecil. Aku dapati

Rasulullah SAW berkhutbah kepada orang ramai di atas keldai yang berwarna putih, sambil Ali bin Abi Talib mengulangi pesanan baginda. Orang ramai ada yang duduk dan ada yang berdiri. Bapaku duduk dan aku mengendalikan unta sehinggalah aku sampai di keldai baginda. Aku memegang keldainya dan aku meletakkan tanganku di atas paha baginda. Kemudian aku mengusap keting baginda sehingga tapak kakinya dan aku masukkan telapak tanganku di antara capal dan kaki baginda. Aku mengelamun saat itu kerana dapat merasakan kedinginan tapak kaki baginda pada telapak tanganku."[197]

Sekiranya Rafi' bin Amru berasa takjub dengan kedinginan tapak kaki baginda SAW, kita pula berasa takjub dengan keindahan akhlak dan kebaikan baginda. Sesungguhnya jiwa baginda adalah jiwa yang diredai dan baginda merupakan ciptaan yang agung. Kita dapat melihat bagaimana Rasulullah SAW meneruskan khutbahnya dengan membiarkan seorang anak kecil mengusap kakinya dan memasukkan tangan di bawah tali capalnya. Baginda menunjukkan teladan melalui perbuatan dan perkataannya.



Jamrah Al-Sughra suatu masa dahulu.

Suasana melontar Jamrah Al-Wusto suatu masa dahulu.

Kemudian, tidakkah kamu rasa terpaku pada seruan baginda SAW selama tiga hari berturut-turut iaitu tiga hari yang paling mulia, pada bulan yang paling mulia dan di tempat yang paling mulia. “Sesungguhnya darah kamu, harta benda kamu dan kekayaan kamu adalah kemuliaan bagi kamu (haram diambil oleh orang lain) sebagaimana kemuliaan pada hari ini, bulan ini dan tempat ini.”

Baginda telah memagar mesej pengharaman darah ini dengan tembok yang kukuh daripada mampu dipanjat atau ditembusi. Namun 25 tahun selepas peristiwa ini, sebelum hilangnya gema laungan suara baginda; manusia dari kalangan umat Islam telah menumpahkan darah Khalifah Al-Rasyid. Kemudian (pada masa tersebut) bertembunglah pedang-pedang sebahagian daripada orang ramai yang berada dalam perhimpunan ini. Baginda seolah-olah dapat melihat perkara ghaib yang akan berlaku melalui tabir yang nipis. Inilah punca baginda mengulang-ulang seruan tersebut dan merayu dalam permintaannya ini.



Gambar Jamrah Al-Wusto suatu masa dahulu.

Maka penjelasan manakah yang lebih jelas dan keterangan manakah yang lebih terang terhadap kehormatan hak-hak ini berbanding keterangan dan penjelasan daripada Rasulullah SAW? Betapa besarnya musibah menodai kehormatan ini disebabkan ketamakan dunia dan betapa tragisnya apabila darah seorang Muslim ditumpahkan dengan menggunakan hujah agama dan jihad. Inilah keterangan dan penjelasan Rasulullah SAW serta penyaksian baginda menerusi sabdanya, “Ya,

Allah! Adakah telah aku sampaikan? Wahai Allah, saksikanlah!" Ya, Allah! Kami mohon perlindungan dan hidayah-Mu.

Melontar Jamarat (Jamrah)

Menjelang tengah hari ketika tergelincir matahari (zohor), Rasulullah SAW berjalan kaki menuju ke jamrah. Baginda bermula di Jamrah Al-Sughra. Sambil menghadap ke arah kiblat, baginda melontarnya dengan tujuh biji anak batu. Baginda bertakbir pada setiap lontaran batu. Kemudian baginda bergerak jauh sedikit ke hadapan untuk mengelak dari kesesakan orang ramai, lalu baginda mengangkat tangannya menghadap kiblat, bertakbir, bertasbih, bertahmid, berdoa dan merintih dengan panjang.

Kemudian baginda menuju ke Jamrah Al-Wusto dan melontarnya dengan tujuh biji anak batu sambil menghadap ke arah kiblat. Baginda bertakbir pada setiap lontaran batu, sepertimana baginda lakukan ketika di Jamrah Al-Sughra. Kemudian baginda beralih ke kiri menghadap ke arah kiblat lantas baginda mengangkat tangannya berzikir, berdoa dan merintih. Lama baginda berdiri di kedua-dua jamrah tersebut, hampir menyamai tempoh membaca Surah Al-Baqarah. Bahkan, tempoh masa baginda berdiri di jamrah kedua lebih lama berbanding jamrah yang pertama.

Setelah itu, baginda menuju ke Jamrah Al-'Aqabah lalu menghadap ke arahnya menjadikan Mina berada di sebelah kanan baginda dan kiblat di sebelah kirinya. Baginda melontar Jamrah Al-'Aqabah dengan tujuh biji anak batu sambil bertakbir pada setiap lontaran tanpa baginda berdiri lama di situ.[198]

Demikianlah juga yang baginda laksanakan pada hari ke-12 Zulhijah. Baginda menangguhkan (untuk keluar dari Mina) hingga hari ke-13 dan baginda tidak tergesa-gesa (untuk melakukan *nafar awal*). Baginda hanya berjalan kaki ke jamrah; pergi dan balik. Kadangkala baginda menunggang pulang dari jamrah.[199]



Masjid Al-Bay'ah di Lembah Ansar, Mina.

Masjid Al-Bay'ah dari dalam.

Dalam salah satu perjalanan baginda ke jamrah; ketika berada di Jamrah Al-'Aqabah, muncul seorang lelaki bertanya kepada baginda, "Wahai Rasulullah, apakah jihad yang paling utama?" Baginda diam. Kemudian ketika melontar jamrah yang kedua, pemuda itu bertanya lagi. Baginda tetap diam tidak menjawab. Sejurus selepas melontar di Jamrah Al-'Aqabah, sedang baginda meletakkan kakinya di rakap (pemijak) untuk menunggang, baginda bertanya, "Di manakah lelaki yang bertanya tadi?" Jawab lelaki itu, "Aku, wahai Rasulullah!" Baginda bersabda, "(Jihad yang paling utama ialah) perkataan yang benar di hadapan pemerintah yang zalim."[200]

Rasulullah SAW sangat bertoleransi dalam urusan melaksanakan manasik haji. Baginda diutuskan dengan agama yang lurus dan

bertoleransi, memudahkan manusia dan bersikap belas ihsan kepada mereka. Antara buktinya, baginda mengizinkan para pengembala melontar pada Hari Raya Korban, meninggalkannya (melontar) sehari dan melontar kembali pada hari berikutnya.[201] Baginda juga memberi keringanan kepada Al-Abbas Radhiyallahu 'Anhu untuk bermalam di Mekah kerana tugasnya memberi minum kepada jemaah haji.[202]

Tidak dicatat bahawa baginda semasa hajinya mengenakan dam (denda) kepada seseorang walaupun bilangan mereka yang berhimpun bersama baginda ramai, apatah lagi mereka baru sahaja memeluk Islam dan baru pertama kali melaksanakan ibadah haji. Bahkan baginda meraikan dan membiarkan mereka dengan berkata, "Buatlah dan tidak salah, tidak salah, tidak salah. Sesungguhnya Allah telah mengangkat kesulitan daripada kamu." Tindakan baginda ini bertepatan dengan firman Tuhannya;

> وَمَا جَعَلَ عَلَيۡكُمۡ فِي ٱلدِّينِ مِنۡ حَرَجٖ
>
> Dan la tidak menjadikan kamu menanggung sesuatu keberatan dan susah payah dalam perkara agama. – Surat al-Haj (22): 78

Imbauan Kenangan

Begitulah berlalunya tiga hari Rasulullah SAW di Mina. Lorong-lorong dan lembah-lembahnya telah menjadi saksi kepada seruan dakwah baginda yang terdahulu kira-kira 10 tahun yang lalu. Waktu di mana kabilah-kabilah Arab datang bertandang pada musim-musim haji dan baginda masuk ke lorong-lorong Mina untuk menyeru mereka kepada Allah. Namun kaumnya dengan berani menentangnya dan berterus-terang dengan kekufuran, memulakan permusuhan dan berpakat memulaukan baginda. Baginda mengingati semuanya ini. Bahkan lorong-lorong Mina juga mengingatkan baginda tentang masa silamnya ketika bersama baginda dan baginda juga mengenang semula masa lalunya bersama lorong-lorong Mina.

Pada suatu malam gelap, ketika baginda pergi memenuhi janji bertemu dengan sekelompok Ansar; mereka menyusup bertemu baginda secara diam-diam bagaikan burung *Al-Qata*[203] berbaiah untuk hijrah.

Baginda juga bergerak secara sembunyi-sembunyi agar tidak diketahui oleh mereka yang mengawasi pergerakan baginda. Adakah Mina mengingatkan Rasulullah SAW akan peristiwa ini dan selainnya? Untuk baginda menjawab apabila ditanya, “Di manakah kamu akan menginap esok, wahai Rasulullah?” Baginda menjawab, “Di Khayf Bani Kinanah, di mana mereka bersumpah atas kekufuran.”[204]



Lembah Bani Hashim.

Baginda memilih Lembah Bani Kinanah sebagai tempat baginda menginap apabila keluar dari Mina dengan tujuan untuk menzahirkan keindahan ciptaan Allah dan kebenaran segala janji-Nya. Lembah Bani Kinanah adalah tempat berlakunya perjanjian di antara Quraisy dan sekutu mereka Bani Kinanah untuk memulau Bani Hashim dan Bani Mutalib serta mengepung mereka di Lembah Bani Hashim. Mereka berjanji tidak akan berurus niaga dengan Bani Hashim dan tidak saling menikahi sesama mereka sehingga Bani Hashim menyerahkan Muhammad SAW kepada mereka.[205]

Mereka bersungguh-sungguh mahu memadamkan cahaya Allah, namun Allah menyempurnakan cahayanya walaupun dibenci oleh orang-orang kafir. Allah yang Maha Berkuasa atas segala urusannya, akan tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahuinya.

Sekarang Muhammad SAW berada di tempat yang sama. Allah telah menzahirkan agama Islam secara menyeluruh, memenangkan dan memuliakan baginda serta membuka (kota Mekah) untuknya dengan terang lagi nyata. Allah juga telah menyempurnakan agama-Nya untuk baginda dan menyempurnakan nikmat-Nya ke atas baginda, lalu manusia masuk ke dalam Islam secara berbondong-bondong. Baginda kini memimpin haji mereka, menerangkan kepada mereka syariat agama dan mengajar mereka melakukan segala manasik.

Baginda pun beredar setelah selesai melakukan manasik dan berhenti di tempat yang dahulunya Quraisy memeterai sumpah untuk berbuat zalim, permusuhan dan pemulauan sebagai benteng kesyirikan. Kali ini baginda pergi ke tempat itu sebagai tanda kesyukuran kepada Allah atas keindahan susunan-Nya dan kehalusan aturan-Nya.

Setelah selesai melontar pada hari ke-13, baginda pergi ke Al-Muhassab (Lembah Bani Kinanah)[206] sebelum solat zohor. Baginda dapati orang ramai mula beredar ke merata-rata tempat. Lalu baginda berkata kepada mereka, “Jangan ada seorang pun di antara kamu beredar pergi, sehingga akhir perbuatannya ialah tawaf di Baitullah.”[207]

Sebahagian daripada Al-Muhassab (Lembah Bani Kinanah).

Masjid Al-Ijabah di Al-Muhassab.

Rasulullah SAW Seorang Yang Mudah

Kemudian, Nabi Muhammad SAW turun ke Lembah Bani Kinanah. Hari ini ianya terletak di Al-Jumaizah iaitu sekitar bangunan Majlis Perbandaran Kota Suci Mekah. Di situ baginda menunaikan solat zohor, asar, maghrib dan isyak.[208] Pada malam tersebut, Aisyah Radhiyallahu 'Anha berkata kepada baginda, "Wahai Rasulullah, orang ramai pulang dengan umrah dan haji, sedangkan aku pula hanya pulang dengan haji!" Aisyah maksudkan bahawa dia tidak menunaikan umrah yang berasingan sebelum menunaikan haji sepertimana yang dilakukan oleh isteri-isteri Nabi SAW yang lain. Sebaliknya umrah Aisyah disertakan sekali dengan haji disebabkan ketika itu dia menanggung haid.

Rasulullah SAW pun berkata kepadanya, "Memadailah tawafmu di Baitullah Al-Haram untuk haji dan umrahmu." Aisyah tidak bersetuju. Dia berkata lagi, "Wahai Rasulullah, orang ramai bertolak menunaikan haji dan umrah, sedangkan aku pula bertolak menunaikan haji. Mereka pulang dengan dua ganjaran, sedangkan aku pulang dengan satu ganjaran." Balas Rasulullah SAW kepada Aisyah, "Sesungguhnya (ganjaran) bagi kamu itu sama seperti (ganjaran) bagi mereka."

Kata Aisyah, "Aku dapati bahawa diriku tidak bertawaf di Baitullah Al-Haram sehingga aku (dianggap) telah menyempurnakan haji." Rasulullah SAW adalah seorang yang sangat mudah. Sekiranya Aisyah menginginkan sesuatu, baginda akan menurutinya. Maka Rasulullah SAW pun memanggil saudara Aisyah iaitu Abdul Rahman dan berkata kepadanya, "Pergilah bersama saudara perempuanmu ini ke Tan'im. Sejurus kamu menuruni bukit di situ maka berihramlah untuk umrah. Sesungguhnya ia adalah umrah yang diterima. Kemudian selesaikanlah tawaf kalian berdua. Aku tunggu kalian di sini."

Kemudian baginda berkata kepada Aisyah, "Sesungguhnya bagi kamu pahala umrah mengikut kadar kesusahan dan belanja yang kamu keluarkan." Aisyah bertanya, "Wahai Rasulullah, tidak bolehkah aku memasuki Baitullah Al-Haram?" Yang dia maksudkan adalah Kaabah. Jawab Rasulullah SAW, "Masuklah ke dalam Hijr Ismail. Sesungguhnya ia sebahagian daripada Baitullah Al-Haram."

Aisyah bercerita (kisah tersebut): "Abdul Rahman memboncengku di atas belakang untanya. Semasa itu aku masih remaja. (Ketika dalam perjalanan) aku mangantuk, lalu mukaku terkena belakang pelana unta.[209] Pada malam itu, cuaca sangat panas. Aku pun membuka

tudungku dari leherku, lantas saudaraku memukul kakiku seperti melibas unta tunggangan. Aku berkata kepadanya, “Adakah engkau melihat sesiapa?” Kamudian kami sampai di Al-Tan’im. Aku pun berniat umrah dengan mengharapkan pahala umrah sepertimana orang ramai yang mengerjakan umrah. Kemudian aku kembali kepada Rasulullah SAW dan baginda masih berada di Al-Muhassab; belum lagi beredar.”



Masjid Al-Tan’im suatu masa dahulu.

Masjid Al-Tan’im sekarang. Dapat dilihat di hadapannya ada tanda-tanda batasan Tanah Haram.

Adapun Rasulullah SAW, baginda berbaring dengan lenanya di Al-Muhassab sehingga berlalunya sebahagian malam. Baginda bangun pada sepertiga malam yang terakhir untuk berjalan ke Kaabah bersama-sama dengan orang yang bersama dengannya bagi melaksanakan tawaf wada'. Lalu Aisyah pun datang kepada Nabi SAW ketika baginda masih berada di tempatnya pada akhir malam. Baginda bertanya, "Adakah kalian berdua telah selesai?" Jawab Aisyah, "Ya". Nabi berkata, "Ini adalah tempat umrahmu".[210]

Maka umrah Aisyah itu menjadi dalil bagi umat Islam atas pensyariatan umrah bagi penduduk Mekah. Ini bermakna, sesiapa yang sudah menunaikan umrah dan ingin mengerjakan umrah sekali lagi setelah tahallul, maka dia boleh melakukannya sebegitu. Ini bukanlah keberkatan pertama bagi ibu kita yang diberkati, Sayidatina Aisyah Radhiyallahu 'Anha.

Kemudian Rasulullah SAW memanggil para sahabatnya untuk bertolak. Tatkala baginda ingin berangkat, tiba-tiba isteri baginda Safiyyah muncul di pintu khemah dalam keadaan sedih dan muram. Ketika itu, dia sedang haid. Safiyyah berkata, "Sungguh aku berasa bahawa aku telah menghalang kalian daripada berangkat." Baginda bertanya, "Bukankah engkau telah bertawaf pada Hari Korban?" Dia menjawab, "Ya, benar." Nabi pun berkata, "Tidak mengapa, berangkatlah."[211] Menjadi suatu perkara sunnah bagi kaum perempuan; apabila sudah tawaf dengan tawaf ifadah, kemudian didatangi haid. Maka gugur daripadanya kewajipan tawaf wada'.

Ummu Salamah Radhiyallahu 'Anha juga ada mengadu kepada baginda bahawa dia sakit dan tidak mampu untuk bertawaf bersama dengan orang ramai. Lalu baginda berkata kepadanya, "Apabila didirikan solat subuh, maka bertawaflah kamu di atas untamu di belakang orang ramai ketika mereka sedang menunaikan solat."[212]

Tatapan Perpisahan

Kemudian Rasulullah SAW turun ke Masjid Al-Haram untuk melakukan tawaf wada'. Baginda masuk ke dalam Masjid Al-Haram, lalu bertawaf di Kaabah dengan tawaf wada' pada waktu sahur. Sebaik sahaja baginda selesai melakukan tawaf, cahaya fajar pun menembusi ufuk, lantas azan subuh pun dilaungkan. Kemudian baginda mengimamkan solat subuh dengan membaca Surah al-Tur secara perlahan, tidak gopoh.[213] Ini merupakan solat terakhir yang baginda tunaikan secara berhadapan

dengan Kaabah. Inilah juga tatapan terakhir yang dinikmati oleh kedua-dua mata baginda bagi melihat Baitullah yang agung, yang sentiasa menyeronokkan setiap kali memandangnya.

Kemudian Rasulullah SAW keluar dari Mekah iaitu dari bahagian yang paling rendah yang dikenali sebagai Al-Shubaikah. Baginda melalui Jalan Kuday[214] yang hari ini dikenali dengan nama Rai'u Al-Rassam. Baginda bergerak sehingga tiba di Zi Tuwa[215] iaitu tempat yang baginda singgah ketika memasuki Mekah bagi membolehkan para sahabat dan orang ramai yang tertinggal dapat bersama-sama menyertai baginda.



Rai'u Al-Rassam (Jalan Kuday).

Rasulullah SAW dan kabilah-kabilah yang bersama-sama baginda beredar dari Mekah menuju ke tempat masing-masing. Bertebaranlah rombongan yang ramai itu melalui laluan-laluan di muka bumi, setelah menempuhi sepuluh malam yang sangat penting bersama Rasulullah SAW. Mereka tidak tahu bahawa lambaian perpisahan baginda kepada mereka merupakan lambaian perpisahan dunia. Sesungguhnya hari-hari mereka bersama baginda pada kali ini merupakan hari-hari terakhir kehidupan baginda. Sesungguhnya baginda telah menamatkan tugasnya di atas muka bumi, melaksanakan apa yang dipertanggungjawabkan ke atasnya. Hanya masih ada dua bulan dan beberapa hari sahaja, kemudian baginda akan bertemu Allah Ta'ala di tempat yang tertinggi.



Peta keluar dari Mekah.

Bahagian 7

Emosi Perpisahan

Saya dapati ketika Nabi SAW keluar dari Mekah, terkumpul perasaan bercampur baur dan emosi tidak menentu yang menyekat kata-kata ketika anda cuba menjelaskannya. Cukuplah untuk anda membayangkan suasana itu, pasti ianya meruntun hati dan menggoncang perasaan. Saya cuba untuk membayangkan perasaan baginda pada waktu subuh itu (ketika solat terakhir di hadapan Kaabah). Saya membayangkan bahawa wujud perasaan bercampur baur yang bergejolak dalam hati baginda yang besar lagi bercahaya itu, iaitu perasaan yang bercampur antara kegembiraan atas kesempurnaan agama dan derita perpisahan.

Perasaan gembira dengan kesempurnaan nikmat dan agama, penyampaian risalah dan kesempurnaan haji. Juga gembira dengan kurniaan Allah dan belas kasih-Nya, serta rasa syukur kepada Allah atas kebenaran janji-janji-Nya. Sebab itu baginda tidak henti-henti menzahirkan rasa syukur tersebut di puncak Safa dan Marwah dengan menyebut, "Tiada Tuhan selain Allah. Dia menepati janji-Nya dan memberi kemenangan kepada hamba-Nya serta mengalahkan tentera Ahzab dengan keesaan-Nya."[216]

Suasana Haji Wada' adalah suasana kebenaran janji Allah kepada Nabi-Nya. Bukankah Allah telah menjanjikan baginda;

لِيُظْهِرَهُۥ عَلَى ٱلدِّينِ كُلِّهِۦ وَلَوْ كَرِهَ ٱلْمُشْرِكُونَ ﴿٣٣﴾

Untuk dimenangkan dan ditinggikannya atas segala agama yang lain, walaupun orang-orang musyrik tidak menyukainya. – Surah al-Taubah (9): 33

Ambillah Mekah ini, yang sekarang telah bersedia untuk agama baginda. Terimalah delegasi kabilah-kabilah yang datang bersilih ganti dari segenap penjuru Semenanjung Arab untuk beriman kepada baginda dan mengikuti petunjuknya. Setelah datangnya bantuan Allah dan pembukaan (kota Mekah), lalu manusia masuk agama Allah secara berbondong-bondong.

Sarif berada dalam perjalanan antara Mekah dan Madinah. Di sini baginda SAW menikahi Ummul Mukminin Maimunah binti Al-Harith pada tahun ketujuh Hijrah dan di sini juga Maimunah meninggal dunia pada tahun 51 Hijrah.



Harrah Dhajnan berada dalam perjalanan antara Mekah dan Madinah. Dikatakan bahawa di sini turunnya Surah al-Fath ketika baginda dalam perjalanan pulang dari Hudaibiyah.

Saya seolah-olah dapat merasakan kegembiraan Nabi Muhammad SAW terhadap umatnya. Disebabkan umatnya juga, baginda memenuhkan hatinya dan membahagiakan hidupnya. Perasaan baginda diselubungi rasa syukur terhadap Tuhannya dengan janji yang tertunai dan kesempurnaan nikmat-Nya. Keadaan ini, melimpahkan lagi ketenangan dan keredaan ke atas diri baginda. Baginda berjalan di atas bumi dengan perasaan dan kerinduannya berada di kedudukan yang tertinggi!

Saya dapat merasakan keperitan sebuah perpisahan, tatkala saya membayangkan Rasulullah SAW menyusur keluar dari Jalan Kuday. Gunung-ganang Mekah mula menghijab (menutupi) rumah-rumah warganya sedikit demi sedikit dan langkahan unta baginda perlahan-lahan mula menjauhkan baginda dari Mekah. Baginda meninggalkan Mekah yang merupakan negeri tempat baginda dibesarkan dan diutuskan menjadi rasul. Mekah adalah negeri yang paling Allah dan baginda cintai, tetapi pada hari ini baginda mengucapkan selamat tinggal kepadanya.

Adakah baginda akan berpaling semula ke sana seperti yang baginda lakukan tiga tahun lalu? Iaitu pada hari baginda meninggalkannya ketika melaksanakan Umrah Al-Qadha. Baginda memandangnya dengan pandangan perpisahan. Ketika itu baginda berada di Al-Hazwarah.[4] Adakah pada hari ini baginda akan mengucapkan kata-kata seperti apa yang diucapkannya ketika itu? “Demi Allah, kamu (Mekah) adalah sebaik-baik bumi Allah dan bumi Allah yang paling Allah cintai. Kalaulah bukan kerana aku diusir daripada kamu, nescaya aku tidak akan keluar (meninggalkan Mekah).”[217]

Tetapi perpisahan baginda kali ini bukanlah sepertimana perpisahan sebelum ini. Kali ini baginda akan keluar berpisah dengan Mekah dan para penduduknya. Baginda semakin dekat untuk berpisah daripada kehidupan ini tidak lama lagi!

Wahai Tuhan! Bagaimana perasaan dan emosi baginda ketika keluar dari Mekah sedangkan baginda mengetahui bahawa perpisahan kali ini adalah perpisahan yang terakhir? Bagaimanakah baginda memandang ke arahnya (Mekah) sedang baginda mengetahui bahawa itu adalah pandangan terakhir? Bagaimana kenangan-kenangan Mekah menggamit, walhal ia merupakan gedung kehidupan baginda dan usia

[4] Al-Hazwarah iaitu kawasan tinggi yang bertentangan dengan laluan sa’ie. Sejak dahulu dan sampai sekarang ia adalah salah satu daripada pasar Mekah dan dikenali hari ini sebagai Al-Qashashiyah. Lihat *Mu’jam al-Buldan* : 2/255 dan *Mu’jam al-Maa’lim al-Jughrafiyyah fi al-Sirah al-Nabawiyyah*: ms. 98.

hidupnya. Di kota itulah baginda melalui zaman kanak-kanaknya, zaman remajanya, zaman dewasanya dan zaman kematangannya menyusuri lembah-lembahnya, lorong-lorongnya, gunung-ganangnya, jalan-jalannya, masjidnya dan Kaabahnya. Di segenap penjuru Mekah tercatat hari-hari usianya yang berlalu dan peristiwa-peristiwa kehidupan yang dilaluinya.



Kura' Al-Ghamim berada dalam perjalanan antara Mekah ke Madinah. Hari ini dinamakan sebagai Abraq Al-Ghamim.



Thaniyyah (laluan berbukit) Ghazal yang berada dalam laluan ke Madinah.

Apakah yang diucapkan oleh gunung-ganang Mekah yang bertasbih bersama baginda? Apakah yang diucapkan oleh batu-batuannya yang pernah memberi salam kepada baginda?[218] Apakah yang diucapkan oleh debu-debunya yang sentiasa menampung kaki baginda ketika berjalan dan menyambut wajahnya yang mulia ketika bersujud? Apakah yang akan diucapkan oleh lereng-lereng bukit Mekah yang dilewati baginda dan rumah-rumah di sekitarnya?

Alangkah deritanya sebuah perpisahan! Maka bagaimana pula orang yang mengetahui bahawa itu adalah perpisahan yang tiada lagi pertemuan sesudahnya? Sebagaimana sabda Nabi, "Barangkali, aku tidak akan berjumpa kalian selepas tahun ini?"[219] Apakah perasaan baginda SAW saat dirinya meninggalkan Mekah dan melihatnya dengan pandangan yang terakhir, pada hari-hari terakhir hidup baginda dan langkahan terakhir baginda kepadanya?

Siapakah yang mampu menyelami keseluruhan perasaan ini, lalu menggambarkan dan memotretkannya? Siapakah yang mampu merasai perasaan ini dan menjelaskannya? Di manakah puisi para penyair dan kefasihan ahli bahasa yang boleh menjelaskan atau mendekatkan kita kepada perasaan ini? Adapun kami, cukuplah kami dapat membayangkan situasi itu sehingga membuatkan jantung bergetar dan perasaan jadi berkecamuk bagi mendekatkan suatu keadaan kepada keadaan lain!

Alangkah baiknya kalau saya dapat merasakan; apakah perasaan penduduk Mekah ketika mereka melihat unta Rasulullah SAW mendaki Jalan Kuday, berjalan keluar menuju ke Madinah? Bagaimanakah jantung mereka bergetar tatkala mata mereka memandang ke arah unta Nabi yang semakin menjauhi mereka, meluncur di dataran lalu menghilang di sebalik gunung-ganang?

Sekarang baginda keluar dari kalangan mereka selepas tinggal bersama mereka selama sepuluh hari. Setiap satu hari seolah-olah setara dengan satu tahun daripada sepuluh tahun ketiadaan baginda bersama mereka. Adakah begini (reaksi mereka) setelah mereka beriman kepadanya, mengikutinya, mengasihinya, bermegah dan berbangga dengannya serta hati mereka berpaut pada baginda dengan penuh kecintaan dan penghormatan; sedangkan mereka hanya mampu melihat baginda keluar dari negeri mereka menuju ke tempat baginda berhijrah?



Thaniyyah (laluan berbukit) Lift.



Thaniyyah (laluan berbukit) Lift di laluan haji. Laluannya telah melencong dan dilitupi pasir.

Bagaimana jika mereka mengetahui bahawa baginda akan meninggalkan Mekah dan hampir berpisah dengan hidupnya, pandangan mereka kepada baginda dalam sinaran mentari hari ini merupakan pandangan yang terakhir dan perpisahan ini adalah perpisahan yang tidak ada lagi pertemuan selepas itu?

Ketika Mekah dan penduduknya mengucapkan selamat tinggal kepada baginda, orang ramai yang datang dari seluruh pelosok

Semenanjung Arab pun turut mengucapkan selamat tinggal kepada baginda. Delegasi-delegasi yang mengiringi baginda dari Madinah juga turut bertebaran pulang. Mereka datang bertemu Nabi Muhammad SAW di Madinah dan berjalan bersama-sama baginda untuk mencontohi baginda dalam ibadah haji mereka. Setelah menyelesaikan rukun haji, setiap orang daripada mereka mula beredar untuk pulang ke negeri masing-masing. Mereka yang masih mengiringi baginda adalah dari kalangan Muhajirin dan Ansar serta orang-orang yang mendiami di sepanjang laluan baginda.

Rombongan Nabi SAW telah bertolak dari Mekah ke Madinah melalui jalan yang mereka lalu ketika datang. Dataran meluncur dalam perjalanan mereka dan gunung-ganang turut mengelilingi mereka. Orang ramai yang bersama Rasulullah SAW turut mengalunkan zikir sama seperti ketika mereka datang, suasana dipenuhi dengan gema laungan talbiah. Setiap kali mendaki kawasan tinggi, mereka akan bertakbir membesarkan Allah dan setiap kali menuruni lembah, mereka akan bertasbih kepada Allah.[220]

Dengan itu, mereka menuntut persaksian gunung-ganang dan lembah-lembah di bumi untuk mengagungkan Allah dan menyucikan-Nya. Mereka mengimarahkan gurun yang luas dan padang pasir yang tandus itu dengan ibadah dan zikir kepada Allah. Seolah-olah gunung-ganang, batu-batuan dan pepohonan turut menyahut takbir dan tasbih mereka. Firman Allah Ta'ala;

وَإِن مِّن شَيْءٍ إِلَّا يُسَبِّحُ بِحَمْدِهِۦ

Dan tiada sesuatu pun melainkan bertasbih dengan memujiNya. – Surah al-Israk (17): 44

Imej udara menunjukkan Ghadir Khum dan Al-Juhfah.

Wadi Al-Juhfah yang terletak di sebelah atasnya Ghadir Khum.

Bahagian 8

Di Al-Ghadir

Setelah baginda menempuh perjalanan selama empat hari dan sampai di Al-Juhfah (tempat itu berada di pertengahan jalan ke Madinah), baginda pun mengambil jalan ke arah kanan lalu menuju ke tempat yang tidak berapa jauh dari Al-Juhfah yang dinamakan Ghadir Khum. Di situ, terdapat sebuah mata air yang terletak di bahagian atas wadi yang dipenuhi pepohon. Tempat ini sesuai untuk istirahat ahli rombongan serta sebagai tempat berteduh di samping untuk mengenyangkan unta-unta mereka.

Sebaik sahaja sampai di situ, para sahabat pun bertebaran di antara naungan pepohonan untuk berehat dari kepayahan pengembaraan dan keletihan perjalanan yang dilalui. Ketika matahari tergelincir (masuk waktu zohor), mereka mendengar seruan dari kalangan mereka, "Ayuh solat berjemaah!"[5] Itu adalah seruan yang memeranjatkan sehingga membuatkan orang ramai berkumpul. Mereka turut menyediakan tempat untuk Rasulullah SAW berkhutbah yang terletak di antara dua pokok akasia. Tempat tersebut disapu serta dibersihkan daripada duri-duri dan ranting-ranting pokok yang kebiasaannya jatuh. Lalu dilemparkan pada pokok tersebut sehelai kain bertujuan untuk menaungi baginda kerana cuaca pada hari itu sangat panas.

Orang ramai berhimpun di hadapan Rasulullah SAW. Mereka yang sudah bergerak ke depan mendahului orang lain, telah pun berpatah balik kepada baginda. Manakala bagi yang lewat pula, mereka menyusuli baginda kemudian. Baginda mendirikan solat zohor, kemudian berdiri untuk berucap. Baginda melafazkan ucapan syukur kepada Allah dan memuji-Nya serta menyampaikan pesanan dan peringatan kepada orang ramai dengan berkata, "Wahai sekalian manusia, adakah aku telah

[5] Sila rujuk *Syarh Sahih Muslim* oleh Imam Al-Nawawi: 80/18.

menyampaikan risalah?" Mereka menjawab, "Ya." Lalu Baginda berkata, "Ya, Allah! Saksikanlah. Ya, Allah! Saksikanlah. Ya, Allah! Saksikanlah."

Gambar lama Ghadir Khum.

Sambung baginda lagi, "Adapun kemudian daripada itu, wahai sekalian manusia! Sesungguhnya aku adalah seorang manusia. Tidak lama lagi, seorang 'utusan Tuhanku' (malaikat) akan datang kepadaku dan aku perlu menuruti perintahnya. Aku tinggalkan dua perkara yang berat untuk kalian iaitu yang pertama Kitab Allah Ta'ala. Di dalamnya terdapat petunjuk dan cahaya. Itu adalah tali Allah. Sesiapa yang berpegang dan mengambil pelajaran daripadanya, maka dia akan dapat petunjuk. Namun sesiapa yang meninggalkan dan menyalahinya (salah dalam memahaminya), maka sesungguhnya dia telah berada dalam kesesatan. Oleh itu, ambillah Kitab Allah dan berpegang teguhlah dengannya."

Baginda memberi galakan untuk berpegang dengan Kitab Allah dan mendorong kepadanya. Baginda menyambung lagi, "Dan (yang kedua) ahli keluargaku. Aku ingatkan kamu kepada Allah berkenaan ahli keluargaku! Aku ingatkan kamu kepada Allah berkenaan ahli keluargaku! Aku ingatkan kamu kepada Allah berkenaan ahli keluargaku."

Kemudian baginda memegang tangan Sayidina Ali Radhiyallahu 'Anhu dan menariknya supaya berdiri. Baginda bertanya kepada orang ramai, "Tidakkah kamu tahu bahawa aku lebih utama bagi orang-orang mukmin, melebihi diri mereka sendiri?" Mereka menjawab, "Ya." Baginda bertanya lagi, "Tidakkah kamu tahu bahawa aku lebih utama bagi orang-

orang mukmin, melebihi diri mereka sendiri?" Mereka menjawab, "Ya." Baginda bertanya sekali lagi, "Tidakkah kamu tahu bahawa aku lebih utama bagi orang-orang mukmin, melebihi diri mereka sendiri?" Mereka menjawab, "Ya."

Sekali lagi baginda bertanya, "Tidakkah kamu tahu bahawa aku lebih utama bagi semua orang mukmin, melebihi diri mereka sendiri?" Mereka menjawab, "Ya, kami menjadi saksi! Kamu lebih berhak bagi setiap mukmin, melebihi dirinya sendiri." Sabda baginda lagi, "Bagi sesiapa yang menjadikan aku sebagai tuannya, maka Ali juga adalah tuannya. Ya, Allah! Kau jadilah penjaga kepada mereka yang menjadikan (Sayidina Ali) sebagai tuannya dan Kau bermusuhlah dengan mereka yang memusuhinya."[221]

Ya, Tuhan! Bagaimanakah perasaan Sayidina Ali ketika berada dalam ribuan manusia yang berada di sekeliling Rasulullah SAW, tetapi hanya dia yang paling akrab dan hampir dengan diri baginda? Bagaimana perasaan Ali ketika tangannya berada dalam genggaman tangan Rasulullah SAW dan baginda mengangkatnya di hadapan ribuan orang? Apa perasaan Ali ketika dua cuping telinganya terdengar ucapan Rasulullah SAW, "Sesiapa yang menjadikan aku sebagai tuannya, maka Ali adalah tuannya!"?



Gambar lama kawasan Al-Ghadir selepas dikambus oleh ribut pasir.

Gambar lama kolam air Al-Ghadir.

Kesejahteraan Allah ke atasmu wahai Abu Al-Hassan (gelaran kepada Sayidina Ali). Sesungguhnya, kurniaan Allah ke atasmu sangat besar. Kamu berhak untuk bergembira dan berbahagia dengannya. Firman Allah Ta'ala;

قُلْ بِفَضْلِ ٱللَّهِ وَبِرَحْمَتِهِۦ فَبِذَٰلِكَ فَلْيَفْرَحُوا۟ هُوَ خَيْرٌ مِّمَّا يَجْمَعُونَ ﴿٥٨﴾

Katakanlah (wahai Muhammad); "Kedatangan Al-Quran itu adalah semata-mata dengan limpah kurnia Allah dan kasih sayang-Nya, maka dengan isi kandungan Al-Quran itulah hendaknya mereka bersukacita (bukan dengan yang lainnya) kerana ia lebih baik daripada apa yang mereka himpunkan (dari segala benda dan perkara yang tidak kekal)." – Surah Yunus (10): 58

Ucapan Nabi ini sebagai penegasan terhadap kedudukan Ali, kehebatan haknya dan kewajipan taat setia kepadanya kerana telah timbul rasa kurang senang dalam kalangan beberapa orang sahabat terhadap Ali. Mereka telah bercakap-cakap tentangnya sepanjang

musim haji dan perkara ini telah sampai kepada Rasulullah SAW. Mereka telah mengkritik beberapa tindakan yang diambil oleh Ali semasa beliau memimpin pasukan tentera yang diutus oleh Rasulullah SAW ke Yaman sebelum haji.

Bahkan, tindakan Ali dalam urusan harta rampasan perang telah dikecam oleh sebahagian daripada mereka dan mereka telah bercakap-cakap mengenainya. Sesungguhnya Ali adalah seorang mujtahid yang sentiasa tepat dalam membuat sesuatu ijtihad. Beliau sangat peka dalam mencari kebenaran dan sentiasa bersikap sederhana. Maka Nabi Muhammad SAW telah memuji tindakannya, menjelaskan kedudukannya dan menegaskan haknya. Seolah-olah ketika di tempat itu; baginda mahu segala kekotoran itu dibersihkan daripada diri (para sahabat) dan menyucikannya serta memperdamaikan mereka sebelum baginda sampai di Madinah.

Sesungguhnya diri (para sahabat) telah dibersihkan dan mereka tahu status serta kedudukannya (Ali) sehinggakan Buraidah bin Al-Husaib berkata tentang Sayidina Ali, “Tidak ada seorang pun manusia selepas ucapan Rasulullah SAW yang lebih aku cintai berbanding Ali.”[222] Berkata pula Umar Radhiyallahu ‘Anhu kepada Ali, “Tahniah, wahai anak Abu Talib. Sesungguhnya engkau dalam keadaan pagi dan petang telah menjadi pemimpin kepada semua orang lelaki dan perempuan yang beriman.”[223]

Sesungguhnya pendirian ini merupakan pengiktirafan Rasulullah SAW terhadap Sayidina Ali yang mendahului menerima Islam. Pada hari dia memeluk Islam, ketika itu orang lain masih ragu-ragu. Namun dia tampil ke depan, sedangkan yang lain mengundur ke belakang. Apatah lagi keislamannya dipenuhi dengan keimanan yang menambahkan lagi keyakinan dan penampilannya yang menambahkan lagi kekuatan. Sumbangannya kepada agama dan Rasulnya adalah sumbangan yang paling besar, paling mulia dan paling dermawan.

Kawasan Al-Ghadir yang berada di susur jambatan kereta api antara dua Tanah Suci.



Ahli sejarah; Sheikh Dr. Ahmad Al-Nu'mani berdiri di kawasan yang dikatakan tempat Rasulullah SAW solat di Ghadir Khum.

Ia adalah sebaik-baik janji Rasulullah SAW kepada Ali. Baginda bersabda, "Bahawasanya menepati janji itu adalah sebahagian daripada iman."[224] Syiah Imamiah mempunyai riwayat lain tentang hadis Al-Ghadir. Konteks mereka juga berbeza-beza antara riwayat; dari yang pendek dan yang panjang serta yang umum dan yang terperinci. Tetapi riwayat-riwayat tersebut mempunyai persamaan tentang temanya iaitu wasiat supaya Ali dijadikan sebagai imam (pemimpin umat Islam) dan pengganti selepas Rasulullah SAW.

Menurut mereka, bahawasanya Allah Ta'ala telah mewahyukan kepada Nabi SAW tentang perkara itu dan Dia menyuruh Nabi untuk menyampaikan perkara tersebut. Maka Nabi pun menyampaikan khutbahnya di Ghadir Khum. Lalu baginda memegang tangan Ali dan berkata, "Sesungguhnya Ali bin Abi Talib adalah saudaraku, pewarisku, penggantiku dan pemimpin selepasku… dengarlah dan taatlah (perintahnya)…"[225]

Lalu para sahabat kesemuanya pun berbaiah (mengaku taat setia) kepada Sayidina Ali termasuklah Abu Bakar, Umar, Uthman, Muhajirin, Ansar dan yang lain-lain. Namun kesudahan kepada perjanjian dan wasiat ini, ianya telah dicabuli dan disanggah pada hari kewafatan Nabi Muhammad SAW. Hak Sayidina Ali telah dirampas, perjanjian dengan baginda telah disanggah dan memorandum itu dibatalkan. Lalu jawatan khalifah sebelum Ali telah dijawat oleh tiga orang daripada sahabat Nabi yang telah berbaiah kepada Ali di Al-Ghadir. Inilah riwayat menurut versi mereka (Syiah Imamiah)!

Di sini kita tertanya-tanya; adakah boleh dibayangkan bahawa rombongan yang berkumpul bersama Nabi Muhammad SAW dari pelbagai kabilah dan merata pelosok boleh sama-sama bersepakat untuk menyembunyikan perjanjian ini, mengingkarinya dan tidak mahu menunaikannya?

Pokok akasia di wadi sekitar Ghadir Khum. Nabi Muhammad SAW telah menyampaikan ucapannya di bawah dua batang pokok akasia.

Kanopi pokok-pokok akasia di sekitar Ghadir Khum.

Sesungguhnya, setiap rahsia yang dikongsi melebihi dua orang ianya pasti akan tersebar. Inikan pula seruan baginda dalam sebuah ucapan umum yang diseru dengan seruan kecemasan, “Ayuh, solat berjemaah!” Nabi SAW telah memberikan penegasan pada sebuah perjanjian dan akad. Selepas itu mereka bersurai menuju ke daerah dan kabilah mereka. Maka, tidakkah berita ini tersebar dan diketahui oleh orang ramai? Namun, tidak muncul pula sebarang bantahan daripada mereka yang hadir dan yang mendengar apabila berlaku sesuatu yang bercanggah dengan pesanan Nabi SAW?

Kita tidak mendengar bahawa ada seseorang yang bangun lalu membantah apa yang berlaku semasa pelantikan Abu Bakar Radhiyallahu ‘Anhu sebagai khalifah. Tiada juga kabilah-kabilah di sekitar Madinah yang datang untuk membantah atau meminta penjelasan ataupun terkejut? Semua ini menunjukkan bahawa tidak ada sebab untuk sebarang bantahan mahupun kejutan. Sesungguhnya, tidak ada sebarang wasiat mahupun perjanjian terdahulu yang membolehkan mereka mengingkari apa yang berlaku!

Di sana terdapat dalil-dalil lain yang boleh difahami dengan pandangan yang adil bagi orang yang ingin mencari kebenaran.[6] Hanya kepada Allah kita memohon agar Dia memberi hidayah pada kebenaran perkara yang diperselisihkan dengan izin-Nya. Sesungguhnya Dia memberi petunjuk ke arah jalan yang lurus kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya.

[6] Lihat *Kitab Hadith al-Ghadir*. Di dalamnya ada lebih kurang 40 dalil menjelaskan hakikat apa yang berlaku di Al-Ghadir. Juga disebut dengan lebih mendalam berkenaan ucapan baginda di Ghadir Khum, faktor-faktor sebelum dan sesudah ucapan serta perbincangan terperinci tentang konteksnya.

Sebahagian daripada jalan yang melintasi Wadi Qudaid.

Harrah Al-Mushallal. Di laluan inilah dahulu terletaknya khemah Ummu Ma'bad.

Bahagian 9

Saki-baki Perjalanan

Unta Nabi bertolak dari Ghadir Khum dan menghubungkan baginda dengan jalan menuju ke Madinah. Abu Bakar Al-Siddiq Radhiyallahu 'Anhu adalah sahabat yang paling hampir dan dekat dengan baginda waktu itu. Saya seolah-olah dapat melihat Abu Bakar bersama-sama Rasulullah SAW dalam perjalanan tersebut. Saya tertanya-tanya; adakah terlintas kenangan-kenangan lalu dalam fikiran Abu Bakar saat dia berjalan dengan Nabi bersama ahli rombongan yang lain di sampingnya?

Adakah dia masih ingat hari dia bersama Nabi Muhammad SAW melalui jalan yang serupa pada sepuluh tahun yang lalu, ketika hanya mereka berdua sahaja bersama-sama berhijrah ke Madinah dalam keadaan bersembunyi dari pengawasan (kafir Quraisy) di depan mereka dan mengejar dari belakang mereka?[226] Adakah dia masih ingat saat-saat melintasi Qudaid, Suraqah bin Malik menghambat dengan kudanya dari arah belakang untuk menangkap mereka?[227] Adakah dia masih ingat khemah Ummu Ma'bad dan kambing-kambingnya ketika melintasi Al-Mushallal?[228]

Adakah dia masih ingat kepada batu besar yang telah memayungi mereka dan gua (Thur) yang melindungi mereka berdua?[229] Adakah masih terngiang-ngiang lagi di telinganya ungkapan Nabi Muhammad SAW kepadanya, "Jangan bersedih, sesungguhnya Allah bersama kita. Wahai Abu Bakar, jangan engkau menyangka kita hanya berdua, bahkan Allah adalah yang ketiga?[230]

Salah satu kawasan hentian di laluan antara Mekah dan Madinah yang hari ini dikenali sebagai ‘Ain Ibn Bazi’.

Salah satu laluan di jalan Wadi Al-Qahah.

Seolah-olah semua tanda dan penunjuk jalan memanggilnya sambil berkata, “Dari sinilah kalian lalu! Di sinilah kalian duduk! Di tempat teduh inilah kalian berehat! Di dataran itulah kalian bermalam! Di sinilah baginda bercakap dengan kamu! Di sanalah kamu bercakap kepada baginda!” Adakah Abu Bakar masih mengingati jalan itu dan jalan ini?

Jalan ini pergi ke mana dari jalan itu? Betapa singkatnya tempoh sepuluh tahun dalam umur masa dan betapa besarnya peristiwa-peristiwa yang berlaku silih berganti dalam tempoh itu!

Hari ini, dia (Abu Bakar) berjalan bersama Rasulullah SAW dan Allah telah memenuhi janji-Nya dengan memberikan kemenangan kepada hamba-Nya. Telah datang pertolongan Allah dan pembukaan kota Mekah, maka manusia masuk ke dalam agama Allah secara berbondong-bondong. Adakah kenangan telah singgah bertalu-talu ke dalam hati nurani Syeikh Islam dan Muslimin, Abu Bakar Al-Siddiq? Tidakkah dia mengimbau kenangan itu sambil berjalan bersama Nabi secara terang-terangan pada hari ini, sedangkan suatu hari yang lalu mereka berdua pernah berjalan secara sembunyi-sembunyi di laluan ini?

Adakah dia masih ingat ketika dia berjalan dengan Nabi Muhammad SAW dan bersamanya ribuan manusia yang lain, sedangkan suatu hari yang lalu dia berjalan bersama Nabi di jalan ini menuju ke arah yang sama. Ketika itu hanya mereka berdua sahaja tanpa ditemani oleh sesiapa. Firman Allah Ta'ala;

وَٱذْكُرُوٓاْ إِذْ كُنتُمْ قَلِيلًا فَكَثَّرَكُمْ

Dan ingatlah semasa kamu dahulu sedikit bilangannya lalu Allah menjadikan kamu kembang ramai. – Surah al-A'raf (7): 86

Saya dapat merasai perasaan kegirangan dan kesyukuran menyelubungi hati dan diri Abu Bakar Al-Siddiq. Syukur yang tidak terhingga kepada Allah yang mengisi hati nuraninya dengan apa yang gagal dikecapi oleh penghuni dunia akan kenikmatannya.

Telaga Al-Masnu' di Qudaid yang terletak di laluan perjalanan haji.

Salah satu daripada telaga-telaga yang terdapat di laluan perjalanan haji.

Menjadi penyejuk mata buat Abu Bakar Al-Siddiq ketika berjalan bersama Nabi Muhammad SAW; dia melihat dalam perjalanannya bibit-bibit kegembiraan, kesudahan yang baik dan perubahan yang positif. Bagaimana pula emosi dan perasaan golongan Muhajirin? Tidakkah kenangan-kenangan itu mengetuk-ngetuk jiwa mereka semasa mereka berjalan bersama Rasulullah SAW secara terang-terangan di muka bumi ini?

Adakah mereka masih ingat, di suatu hari mereka keluar dari Mekah secara sembunyi-sembunyi melalui jalan yang sama ini. Mereka menyusup keluar berhijrah (ke Madinah) dengan membawa agama mereka kepada rasul mereka? Mereka meninggalkan negeri, harta dan ahli keluarga mereka menuju ke negeri yang di sana mereka tidak ada harta dan ahli keluarga.

Bagaimana perasaan mereka pada hari ini, tatkala kembali semula bersama Rasulullah SAW dari Mekah ke Madinah seolah-olah mengulangi kembali perjalanan pertama mereka dalam hijrah yang terdahulu? Tetapi sungguh berbeza perjalan hari itu (semasa hijrah) berbanding perjalanan ini! Di sini mereka melihat ketulusan janji Allah kepada mereka. Saya merasakan seolah-olah saya bersama mereka, mengulang-ulang dalam hati dan degup jantung mereka akan firman Allah Ta'ala;

هَٰذَا مَا وَعَدَنَا ٱللَّهُ وَرَسُولُهُۥ وَصَدَقَ ٱللَّهُ وَرَسُولُهُۥ

Inilah yang telah dijanjikan Allah dan Rasul-Nya kepada kami dan benarlah (apa yang telah dijanjikan) Allah dan Rasul-Nya". – Surah al-Ahzab (33): 22

Bagaimana emosi mereka ketika merasai sebuah penghormatan daripada Allah Ta'ala untuk mereka? Pada masa Allah menyebut bahawa mereka berada di kedudukan tertinggi dengan mengkhususkan dan menyucikan mereka menerusi firman-Nya;

وَٱلسَّٰبِقُونَ ٱلْأَوَّلُونَ مِنَ ٱلْمُهَٰجِرِينَ

Dan orang-orang yang terdahulu iaitu yang mula-mula (berhijrah dan memberi bantuan) dari orang-orang 'Muhajirin'. – Surah al-Taubah (9): 100

Bagaimana perasaan mereka hari ini ketika mereka melihat Nabi Muhammad SAW menjaga kedudukan mereka ini lalu bersabda kepada golongan yang cuba mencapai kedudukan tersebut, "Tiada lagi hijrah selepas pembukaan kota Mekah. Hijrah telah berlalu bagi ahlinya."[231]

Hari ini mereka berjalan di laluan sama iaitu jalan yang mereka lalui untuk pertama kalinya sewaktu hijrah; seolah-olah semua tanda jalan, simbol-simbol dan petunjuk-petunjuk yang ada sedang bercakap kepada setiap orang yang sedang berjalan, “Kamulah, kamulah dari golongannya. Tidak sekali-kali ada orang lain yang akan bergabung dengan kamu melainkan kamu sahaja.” Sebagaimana sabda baginda, “Hijrah telah berlalu bagi ahlinya.”



Kawasan Al-Muhaiyatah yang merupakan salah satu tempat persinggahan laluan haji. Ia merupakan salah satu tempat solat Nabi Muhammad SAW ketika dalam perjalanan hajinya.

Lokasi Masjid Al-Baidha’. Dikatakan ianya salah satu daripada tempat solat baginda di laluan ini.

Kota Madinah semakin hampir dan Rasulullah SAW sudah menempuh sebahagian besar jalan menuju ke sana. Ketika berada di Al-Rawha' iaitu sebuah tempat yang berjarak dua marhalah dari Madinah,[7] baginda bertemu dengan satu rombongan. Lalu baginda memberi salam dan bertanya, "Siapakah kamu?" Mereka menjawab, "Orang-orang Islam." Mereka bertanya kepada Rasulullah SAW, "Siapakah kamu?" Baginda menjawab, "Rasulullah." Kemudian seorang wanita dari kumpulan tersebut panik, lalu dia memegang lengan anaknya dan mengeluarkannya dari tandu[8] lantas bertanya, "Wahai Rasulullah, adakah budak ini beroleh haji?" Baginda menjawab: "Ya, dan kamu akan mendapat pahala."[232]

Saya berasa hairan terhadap rombongan yang disoal oleh Nabi Muhammad SAW itu. Mereka tidak menyandarkan diri mereka dengan sesuatu yang biasa dikaitkan dengan manusia, tidak kepada kabilah mahupun watan (tanah air). Sedangkan bangsa Arab mempunyai semangat asabiah yang kuat terhadap kabilah-kabilah dan negeri-negeri mereka, tetapi sebaliknya mereka (rombongan tersebut) menisbahkan diri mereka kepada agama yang mereka imani dan ikuti.

Saya juga hairan dengan pertanyaan mereka kepada Rasulullah SAW, "Siapa kamu?" Baginda tidak mempunyai lencana yang membezakan dirinya. Tiada lambang atau simbol yang dikhususkan untuk baginda. Sebaliknya baginda duduk bersama-sama orang ramai, bergaul rapat dengan mereka dan mendekati mereka sama seperti saudara-saudaranya yang lain dari kalangan para nabi dan para rasul. Firman Allah Ta'ala;

وَمَآ أَرۡسَلۡنَا قَبۡلَكَ مِنَ ٱلۡمُرۡسَلِينَ إِلَّآ إِنَّهُمۡ لَيَأۡكُلُونَ ٱلطَّعَامَ وَيَمۡشُونَ فِي ٱلۡأَسۡوَاقِ

Dan Kami tidak mengutus Rasul-rasul sebelummu (wahai Muhammad) melainkan orang-orang yang tentu makan minum dan berjalan di pasar-pasar.
– Surah al-Furqan (25): 20

[7] Jaraknya 70 km dari Madinah.

[8] Ia menyerupai raga tetapi tidak ada kubah di atasnya. Lihat *Matali' al-Anwar 'ala Sahhah al-Aathar*: 2/337 dan *'Aun al-Ma'bud*: 5/110.



Thaniyyah (laluan berbukit) Harsya yang terletak di pertengahan jalan. Dikatakan bahawa di lokasi masjid itulah tempat solat Nabi Muhammad SAW.

Thaniyyah (laluan berbukit) Harsya dari arah selatan. Kelihatan jalannya yang sangat mencabar lagi sempit.

Adapun wanita ini, dari keadaannya kelihatan bahawa dia melakukan haji dengan anak lelakinya yang masih kecil. Ketika bertemu dengan Nabi Muhammad SAW, dia ingin memastikan bahawa hajinya bersama puteranya itu sah. Betapa bahagia dan gembiranya wanita ini saat Nabi berkata kepadanya, “Ya.” Kemudian baginda menyusulinya dengan khabar gembira yang lain menerusi sabdanya, “Kamu pun mendapat pahala.”

Unta Nabi yang mulia meneruskan perjalanan sehingga menghampiri Madinah, namun baginda berhenti di Zu Al-Hulaifah iaitu sebuah lembah yang diberkati untuk bermalam di situ. Hal ini supaya mereka tidak mengetuk pintu Kota Madinah pada malam hari. Begitu juga supaya berita kepulangan mereka sampai terlebih dahulu kepada penduduk Madinah agar mereka sempat bersiap-siap untuk menerima keluarga mereka yang sudah lama pergi yang kini telah pulang kembali.

Bagaimana pula sangkaan anda terhadap perasaan kaum Ansar pada malam itu, ketika mereka mendekati kota mereka dan Rasulullah SAW masih ada bersama-sama mereka? Bagaimana pula perasaan mereka tatkala Nabi berjalan ke Madinah, ditemani oleh kabilah-kabilah yang datang bersama-sama baginda. Lalu setiap kabilah mengucapkan selamat tinggal kepada baginda apabila melewati kediaman mereka atau ketika mereka hampir mahu meninggalkan baginda. Bahkan penduduk Mekah turut mengucapkan selamat tinggal saat baginda mahu berangkat, kecuali mereka (Ansar) yang datang bersama-sama baginda dari Madinah. Sekarang mereka kembali semula ke Madinah bersama-sama baginda.

Kecemburuan apakah yang menyelubungi diri mereka saat berjalan bersama Rasulullah SAW. Mereka melihat kabilah-kabilah mula beredar ke lembah-lembah dan lurah-lurah, sedangkan Rasulullah SAW tetap bersama mereka dalam perjalanan tersebut; memasuki setiap lembah yang mereka masuki dan berjalan di setiap lurah yang mereka lalui? Adakah mereka masih ingat ketika hari baginda berkata kepada mereka, “Walaupun semua orang melalui jalan lembah dan Ansar mengambil laluan lurah, maka aku akan tetap berjalan mengikut kaum Ansar.”[233]

Laluan haji yang rata di kawasan Al-Abwa’.



Saki-baki petunjuk titik tengah yang menandakan pertengahan jalan antara Madinah dan Mekah.

Adakah mereka masih ingat apa yang baginda sebut kepada mereka iaitu pada hari baginda mengagihkan harta rampasan perang Hunain? Baginda mengagihkan ratusan unta tetapi tidak memberi unta kepada mereka walaupun seekor. Sabda baginda, "Adakah kamu tidak rela orang lain pulang dengan dunia (harta rampasan perang), sedangkan kalian pulang membawa Rasulullah dan mengiringinya ke rumah kalian?"[234]

Di manakah unta yang diberikan itu? Di manakah harta rampasan yang telah dibahagikan itu? Semuanya telah habis dibahagi-bahagikan. Bakinya barulah untuk golongan Ansar; bahagian dan ketentuan mereka adalah batang tubuh Rasulullah SAW itu sendiri buat penyejuk mata mereka. Pada hari itu mereka berkata, "Kami rela dengan agihan dan ketentuan Rasulullah." Demi Allah, sesungguhnya tali kekang selipar Rasulullah SAW jika diberikan kepada mereka ternyata ianya jauh lebih baik daripada harta rampasan perang dan apa yang diberikan kepada orang lain.

Kaum Ansar semakin hampir untuk memasuki kota Madinah dan orang ramai di sekitar mereka telah pun bertebaran kembali ke tempat masing-masing. Tinggallah Rasulullah SAW tetap bersama mereka bergegas memasuki kota Madinah untuk kembali ke rumah dan melangkah ke teratak mereka. Ya Allah, pasti gembira kaum Ansar pada malam itu. Bagaimanakah sinar mata mereka ketika memandang kota Madinah di depan mereka dan melihat Rasulullah berada di samping mereka?

Bagaimanakah kecemburuan dan kegirangan yang melonjak-lonjak dalam hati mereka saat mengimbau kembali janji Rasulullah SAW yang kemudiannya ditunaikan buat mereka? Baginda mempercayai mereka, lantas baginda berkata; “Hidup (ku) adalah bersama kamu, dan mati (ku) adalah bersama kamu.”[235]

Lokasi Masjid lama Al-Mua’rras. Kelihatan sisa runtuhan masjid di bawah pokok.



Lokasi masjid lama Al-Mua’rras di Zu Al-Hulaifah iaitu di bawah pokok di bahagian bawah gambar. Kelihatan juga di belakangnya masjid lama Zu Al-Hulaifah.

Bahagian 10

Pagi Ketibaan

Tatkala pagi, Nabi Muhammad SAW menuju ke kota Madinah lalu memasukinya dari jalan Al-Mu'arras. Sebelum ini, baginda keluar dari jalan Al-Syajarah.[236] Jarak kedua-dua jalan ini dengan Madinah lebih kurang enam batu, akan tetapi kedudukan Al-Mu'arras lebih dekat. Hal tersebut menjadi kebiasaan Nabi untuk menggunakan jalan yang berbeza. Baginda keluar dari Madinah melalui satu jalan dan memasukinya melalui jalan yang berbeza, sepertimana baginda memasuki Mekah melalui satu jalan dan keluar melalui jalan yang lain.

Saya tidak mengandaikan ada tujuan lain melainkan untuk menggembirakan sesiapa yang berada di sepanjang laluan tersebut supaya mereka mendapat bahagian daripada keberkatan perjalanan Nabi Muhammad SAW semasa melewati mereka.[9] Ketika mula menghampiri kota Madinah, baginda pun menyebut; "Tiada Tuhan yang berhak disembah selain Allah Yang Maha Esa, tidak ada sekutu bagi-Nya. Bagi-Nya segala kerajaan dan bagi-Nya segala pujian. Dia Maha Kuasa atas segala sesuatu. Kami adalah golongan yang kembali (kepada Allah), yang bertaubat, yang mengabdikan diri dan yang bersujud. Kepada Tuhan kami, kami memuji. Allah yang menepati janji-Nya, yang memberi pertolongan kepada hamba-Nya dan yang mengalahkan pakatan tentera Ahzab secara bersendirian."

Baginda terus menerus mengucapkannya sehingga memasuki Madinah. Apabila tembok kota Madinah mula jelas kelihatan, baginda memacu untanya bergerak lebih cepat kerana rindu dan cintanya pada Madinah.[237]

---

[9] Tentang hikmah perbuatan menggunakan jalan yang berbeza ini ada banyak pandangan. Ia diperincikan oleh Al-Hafiz dalam *Fath al-Bari*: 2/472-473 sehingga ada 20 pandangan. Lihat juga dalam *Syarh Sahih Muslim* karangan Al-Nawawi: 8/190.

Lokasi Masjid Al-Mua'rras di bahagian bawah gambar dan di bahagian atas gambar kelihatan menara Masjid Zu Al-Hulaifah (tempat miqat).

Maka, terlerailah sudah ikatan rombongan haji bersama-sama Rasulullah SAW. Setiap orang memecut tunggangan mereka menuju ke rumah masing-masing. Suasana tunggangan-tunggangan yang dipecut laju menuju ke arah yang berbeza-beza serta keadaan penunggangnya yang memacu deras tunggangan masing-masing memperlihatkan suasana mersik kegembiraan dan kegirangan. Sehingga hari ini penduduk Madinah menamakan tempat ini sebagai Al-Mufarrihat (pembawa khabar gembira). Ini kerana para pengembara akan kegembiraan apabila mereka sampai di situ; mereka mula melihat kelibat kota Madinah dan orang yang berada di kota juga mula dapat melihat kelibat mereka yang baru sampai.

Bersurailah rombongan itu yang pernah disatukan oleh satu jalan. Semua orang mengarahkan unta tunggangan mereka ke rumah masing-masing. Disebabkan berita kepulangan ini telah mendahului mereka (diketahui oleh orang ramai) maka makanan sudah tersedia di setiap rumah, para isteri telah siap berhias dan kanak-kanak mengawasi jalan dengan penuh minat dan kegembiraan.

Adapun Rasulullah SAW, baginda pergi ke masjid terlebih dahulu. Baginda memasukinya pada waktu duha. Begitulah kebiasaan Nabi apabila memasuki kota, baginda akan memulakannya dengan masjid dan solat dua rakaat. Selepas solat, baginda duduk bersama-sama orang ramai dan mereka yang menunggu baginda, memberikan salam kepadanya. Kemudian, baginda masuk bertemu keluarganya. Baginda mulakan dengan rumah Fatimah Radhiyallahu 'Anha dan memberi salam kepadanya. Selepas itu, baginda singgah ke setiap rumah isteri-isterinya.[238] Manakala penduduk Madinah, mereka menyusul kemudian bertemu Rasulullah SAW. Orang ramai memberi salam kepada baginda sepanjang hari itu dan sesudahnya.

Di antara mereka yang datang memberi salam ialah Ummu Ma'qil Radhiyallahu 'Anha.[239] Apabila dia memberi salam, baginda berkata kepadanya, "Wahai Ummu Ma'qil, mengapa kamu tidak menunaikan haji bersama kami?" Balas Ummu Ma'qil, "Wahai Rasulullah, kami sudah bersiap-siap, tetapi Abu Ma'qil telah meninggal dunia. Kami cuma ada seekor unta sahaja untuk kami tunggang bagi menunaikan haji, tetapi ia telah diwasiatkan (diderma) oleh Abu Ma'qil di jalan Allah." Lalu baginda berkata, "Alangkah ruginya kamu tidak keluar (untuk haji) dengan unta itu, kerana sesungguhnya haji juga adalah jalan Allah. Oleh kerana kamu telah terlepas haji ini bersama kami, maka laksanakanlah umrah pada bulan Ramadan kerana ia seperti haji."[240]



Salah satu daripada petunjuk jalan yang terpacak di Wadi Al-Qahah.

Salah satu petunjuk jalan yang terpacak di laluan haji.
Di sebelah kanan, Ustaz Abdul Hafiz Al-Quraiquri. Manakala di sebelah kiri, Sheikh Ahmad Al-Nu'mani.

Anda boleh bayangkan soalan Nabi yang ditanya kepada Ummu Ma'qil, "Mengapa kamu tidak menunaikan haji bersama kami?" Bagaimana baginda boleh perasan ketiadaan beliau sedangkan ada beribu-ribu ahli rombongan yang lain? Bagaimana baginda perasan sedangkan baginda sibuk dengan urusan orang ramai? Mengapa baginda perasan kehilangannya tetapi baru sekarang baginda bertanya kepadanya?

Saya tidak dapat membayangkan kegembiraan dan kebanggaan beliau (Ummu Ma'qil) tatkala ditanya soalan ini serta perasaannya apabila mendapat perhatian daripada Nabi Muhammad SAW. Ini adalah kebijaksanaan baginda dalam menyedarkan semua orang tentang kepentingan diri mereka. Sehinggakan seorang wanita Muslimah boleh mendapat tempat dalam perhatian Nabi, malahan baginda merasai ketiadaannya dan bertanyakan halnya. Tiada seorang pun dalam kehidupan Nabi yang berasa tersisih dan terpinggir!

Kebanyakan berpendapat bahawa Rasulullah SAW tiba di Madinah pada hari Khamis, 22 Zulhijah. Manakala tempoh antara keluarnya baginda dari Mekah (iaitu selepas selesai Haji Wada') dan keluarnya (wafat) baginda dari dunia ini adalah 80 malam. Maka ibadah haji baginda merupakan perpisahan yang diberkati (Al-Wada' Al-Mubarak) buat umatnya serta menjadi pengakhiran yang baik dalam hidupnya. Semoga Allah melimpahkan selawat, salam dan keberkatan ke atas

Nabi yang mulia ini. Sungguh mulia dirinya di sisi Allah. Sungguh besar keberkatan baginda ke atas umatnya.

Penyejuk mata buat kaum Muhajirin yang telah meninggalkan dunia (hijrah keluar dari Mekah) adalah untuk bersama Rasulullah SAW. Oleh itu, mereka telah berhijrah bersama baginda. Hari ini, mereka meninggalkan Mekah sebagaimana mereka meninggalkannya sebelum ini dan kembali bersama baginda. Penyejuk mata buat kaum Ansar yang berdiri di muka dunia adalah untuk menjadikan Rasulullah SAW tetap bersama mereka. Berbahagialah mereka kerana baginda tinggal bersama mereka dan cinta baginda serta doanya buat mereka.

Salah satu laluan sempit yang sukar di perjalanan.

Hentian Al-Muta'ashsya di satu laluan di Wadi Al-Jiyy.

Demi Allah! Allah tidak mengumpulkan mereka di sisi baginda di atas dunia ini dengan penuh keimanan melainkan untuk mengumpul mereka bersamanya di syurga pada kedudukan orang-orang yang benar dan orang-orang yang mati syahid.

Betapa rindu dan sayu pada wajah-wajah yang menyenangkan itu. Wahai Tuhan, kami mencintai mereka. Kami bertawasul memohon kepada Engkau dengan kecintaan mereka kepada Engkau, supaya Engkau mengumpulkan kami bersama mereka di syurga-Mu.



Kafilah unta suatu masa dahulu.

Bahagian 11

Sebelum Penulisan

Bahan kitab ini adalah hasil kajian berterusan ke atas pelbagai sumber. Ianya adalah himpunan khabar cerita kenabian. Saya tidak mahu membentangkan sumber-sumber ini secara terperinci seperti yang biasa dilakukan oleh penulis lain, tetapi sekadar menjelaskan secara umum kategori-kategori keseluruhan sumber-sumber ini.

Pertama: Penulisan-penulisan khusus yang menceritakan tentang Haji Wada'

Boleh jadi penulisan khusus yang paling awal tentang haji terakhir baginda adalah hadis Jabir bin Abdullah bin Haram Al-Ansari Radhiyallahu 'Anhu. Sesungguhnya dia adalah sebaik-baik perawi yang menceritakan tentang perjalanan haji baginda dan kronologi amalan tersebut secara tersusun. Oleh sebab itu, hadis beliau dinamakan sebagai 'Mansak'. Al-Zahabi ketika menukilkan biografi Jabir dalam *Tazkirah al-Huffaz* berkata, "Dan dia (Jabir) mempunyai *'Mansak Saghir'* (mansak kecil) tentang haji. - (Diriwayatkan oleh Muslim)[241]

Ibnu Kathir ada menyebut tentang beliau dalam kitabnya *Al-Bidayah wa al-Nihayah* ketika menyebut tentang haji baginda yang terakhir. Beliau berkata, "Fasal tentang penceritaan hadis Jabir bin Abdullah tentang haji baginda adalah satu-satunya 'mansak' yang tersendiri."[242]

Oleh kerana kepentingan hadis Jabir ini, maka para imam telah mengambil berat mengenainya. Al-Hafiz Abu Bakar Ibnu Al-Munzir telah menghuraikan hadis ini dalam sebahagian karyanya. Melalui hadis ini beliau telah mengeluarkan lebih daripada 150 masalah fiqah dan kalau diperhalusi lagi pasti akan melebihi jumlah tersebut.[243]

Saya telah merujuk hadis Jabir dalam;

- *Hajjatu al-Nabi Sollallahu 'Alayhi wa Sallam Kama Rawaha Jabir Radhiyallahu 'Anhu* oleh Syeikh Muhammad Nasiruddin Al-Albani.
- *Sifatu Hajjati al-Nabi Sollallahu 'Alayhi wa Sallam Syarh Hadis Jabir al-Tawil* oleh Syeikh Abdul Aziz bin Marzuq Al-Tarifi.
- *Syarh Hadis Jabir bin Abdillah Radhiyallahu 'Anhu fi Sifati Hajjati al-Nabi Sollallahu 'Alayhi wa Sallam* oleh Syeikh Muhammad bin Soleh bin 'Uthaimin Rahimahullah.

Saya juga telah merujuk kitab-kitab komprehensif yang menghimpunkan sifat haji Nabi Muhammad SAW. Di antara kitab-kitab tersebut ialah;

1. *Hajjatu al-Wada'* oleh Imam Abi Muhammad Ali bin Hazm Al-Zahiri. Saya mendapat manfaat daripada muqaddimahnya yang mengumpulkan riwayat-riwayat hadis dalam satu tema yang sama. Maka saya turut menggunakan cara yang sama dalam kitab ini.
2. *Safwatu al-Qira Fi Sifati Hajjati al-Mustafa wa Tawwafihi bi Ummi al-Qura* oleh Muhibuddin Ahmad bin Abdullah Al-Tabari. Ianya telah dicetak dengan nama *Hajjatu al-Mustafa*.
3. *Hajjatu al-Wada'* oleh Muhammad Zakaria Al-Kandahlawi. Kitab ini menerangkan sifat haji Nabi sepertimana yang dinukilkan oleh Ibnu Al-Qayyim dalam kitabnya *Zad al-Ma'ad*.
4. *Sifatu Hajjati al-Nabi Sollallahu 'Alayhi wa Sallam* oleh 'Isam Musa Hadi. Ia merupakan kitab pengumpulan hadis yang teliti bagi hadis-hadis berkaitan haji Nabi Muhammad SAW berserta susunan kronologinya.
5. *Al-Wasiyyah al-Nabawiyyah* oleh Dr. Faruq Hamadah. Kitab ini merupakan himpunan dan huraian lafaz-lafaz khutbah Haji Wada'.

Kedua: Kitab-kitab himpunan hadis.

Bagi mengumpulkan lebih banyak riwayat-riwayat hadis, maka saya telah meneliti bab haji dalam sebahagian himpunan kitab-kitab hadis. Di antaranya ialah;

1. *Al-Jam'u Baina al-Sahihain* oleh Abi Muhammad Abdul Haq Al-Isybili.
2. *Zawaid al-Sunan 'Ala al-sahihain* oleh Syeikh Soleh bin Ahmad Al-Syami.
3. *Jami' al-Usul* oleh Abi Al-Sa'adat Al-Mubarak bin Muhammad Ibnu Al-Athir Al-Jazari.
4. *Majma' al-Zawaid* oleh Hafiz Nuruddin Ali bin Abi Bakr Al-Haithami.
5. *Al-Matalib al-'Aliyah* oleh Hafiz Ahmad bin Ali bin Hajar Al-'Asqalani.

Saya telah mendapat manfaat daripada sumber-sumber rujukan yang khusus lagi komprehensif ini. Sumber rujukan ini membawa saya kepada sumber asalnya yang terdiri daripada kitab-kitab sunnah seperti kitab Sahih al-Bukhari, Sahih Muslim, kitab-kitab Sunan, kitab-kitab Masanid dan kamus-kamus yang anda lihat di dalam nota akhir buku ini seperti yang dilampirkan. Saya juga mendapat banyak manfaat ketika merujuk kitab-kitab huraian hadis yang tidak terkira banyaknya seperti kitab *Fath al-Bari*, *Hadi al-Sari*, *Ikmal al-Mu'allim*, *Syuruh al-Misykah* dan sebagainya.

Ketiga: Kitab-kitab sirah dan syamail.

Peristiwa Haji Wada' telah dinyatakan dalam kronologi sirah dan petunjuk Nabi Muhammad SAW dalam buku-buku berikut. Di antaranya ialah:

1. *Zad al-*Ma'ad oleh Imam Syamsuddin Muhammad bin Abi Bakr Ibnu Al-Qayyim Al-Jauziyyah.
2. *Al-Bidayah wa al-Nihayah* oleh Hafiz Abi Al-Fida' Ismail bin Umar bin Kathir Al-Dimasyqi (Bahagian Sirah Nabawiyyah).
3. *Syarh al-Zarqani 'Ala al-Mawahib al-Laduniyyah* oleh Hafiz Abi Al-'Abbas Ahmad bin Muhammad Al-Qistilani Al-Syafi'ie.

Keempat: Kitab-kitab sejarah Mekah.

Saya telah merujuk kitab sejarah Mekah hasil penulisan Al-Azraqi yang dinamakan *Akhbar Makkah Syarrafaha Allah Ta'ala, Wa Ma Ja'a Fiha Min al-Athar*, kitab sejarah Mekah hasil penulisan Al-Fakihi yang dinamakan *Akhbar Makkah Fi Qadim al-Dahr wa Hadithih*, kitab sejarah Mekah hasil tulisan Al-Kurdi yang dinamakan *Al-Tarikh al-Qawim Li Makkah wa Bait Allah al-Karim*. Kesemua kitab-kitab ini telah dicetak dengan bantuan Yang Mulia Syeikh Dr. Abdul Malik bin Abdullah bin Dahish.

Kelima: Talaqqi (bersemuka) dengan tuan-tuan guru.

Antara apa yang saya dapat manfaat dari guru-guru saya, di antara mereka ialah Yang Mulia Syeikh Abdullah bin Sulaiman bin Mani', Yang Mulia Syeikh Abdullah Ibnu Syeikh Al-Mahfuz bin Bayyah, Yang Mulia Syeikh Dr. Abdul Malik bin Abdullah bin Dahish, Yang Mulia Syeikh Dr. Abdul Wahhab bin Ibrahim Abu Sulaiman, saudara saya Syeikh Tuan Guru Abdul Aziz bin Marzuq Al-Tarifi dan selain daripada mereka.

Selain itu, saya juga berkesempatan mengambil faedah daripada orang-orang tua di sekitar Najd dan Hijaz serta orang-orang yang mempunyai persekitaran hidup yang dekat dengan keadaan manusia yang hidup pada zaman Nabi SAW. Contohnya seperti kehidupan mereka yang berpindah-randah dengan menggunakan tunggangan unta, kehidupan mereka yang mencari sumber air dan telaga serta pengetahuan mereka terhadap alat-alat yang digunakan disebabkan persamaan persekitaran dan cara hidup.

Keenam: Apabila saya bertekad untuk mencetak semula buku ini pada tahun 1437 Hijrah berserta membuat beberapa penambahan, maka saya telah melakukan satu lagi ekspedisi lain yang lebih teliti melalui laluan para nabi di antara Madinah dan Mekah. Saya mengikuti tempat-tempat persinggahan di sepanjang jalan, satu demi satu. Saya melewati lurah-lurahnya, mendaki ke puncak-puncaknya, turun ke lembah-lembah yang rendah dan meninjau dari puncak-puncaknya. Saya berhenti di tempat setiap penunjuk jalan yang diletakkan tanda-tanda pada laluan ini sejak awal pemerintahan Bani Abbasiyah. Tanda-tanda ini berupa batu-

batu besar dengan jarak yang sama di antara setiap tanda. Jarak setiap satu tanda dengan yang berikutnya adalah 1700 meter. Kebanyakan daripada tanda-tanda ini masih berdiri kukuh di tempatnya, walaupun ada sebahagiannya telah runtuh dan lenyap.

Saya melakukan ekspedisi ini bersama dua individu yang baik hati dari penduduk setempat. Mereka memang pakar tentang jalan, tempat-tempatnya, tanda-tandanya dan lorong-lorongnya. Mereka berdua adalah; Sheikh Ahmad Al-Nu'mani iaitu seorang ahli sejarah dan geografi yang merupakan penduduk Al-Abwa' dan Ustaz Abdul Hafiz Al-Quraiquri iaitu seorang ahli geografi yang merupakan penduduk Qudaid. Mereka telah memberikan bantuan sepanjang ekspedisi ini bagi mengatasi segala kesukaran dan rintangan perjalanan. Ekspedisi ini melalui jalan-jalan yang sukar dan tidak rata. Saya mengucapkan rasa syukur kepada Allah atas kerjasama mereka berdua. Sangat besar ganjaran buat mereka berdua!

Sesungguhnya ketika merentasi jalan-jalan ini, saya telah membayangkan rombongan besar yang bergerak bersama Rasulullah SAW. Mereka menembusi laluan-laluan puncak bukit yang sempit dan sulit serta melewati lembah yang berjauhan dan tandus. Saya meneliti permukaan tanah dan melihat akan jerih perih sebuah perjalanan yang harus dihadapi para musafir disebabkan jaraknya yang jauh. Di waktu itu, perjalanan merupakan sebahagian daripada penyeksaan.

Saya dapat melihat tempat-tempat yang mendapat kemuliaan dengan jejak telapak kaki Rasulullah SAW yang harum mewangi dengan nafasnya dan diabadikan ceritanya kerana terkait dengan ingatan kepada kisah baginda. Ini adalah Sarif, itu Kura' Al-Ghamim, ini Lahy Jamal, itu pula Qudaid, di sana Harsya dan di situ Kadid.

Dari sini baginda berjalan dan di sini baginda beristirahat. Di sana baginda mengawasi dan di sini baginda turun. Di sini terpantul bayang-bayang baginda dan tanda-tanda jalan itu pula menceritakan perjalanannya serta mengkhabarkan kisahnya. Semoga Allah memberikan selawat dan salam ke atas baginda.

Ketujuh: Gambar-gambar dan peta.

1. Saya telah mengambil gambar tempat-tempat yang disebut dalam kronologi haji baginda, bermula dari keluarnya baginda dari Madinah sehingga keluarnya baginda dari Mekah.

2. *Atlas Kharait Makkah al-Mukarramah* oleh Dr. Mi'raj bin Nawwab Mirza.

3. *Al-Atlas al-Musawwar li Makkah al-Mukarramah wa al-Masya'ir al-Muqaddasah* oleh Dr. Mi'raj bin Nawwab Mirza dan Dr. Abdullah bin Soleh Shawish, terbitan Istana Raja Abdul Aziz.

4. Kumpulan gambar-gambar dan peta-peta dari Pusat Pendidikan dan Penyelidikan Al-Madinah Al-Nabawiyyah. Terima kasih atas kerjasama mereka yang baik.

5. Gambar-gambar dari koleksi saudara Tahir Niyazi yang sudi mengirimkannya kepada saya.

6. Gambar-gambar dari kitab *Al-habibah al-Madinah al-Munawwarah* oleh Hatim Umar Taha dan Soleh Abdul Hamid Hijar.

Bahagian 12

Selepas Penulisan

Semasa proses pengesahan bahan buku ini dan mengimputasi kepada sumbernya yang asli, saya sangat mengambil berat soal pemilihan nas-nas dan kaedah penulisan. Perkara-perkara yang saya begitu teliti mengenainya adalah seperti berikut:

1. Sesungguhnya paparan kronologi peristiwa-peristiwa haji Nabi Muhammad SAW adalah hasil pengumpulan dari riwayat-riwayat dan laporan-laporan yang pelbagai. Saya kumpulkan kesemuanya dalam satu kronologi tanpa memperincikan riwayat-riwayatnya atau menspesifikasikan sesuatu nas daripada nas-nas yang lain. Saya mencontohi pendekatan Imam Al-Zuhri Rahimahullah ketika beliau meriwayatkan 'hadis *al-Ifki*' (kisah Aisyah difitnah) daripada beberapa guru-gurunya.

Imam Al-Zuhri berkata, "Kesemua mereka menukilkan kepadaku satu bahagian daripada hadisnya. Sebahagian mereka lebih kuat hafalan, lebih faham dan lebih menghayatinya berbanding sebahagian yang lain, lalu aku menetapkannya mengikut cara tersebut. Aku cuba memahami hadis setiap orang daripada mereka yang disampaikan kepadaku sebagaimana yang diceritakan oleh Aisyah Radhiyallahu 'Anha. Sebahagian hadis mereka membenarkan sebahagian yang lain."[244] Kemudian dia (Imam Al-Zuhri) menyusunnya mengikut kronologi.

Imam Ibnu Juraij Rahimahullah telah meriwayatkan 'hadis jamal' (unta) Jabir Radhiyallahu 'Anhu, daripada Ato' bin Abi Rabah dan selainnya seraya berkata, "Sebahagian mereka menambah ke atas

sebahagian yang lain (pada riwayat), dan belum ada seorang pun yang menyampaikan riwayat tersebut sepenuhnya."[245]

Tokoh sejarah peperangan dan sirah iaitu Muhammad bin Umar Al-Waqidi Rahimahullah; ketika meriwayatkan hadis daripada beberapa orang gurunya, beliau berkata, "Maka setiap seorang dari mereka telah memberitahuku sebahagian daripada hadis ini. Sebahagian mereka lebih kuat hafalan dan kefahaman berbanding dari yang lain. Aku telah mengumpulkan semua perkara yang telah mereka sampaikan kepadaku."[246]

Begitu juga apa yang dilakukan sebahagian daripada imam-imam hadis apabila meriwayatkan sebuah hadis daripada beberapa guru mereka. Mereka (imam hadis) berkata: "Telah bertindih hadis mereka antara satu dengan yang lain," atau "Boleh jadi mereka saling tambah-menambah pada riwayat."[247] Kemudian, mereka membina satu lafaz yang menghimpunkan kesemua riwayat-riwayat guru-guru mereka. Lalu jadilah teks (matan) keseluruhan hadis itu daripada kesemua mereka, bukannya keseluruhan teks hadis itu daripada hanya seorang daripada mereka.[248]

Begitu juga yang dilakukan oleh Imam Ibnu Hazm Rahimahullah di dalam kitabnya *Hajjatu al-Wada'*. Beliau menggabungkan riwayat-riwayatnya pada pendahuluan bukunya dalam nas (teks) dan konteks yang sama dalam lingkungan 12 halaman. Kemudian halaman selebihnya, buku itu beliau jadikan huraian bagi nas tersebut.

Oleh yang demikian, penting mengembalikan setiap perenggan itu kepada himpunan sumber-sumber hadis yang komprehensif sekalipun saling terpisah-pisah (antara riwayat). Ia bagi nas yang konteksnya dihasilkan dari kumpulan yang sama walaupun riwayatnya saling terpisah di antara satu sama lain.

2. Saya tidak terlalu terikat dengan lafaz seorang sahabat dalam riwayatnya bagi peristiwa dan kejadian yang berlaku, namun saya sedaya upaya akan menelitinya semampu mungkin. Kadang-kadang saya akan mengolah suatu lafaz yang sesuai dengan menggandingkannya dengan nas-nas yang lain dan menggabungkannya dengan konteks peristiwa.

Namun bagi lafaz Nabi SAW, saya akan terikat dengannya dan tidak akan mengolahnya kecuali dalam rangka memilih antara riwayat-riwayat atau menggabungkannya dengan tujuan untuk mendapatkan daripada keseluruhan riwayat tersebut nas-nas yang paling sempurna dan yang paling lengkap.

3. Saya berusaha sedaya upaya untuk menerima nas-nas yang sahih dalam penulisan kitab ini. Terdapat juga riwayat-riwayat dan hadis-hadis yang pada sanadnya sedikit daif (lemah) namun ia bertepatan dengan konteks hadis-hadis yang sahih serta pada matannya tiada kemungkaran yang jelas. Hal ini berlaku kerana; apabila hadis-hadis tersebut dikumpulkan, maka ia akan mendedahkan perkara yang dianggap boleh dipertikaikan dan tidak bertepatan dengan sejumlah riwayat yang sahih, sekalipun pada zahir sanadnya kadang-kadang sahih.

Sebagai contoh, terpaksa mendaifkan suatu riwayat yang pada sanadnya ada kritikan kerana wujud bukti-bukti yang menyokong maknanya atau kerana konteks hadis-hadis itu mengikatnya atau kerana ia menutup kekosongan pada kronologi peristiwa-peristiwa sedangkan tiada pada matannya sesuatu yang disangkal.

4. Dalam kebanyakan hadis, terdapat penentuan masa dan tempat yang memudahkan untuk meletakkannya pada kedudukan sahih mengikut kronologi haji baginda Nabi SAW. Dalam masa yang sama, terdapat juga hadis-hadis yang tidak ada sebarang petunjuk masa dan tempat. Oleh sebab itu, penyusunannya dalam kronologi peristiwa ini memerlukan kepada kesungguhan dan ijtihad.

Saya telah menggembleng usaha untuk memastikan setiap hadis selari dengan kronologi masa dan tempat berpandukan apa yang ditunjukkan oleh lafaznya, himpunan riwayat-riwayatnya dan keselariannya dengan hadis-hadis yang lain. Tetapi kadang-kadang pada usaha itu ada kecuaian dan pada ijtihad itu ada kesilapan. Walau bagaimanapun, cukup untuk saya nyatakan bahawa saya sudah berusaha semampunya dan saya tidak menyimpang.

5. Saudara saya Syeikh Mahmud Sya'ban Abdul Maqsud telah mentakhrijkan hadis-hadis dan akhbar (berita yang bersumberkan daripada Rasulullah, sahabat mahupun tabiin) serta mengaitkannya kepada sumber-sumbernya yang asal. Beliau telah berhempas-pulas dalam usaha tersebut dengan komitmen yang tidak dapat dilupakan dan wajar dihargai sehinggalah buku ini dapat diterbitkan dengan takhrij yang lengkap serta dipercayai lagi teliti. Syukur kepada Allah bagi pihaknya atas keikhlasan dan komitmennya.

Selanjutnya, saya berterima kasih dan menyeru kepada setiap orang yang membaca buku ini yang kemudiannya berbesar hati mengirimkan teguran kepada saya untuk melengkapkan kekurangan, menutup kecacatan serta membetulkan kesalahan. Ketahuilah bahawa ilmu itu adalah tali persaudaraan antara ahli-ahlinya. Seseorang itu kelihatan sedikit apabila bersendirian, namun menjadi ramai apabila bersama saudara-saudaranya. Ternyata setiap ilmu itu menuntut kepada kesungguhan dan memperingatkan kita dengan firman Pencipta kita:

وَمَآ أُوتِيتُم مِّنَ ٱلۡعِلۡمِ إِلَّا قَلِيلٗا ٨٥

Dan kamu tidak diberikan ilmu pengetahuan melainkan sedikit sahaja. – Surah al-Israk (17): 85

Saya berdoa kepada Allah bagi sesiapa yang bersengkang mata pada kitab ini (membaca) sehingga sampai ke baris-baris ini supaya dikurniakan kepadanya rasa cinta kepada Nabi Muhammad SAW

sehingga memperoleh tawaran baginda pada hari baginda bersabda, "Seseorang itu bersama dengan orang yang dicintainya."[249]

Saya juga memohon kepada Allah bagi sesiapa yang mengingati saya dengan doanya yang baik supaya dikabulkan baginya apa yang didoakan dan dikurniakan kepadanya sesuatu yang lebih baik daripada apa yang diminta. Semoga Allah mengumpulkan saya dan dia bersama orang-orang yang saling berkasih sayang kerana Allah di bawah naungan Arasy-Nya pada hari yang tiada naungan melainkan naungan-Nya.

رَبَّنَآ ءَامَنَّا بِمَآ أَنزَلْتَ وَٱتَّبَعْنَا ٱلرَّسُولَ فَٱكْتُبْنَا مَعَ ٱلشَّٰهِدِينَ ﴿٥٣﴾

"Wahai Tuhan kami! Kami telah beriman kepada apa yang telah Engkau turunkan, dan kami mengikut RasulMu; oleh itu suratkanlah kami beserta orang-orang yang menjadi saksi (yang mengakui keesaanMu dan kebenaran RasulMu)." – Surah Ali Imran (3): 53

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Abdul Wahhab bin Nasir Al-Turairi
Al-Riyadh
20/2/1432H
altriri@hotmail.com

Bahagian 13

Rakaman Penghargaan

Setelah membaca buku ini; guru kami yang alim dan seorang pentahqiq iaitu Yang Mulia Al-Syeikh Abdullah bin Al-Syeikh Al-Mahfuz bin Bayyah telah sudi mempersembahkan bait-bait syairnya. Ianya adalah sebagai rasa syukur dan gembira seorang bapa terhadap anaknya, serta galakan guru terhadap muridnya. Ia juga gambaran rendah hati seorang ulama dan kemuliaan orang-orang yang hebat.

*Wahai Abu Nasir, santunilah seorang musafir yang engkau temani, dan cahaya (Nabi) di bumi yang bergerak.

* (Santunilah) dek kerana sebuah perjalanan yang tidak pernah disaksikan sepanjang zaman sepertinya, ditemani bintang-bintang langit yang bergemerlapan.

*Sebaik-baik manusia (Nabi) telah mendahuluinya (perjalanan), rombongannya diiringi dengan khabar-khabar gembira.

*Para sahabat telah berbicara panjang menukil apa yang berlaku, dari anak Abbas kepada Asma' dan Jabir.

*Engkau telah menulis dengan rendah hati huruf-huruf ceritanya, dan air mata yang deras mengalir keluar di lingkaran mata.

*Semoga Tuhan yang memilik Arasy mengganjari engkau dengan mencerahkan wajahmu, di kalangan wajah-wajah yang penuh ceria atas apa yang engkau usahakan.

Yang mencintaimu dan mengharapkan doamu,
Abdullah bin Al-Syeikh Al-Mahfuz bin Bayyah

Rujukan

[1] Lihat *Sahih Muslim*: 1297; *Sunan al-Baihaqi*: 5/125. Akan didatangkan takhrijnya.

[2] Lihat *Sahih al-Bukhari*: 631, 6008, 7246; *Sahih Muslim*: 674.

[3] Lihat *Tabaqat Ibn Sa'ad*: 1/299; *Tarikh al-Tabari*: 2/179; *Majmu' al-Fatawa*: 7/303, 17/399-408, (26/7, 66); *Zad al-Ma'ad*: 2/101, 3/595-596; *Al-Isobah*: 3/272; *Fath al-Bari*: 3/378, 8/83; *Al-Tahrir wa al-Tanwir*: 2/231.

[4] Lihat *Sahih al-Bukhari*: 369, 1622, 4655; *Sahih Muslim*: 1347; *Dalail al-Nubuwwah* oleh Al-Baihaqi: 5/295-296.

[5] Lihat *Musnad Ahmad*: 14440; *Sahih Muslim*: 1218; *Sunan al-Nasa'i*: 2740, 2761; *Sahih Ibn Hibban*: 3944.

[6] Lihat *Musnad Ahmad*: 905, 2304, 10607; *Sahih al-Bukhari*: 7288; *Sahih Muslim*: 1337; *Jami' al-Tirmizi*: 814, 3055; *Sunan Ibn Majah*: 2885, 2915; *Sunan al-Nasa'i*: 2619; *Sahih Ibn Khuzaimah*: 2508; *Sahih Ibn Hibban*: 3704; *Mu'jam al-Tabarani al-Kabir*: 7671; *Musnad al-Syamiyyin*: 955; *Sunan al-Baihaqi*: 4/324; *Al-Ahadis al-Mukhtarah*: 2/487-488, 2228, 2229; *Fath al-Bari*: 13/260); *Al-Tahrir wa al-Tanwir*: 7/66.

[7] Lihat *Musnad Ahmad*: 5070, 5323; *Sahih al-Bukhari*: 133, 1525; *Sahih Muslim*: 1182; *Sunan Ibn Majah*: 2915; *Sunan al-Nasa'i*: 2652; *Sahih Ibn Khuzaimah*: 2599; *Sahih Ibn Hibban*: 3761.

[8] Lihat *Musnad Ahmad*: 4868, 5325; *Sahih al-Bukhari*: 1543, 1545, 1838, 5805; *Sahih Muslim*: 1177; *Sunan Ibn Majah*: 2929; *Sahih Ibn Khuzaimah*: 2684; *Sahih Ibn Hibban*: 4835; *Sunan al-Baihaqi*: 5/49.

[9] Lihat *Musnad Ahmad*: 4843, 6284; *Sahih al-Bukhari*: 1089, 1533, 1545, 1546; *Sahih Muslim*: 690, 1257.

[10] Lihat *Musnad Ahmad*: 14116; *Sahih Muslim*: 1213.

[11] Lihat *Musnad Ahmad*: 26953; *Sahih al-Bukhari*: 5089; *Sahih Muslim*:1207, 1208; *Sunan Ibn Majah*: 2936; *Sunan al-Nasa'i*: 2766.

[12] Lihat *Sirah Ibn Hisham*: 2/601.

[13] Jarak antara Abyar Ali dan Madinah adalah lebih kurang 10 kilometer. Sekarang, ia merangkumi pembinaan Madinah Al-Munawwarah. Lihat *Mu'jam al-Ma'alim al-Jughrafiyyah al-Waridah fi al-Sirah al-Nabawiyyah*: ms 103-104.

[14] Lihat *Musnad Ahmad*: 6205; *Sahih al-Bukhari*; 1535, 2336; *Sahih Muslim*: 1346; *Sahih Ibn Khuzaimah*: 2616.

[15] Lihat *Musnad Ahmad*: 12818; *Sahih al-Bukhari*: 1089, 1547; *Sahih Muslim*: 690; *Sunan Abi Daud*: 1202; *Jami' al-Tirmizi*: 546; *Sunan al-Nasa'i*: 469; *Sunan al-Baihaqi*: 5/38.

[16] Lihat *Sahih al-Bukhari*: 270; *Sahih Muslim*: 1192.

[17] Lihat *Musnad Ahmad*: 25587; *Sahih al-Bukhari*: 1534, 1556, 1786; *Sahih Muslim*: 1211; *Sahih Ibn Khuzaimah*: 3028.

[18] Lihat *Sahih Muslim*: 1218; *Sunan al-Nasa'i*: 2664; *Sunan Ibn Majah*: 2912.

